




PIAWAIAN KLASIFIKASI INDUSTRI MALAYSIA 2008 Ver. 1.0



PIAWAIAN KLASIFIKASI INDUSTRI MALAYSIA

Pengangkutan

Pembuatan

Pentadbiran

Pembinaan

Perdagangan Borong & Runcit

Maklumat & Komunikasi

Kewangan & Insurans

Penginapan & Perkhidmatan

Professional

Pendidikan

Perhutanan


Pertanian

Kesenian & Hiburan

**PIAWAIAN KLASIFIKASI
INDUSTRI MALAYSIA (MSIC)
2008 VER. 1.0**

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

DISEMBER 2009



PRAKATA

Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia 2008 (MSIC 2008) Ver. 1.0 disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia untuk digunakan bagi tujuan pengumpulan, penyusunan dan penerbitan perangkaan. Perangkaan bagi klasifikasi aktiviti ekonomi ini diperoleh daripada banci dan penyiasatan serta data yang disusun dari rekod pentadbiran. MSIC dicadangkan agar menjadi satu klasifikasi standard bagi aktiviti ekonomi yang produktif. Tujuan utamanya adalah untuk menyediakan satu set kategori aktiviti yang boleh digunakan dalam pengumpulan dan penerbitan perangkaan mengikut aktiviti tertentu. Justeru itu, matlamat MSIC adalah untuk mempersembahkan sekumpulan kategori aktiviti supaya entiti dapat diklasifikasikan mengikut aktiviti ekonomi yang dijalankan.

Perubahan yang ketara dalam struktur ekonomi Malaysia adalah kesan daripada kewujudan aktiviti dan persekitaran ekonomi baru serta kemajuan teknologi. Oleh itu, adalah wajar klasifikasi ini dikemaskini dengan mengambil kira perubahan yang berlaku dalam aktiviti ekonomi dan struktur aktiviti termasuk kewujudan industri baru di Malaysia. Terbitan ini adalah pengemaskinian daripada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia 2000 (MSIC 2000) yang telah digunakan sebagai rujukan utama klasifikasi bagi semua banci dan penyiasatan ekonomi dan isi rumah yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

MSIC 2008 Ver. 1.0 disediakan berasaskan *International Standard Industrial Classification of All Economics (ISIC) Revision 4* yang diterbitkan oleh *United Nations Statistics Division* bagi tujuan perbandingan di peringkat antarabangsa dengan beberapa penyesuaian bagi memenuhi keperluan negara. Dalam usaha membangunkan klasifikasi ini, rundingan dengan beberapa kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan telah diadakan bagi mendapatkan gambaran jelas mengenai sesuatu aktiviti ekonomi. Dengan ini, diharapkan penerbitan ini dapat diguna pakai oleh kedua-dua sektor awam dan swasta bagi memastikan data yang dikeluarkan konsisten dan dapat dibuat perbandingan. Ulasan dan saranan ke arah penambahbaikan klasifikasi ini di masa hadapan sangatlah dihargai.

MSIC 2008 Ver.1.0 disediakan oleh kumpulan kerja teknikal yang terdiri daripada anggota dari pelbagai bahagian di Jabatan dan input daripada pelbagai agensi kerajaan. Saya amat berbesar hati dan berterima kasih di atas komitmen yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

DATO' HAJAH WAN RAMLAH BINTI WAN ABD. RAOF
Ketua Perangkawan Malaysia.

PIAWAIAN KLASIFIKASI INDUSTRI MALAYSIA (MSIC) 2008 VER. 1.0**PENGENALAN**

Piawaiian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver. 1.0 adalah klasifikasi untuk kesemua aktiviti ekonomi di Malaysia dibangunkan berdasarkan *International Standard Industrial Classification of All Economics (ISIC) Revision 4* yang telah diterbitkan pada Disember 2006 (dengan keperluan perubahan dan modifikasi untuk memenuhi keperluan negara). Ia menggantikan MSIC 2000 yang dibangunkan berasaskan kepada *ISIC Revision 3*.

Tujuan utama MSIC adalah menyediakan satu set kategori aktiviti yang boleh digunakan semasa pengumpulan dan persembahan statistik mengikut aktiviti berkenaan. Industri dibentuk melalui penggabungan unit yang mempunyai persamaan aktiviti utama mengikut kriteria persamaan yang khusus. MSIC boleh digunakan untuk mengeluarkan statistik mengikut aktiviti atau industri bagi enterpris dan juga pertubuhan atau mengikut jenis unit aktiviti.

SEJARAH**PEMBANGUNAN**

Malaysia Industrial Classification (MIC) yang pertama telah diterbitkan pada 1957. Ia kemudian telah disemak pada 1967 untuk diselaraskan dengan *International Standard Industrial Classification of All Economics Activities (ISIC) 1958 (Statistical Papers, Series M, No.4, Rev.1)* dan sekali lagi disemak pada 1972 bersesuaian dengan perubahan dalam *ISIC of 1968 (Statistical Papers Series M, No. 4, Rev.2)*. MSIC 2000 merupakan semakan ketiga di dalam siri ini berdasarkan ISIC yang dikeluarkan pada 1990 (*Statistical Papers Series M No. 4 Rev.3*).

DASAR DAN**PRINSIP****KLASIFIKASI**

Objektif sistem klasifikasi industri adalah untuk mengelaskan data dalam ekonomi mengikut kategori aktiviti dan kriteria yang sama. MSIC adalah klasifikasi jenis aktiviti ekonomi dan bukan klasifikasi barangan dan perkhidmatan atau pekerjaan.

KLASIFIKASI**MENGIKUT AKTIVITI****UTAMA**

Aktiviti utama sesuatu unit sepatutnya ditentukan dengan merujuk kepada nilai tambah bagi barangan yang telah dijual atau perkhidmatan yang telah diberi. Kebiasaannya adalah tidak mudah untuk mendapatkan maklumat tentang nilai tambah sesuatu produk dan perkhidmatan. Oleh itu, dicadangkan di dalam kes-kes sedemikian, aktiviti utama itu ditentukan berdasarkan kriteria berikut:

- Nisbah keluaran kasar sesuatu unit yang mewakili barangan atau perkhidmatan yang berkaitan dengan aktiviti tersebut;
- Nilai jualan dalam kumpulan produk;
- Jumlah pekerja sekiranya boleh dipecahkan mengikut jenis aktiviti.

Penyelesaian bagi integrasi menegak di dalam MSIC di mana sesuatu unit yang mempunyai rangkaian aktiviti integrasi menegak sepatutnya dikelaskan kepada kelas mengikut sifat produk terakhir. Manakala, pengelasan bagi semua unit multi-aktiviti dibuat mengikut kriteria nilai tambah.

Klausa 'jenis aktiviti ekonomi utama' dalam definisi menimbulkan permasalahan bagi unit yang mempunyai pelbagai aktiviti. Sebagai contoh, terdapat kes di mana hanya satu entiti yang sah mungkin terlibat dalam lebih dari satu jenis aktiviti di satu lokasi, atau dua atau lebih di tempat yang berdekatan. Kemungkinan amalan penyimpanan rekod input dan output bagi item untuk aktiviti entiti ini tidak dapat diasingkan. Dalam keadaan ini, adalah perlu untuk menggunakan 'unit tempatan' iaitu entiti yang mempunyai lebih daripada satu aktiviti ekonomi di satu lokasi sebagai unit statistik. Oleh itu, unit tempatan ini meliputi aktiviti-aktiviti yang berkaitan, di mana satu lebih dominan daripada yang lain. Aktiviti yang dominan ini dikenali sebagai aktiviti primer manakala selebihnya adalah aktiviti sekunder. Walau bagaimanapun sekiranya setiap pelbagai jenis aktiviti ini adalah cukup kukuh, usaha hendaklah dibuat untuk membahagikan unit tempatan ini kepada unit-unit statistik yang setara kepada pertubuhan.

KLASIFIKASI**MENGIKUT AKTIVITI****UTAMA**

Reka bentuk MSIC 2008 Ver. 1.0 adalah berdasarkan pertubuhan. Pertubuhan diklasifikasi mengikut aktiviti ekonomi utama berdasarkan kelas utama barangan yang dikeluarkan atau perkhidmatan yang diberi. Ini meliputi antara lainnya organisasi individu, kilang, estet, kedai, dll. Klasifikasi industri bagi pertubuhan tersebut tidak membezakan antara jenis pemilikan, jenis organisasi ekonomi atau mod operasi.

Dalam aktiviti ekonomi seperti pembinaan, pengangkutan dan komunikasi, satu entiti yang sah akan melaksanakan aktiviti yang sama meliputi kawasan geografi yang luas dan berkemungkinan tidak menyimpan rekod input dan output mengikut kawasan. Dalam bidang aktiviti ini, mungkin perlu untuk menggunakan unit 'jenis aktiviti' (yang tiada sekatan dari segi kawasan geografi dimana suatu jenis aktiviti dilaksanakan oleh satu entiti yang sah) selain daripada pertubuhan sebagai unit statistik.

Data yang telah dikumpul daripada pertubuhan jarang mempunyai hubungkait sepenuhnya dengan sistem klasifikasi. Pelbagai kategori pengkelasan industri didefinisikan (dan secara amnya dinamakan) berdasarkan produk atau aktiviti utama pertubuhan masing-masing. Walau bagaimanapun, mana-mana pertubuhan di dalam mana-mana industri boleh mengeluarkan komoditi yang ditetapkan bagi industri. Aktiviti ini adalah aktiviti kecil. Oleh itu, aktiviti bagi sebarang industri tidak semestinya terhad mengikut jenis aktiviti industri berkenaan, dan juga tidak semestinya jenis aktiviti ini hanya terdapat dalam industri tersebut sahaja.

STRUKTUR**KLASIFIKASI**

Struktur MSIC 2008 Ver. 1.0 menyediakan peringkat susunan aktiviti. Pada peringkat agregat tertinggi, terdapat 21 kategori yang dipanggil 'seksyen' dan setiap satunya diwakili oleh satu abjad.

Berikut adalah struktur tertinggi bagi MSIC 2008 Ver. 1.0 dan bagi setiap seksyen terdapat satu atau lebih bahagian:

SEKSYEN	KETERANGAN	BAHAGIAN
A	Pertanian, perhutanan dan perikanan	01-03
B	Perlombongan dan pengkuarian	05-09
C	Pembuatan	10-33
D	Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	35
E	Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	36-39
F	Pembinaan	41-43
G	Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	45-47
H	Pengangkutan dan penyimpanan	49-53
I	Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	55-56
J	Maklumat dan komunikasi	58-63
K	Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	64-66
L	Aktiviti hartanah	68
M	Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	69-75
N	Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	77-82
O	Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib	84
P	Pendidikan	85
Q	Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	86-88
R	Kesenian, hiburan dan rekreasi	90-93
S	Aktiviti perkhidmatan lain	94-96
T	Aktiviti isi rumah sebagai majikan; Aktiviti mengeluarkan barangan dan perkhidmatan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah untuk kegunaan sendiri	97-98
U	Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah	99

STRUKTUR KLASIFIKASI

88 Bahagian (dua-digit) adalah kategori tertinggi numerik dalam MSIC 2008 Ver. 1.0. Bahagian ini dipecahkan kepada kategori yang lebih terperinci terdiri daripada 238 kumpulan (tiga-digit) dan 423 kelas (empat-digit). Secara keseluruhannya terdapat 1,174 item (lima-digit) pada kategori yang lebih terperinci.

Sebagai contoh, pembentukan kod lima-digit untuk item di dalam Seksyen A – Pertanian, perhutanan dan perikanan ditunjukkan seperti berikut:

Kategori	Tajuk dan keterangan	Kod
Seksyen	Pertanian, perhutanan dan perikanan	A
Bahagian	Pengeluaran tanaman dan ternakan, pemburuan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan	01
Kumpulan	Penanaman tanaman bermusim	011
Kelas	Penanaman bijirin (kecuali padi), tanaman kekacang dan bijian berminyak	0111
Item	Penanaman jagung	01111
	Penanaman tanaman kekacang	01112
	Penanaman bijian berminyak	01113
	Penanaman bijirin lain t.t.t.l.	01119

Ringkasan perincian setiap kategori adalah seperti jadual di bawah:

Seksyen	Bahagian	Kumpulan	Kelas	Item
A	3	13	38	142
B	5	10	14	56
C	24	71	137	259
D	1	3	3	8
E	4	6	8	18
F	3	8	11	72
G	3	20	47	179
H	5	11	20	47

**STRUKTUR
KLASIFIKASI**

Seksyen	Bahagian	Kumpulan	Kelas	Item
I	2	6	7	25
J	6	13	23	35
K	3	10	18	64
L	1	2	2	9
M	7	14	14	36
N	6	19	26	58
O	1	3	7	28
P	1	5	8	21
Q	3	9	9	26
R	4	5	10	38
S	3	6	17	49
T	2	3	3	3
U	1	1	1	1
21	88	238	423	1,174

Digit '9' di kedudukan kod klasifikasi ketiga, keempat atau kelima menandakan masing-masing kumpulan 3 digit, kelas 4 digit atau item 5 digit meliputi aktiviti-aktiviti 'tidak terkelas di tempat lain' (atau t.t.t.l). Aktiviti baki ini selalunya tidak terdiri daripada kumpulan aktiviti primer yang sama jenisnya tetapi meliputi pelbagai aktiviti berbeza yang tidak cukup signifikan untuk mewujudkan kod yang berbeza. Di bawah sistem klasifikasi, mereka dikumpulkan bersama dan dianggap sebagai industri yang berasingan untuk mengekalkan homogeniti industri-industri lain di dalam kumpulan itu.

**KLASIFIKASI UNIT
STATISTIK**

Istilah 'unit statistik'¹ digunakan secara meluas dalam kerja statistik dan merujuk kepada entiti yang sah di mana atau perihal mana statistik dikumpul, disusun, dijadual dan diterbitkan. Ini termasuk antara lainnya

¹ Istilah 'unit statistik' berkait dengan pertubuhan, enterprise dan jenis unit yang lain di mana statistik dikumpul dan direkod dalam sistem statistik.

**KLASIFIKASI UNIT
STATISTIK**

pemilikan tunggal, kilang, estet, kedai dan institusi kewangan. Lima jenis unit statistik boleh digunakan untuk pengumpulan dan penyusunan data dalam banci dan penyiasatan ekonomi untuk industri yang berlainan. Unit-unit ini adalah pertubuhan, unit tempatan, unit jenis aktiviti, enterpris dan kumpulan enterpris. Konsep bagi kelima-lima unit ini diterangkan dalam seksyen berikut.

a. Pertubuhan dan Unit tempatan

- ▢ Pejabat Perangkaan Bangsa-Bangsa Bersatu telah mentakrif pertubuhan sebagai:

‘Secara ideal, satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau kawalan tunggal iaitu di bawah satu entiti yang sah, menjalankan satu jenis aktiviti ekonomi atau mempunyai satu jenis aktiviti ekonomi utama di satu lokasi sahaja’.

- ▢ Keperluan ‘satu lokasi’ bermaksud data daripada penyiasatan yang berasaskan pertubuhan boleh disusun berdasarkan geografi. Ini adalah satu ciri yang amat berguna. Walau bagaimanapun, keperluan ini menghadkan jenis data yang boleh dikumpul. Contohnya data kewangan seperti kos ‘overhead’, keuntungan, kos pengiklanan dll. Biasanya hanya boleh diperolehi pada peringkat syarikat atau enterpris dan oleh itu, mesti dikeluarkan daripada penyiasatan berasaskan pertubuhan.
- ▢ Terdapat kes di mana satu entiti yang sah mungkin terlibat dalam satu kelas aktiviti di dua atau lebih tempat yang berdekatan dan mungkin tidak menyimpan rekod yang lengkap di setiap tempat. Sekiranya semua tempat itu diliputi di bawah satu pertubuhan biasanya ia tidaklah menyimpang daripada konsep ‘satu lokasi’. Oleh itu, konsep satu lokasi bolehlah merujuk kepada dua atau lebih tempat yang berdekatan.
- ▢ Klausula ‘menjalankan satu jenis aktiviti ekonomi atau mempunyai satu jenis aktiviti ekonomi utama’ dalam takrifan menimbulkan

**KLASIFIKASI UNIT
STATISTIK**

masalah bagi unit yang mempunyai pelbagai aktiviti. Sebagai contoh, terdapat beberapa kes di mana satu entiti yang sah mungkin terlibat dalam lebih daripada satu jenis aktiviti di satu, dua atau lebih tempat yang berdekatan. Entiti ini mungkin mengamalkan penyimpanan rekod yang tidak diasingkan bagi data output dan input item-item dalam aktiviti. Dalam keadaan ini, adalah perlu untuk menggunakan 'unit tempatan', iaitu entiti yang melaksanakan lebih daripada satu aktiviti ekonomi di satu lokasi, sebagai unit statistik. Oleh itu, 'unit tempatan' merangkumi aktiviti yang berkaitan; di mana satu daripadanya adalah lebih utama daripada yang lain. Aktiviti utama dikenali sebagai aktiviti primer dan yang lain sebagai aktiviti sekunder. Sekiranya sesuatu aktiviti itu berbeza daripada aktiviti primer atau sekunder dan hasil dari aktiviti itu digunakan sebagai input perantaraan bagi aktiviti primer atau sekunder; maka aktiviti ini dikenali sebagai aktiviti tambahan.

- ▣ Walau bagaimanapun, jika setiap jenis dari pelbagai aktiviti bagi sesuatu 'unit tempatan' itu utama dan dijalankan di pertubuhan yang jelas boleh diasingkan dan laporan berasingan boleh diperolehi, maka usaha selalunya dibuat untuk membahagikan 'unit tempatan' menjadi unit-unit statistik setara pertubuhan.
- ▣ Konsep pertubuhan dan 'unit tempatan' ini boleh diguna pakai dalam pelbagai situasi yang ditemui semasa pertanyaan bagi penyiasatan pertanian, perlombongan, pembuatan dan pengedaran walaupun ianya tidaklah boleh digunakan sepenuhnya. Malah bagi kemudahan operasi, unit-unit statistik yang digunakan untuk kebanyakan penyiasatan ekonomi seperti Penyiasatan Industri Pembuatan, adalah merujuk kepada kombinasi pertubuhan dan juga 'unit tempatan'.

KLASIFIKASI UNIT STATISTIK

b. Unit 'Jenis Aktiviti'

Berbeza dengan pertubuhan, unit 'jenis aktiviti' tidak terhad dari segi kawasan geografi di mana sesuatu jenis aktiviti dijalankan oleh sebuah entiti secara sah. Dalam kes bagi aktiviti ekonomi tertentu seperti binaan, pengangkutan dan komunikasi, satu entiti yang sah akan menjalankan satu jenis aktiviti yang sama meliputi kawasan geografi yang luas dan berkemungkinan tidak menyimpan rekod input dan output yang dikelaskan mengikut kawasan. Dalam bidang aktiviti ini, adalah perlu menggunakan unit 'jenis aktiviti' untuk menggantikan pertubuhan sebagai unit statistik.

c. Enterpris

Konsep enterpris adalah berbeza daripada pertubuhan. Sebuah enterpris ditakrifkan sebagai keseluruhan aktiviti ekonomi beroperasi di bawah satu entiti yang sah dan mungkin mengandungi lebih daripada sebuah pertubuhan.

Ia adalah satu unit institusi² yang terlibat dalam pengeluaran barangan dan perkhidmatan untuk pasaran. Entiti yang sah ini mungkin sebuah perbadanan, syarikat kerjasama, persatuan, perkongsian, hakmilik perseorangan atau mungkin dalam bentuk persatuan lain. Enterpris merupakan satu unit statistik yang sesuai untuk penyiasatan institusi seperti syarikat kewangan. Untuk tujuan imbalan pembayaran, enterpris mengandungi entiti sah residen yang beroperasi dalam sesebuah negara, sebagai contoh sebuah perbadanan atau cawangan bagi syarikat bukan residen.

d. Kumpulan Enterpris

Sebuah kumpulan enterpris (atau keluarga kelompok entiti yang sah atau keluarga perbadanan³) ialah operasi satu set entiti yang sah,

² Unit institusi adalah satu entiti ekonomi yang mampu memiliki aset, mempunyai tanggungan dan terlibat dalam aktiviti ekonomi serta urus niaga dengan entiti lain. (c.f System of National Accounts 1993, Chapter IV m/surat 87)

³ Keluarga syarikat/perbadanan yang besar disebut sebagai konglomerat. Konglomerat mungkin terdiri daripada syarikat/perbadanan residen sesebuah negara di mana syarikat/perbadanan utama dijelaskan sebagai syarikat/perbadanan multi-nasional (ibid. Page 92)

KLASIFIKASI UNIT STATISTIK

yang merupakan residen dalam sesuatu negara dan dihubungkan oleh perhubungan syarikat induk dan anak syarikat. Syarikat induk ini mungkin residen atau tidak.

Kumpulan enterpris sebagai satu unit statistik lebih sesuai digunakan dalam penyusunan Imbangan Pembayaran⁴. Ini adalah kerana transaksi antarabangsa banyak dilaksanakan pada peringkat ini.

KAEDAH MENGKLASIFIKASI KAN UNIT STATISTIK

Kaedah turutan boleh digunakan untuk mengelaskan pertubuhan atau unit statistik lain berdasarkan kod dalam MSIC. Dengan cara ini, satu unit statistik pada awalnya dikelaskan di peringkat yang lebih luas dalam MSIC dan kemudiannya ke peringkat yang lebih rendah. Contoh klasifikasi ke dalam Bahagian, kemudian ke dalam Kumpulan dalam Bahagian, dan seterusnya, sehingga sesuatu unit itu akhirnya dikelaskan ke Item.

Apabila menggunakan kaedah ini terdapat beberapa prinsip dan peraturan yang harus dipatuhi seperti berikut :

- a. Pada setiap peringkat iaitu Bahagian, Kumpulan, Kelas atau Item; sesuatu unit hanya boleh dikelaskan ke dalam satu sel sahaja, contohnya item.
- b. Kod di peringkat berlainan di mana sesuatu unit dikelaskan mestilah mempunyai pertalian secara agregat atau tidak agregat, contoh: sebuah pertubuhan yang dikelaskan dalam Bahagian Pengeluaran tanaman dan temakan, perburuan dan aktiviti perkhidmatan yang berkaitan (Bahagian 01) hanya boleh dikelaskan ke dalam Kumpulan di dalam Bahagian ini seperti penanaman tanaman bermusim. (Kumpulan 011).

⁴ Balance of Payments Compilation Guide, International Monetary Fund 1995, Chapter XVII page 188.

**KAEDAH
MENGKLASIFIKASI
KAN UNIT
STATISTIK**

- c. Kelas di mana aktiviti utama atau sekumpulan aktiviti sesuatu unit ditempatkan menentukan klasifikasi aktiviti setiap unit. Aktiviti utama setiap unit pada amnya harus ditentukan oleh nilai tambah barangan yang dijual atau dihantar keluar, atau perkhidmatan yang diberikan kepada unit atau pengguna lain. Dalam situasi di mana data tersebut tidak diperoleh, data tentang output, jualan atau terimaan kasar, gaji dan upah, atau purata jumlah pekerja boleh dipertimbangkan sebagai alternatif. Walau bagaimanapun, hanya satu daripada alternatif di atas sahaja boleh digunakan bagi memastikan klasifikasi yang konsisten bagi semua unit. Jika tidak, unit pelbagai aktiviti mungkin boleh dikelaskan ke dalam satu industri dalam satu penyiasatan dan kepada industri lain dalam penyiasatan yang lain pula.
- d. Dalam kes integrasi menegak, pelbagai aktiviti bagi sesuatu unit ekonomi meliputi beberapa peringkat pengeluaran atau pembuatan sesuatu produk, dan output sesuatu proses menjadi input kepada proses yang seterusnya. Oleh itu, unit berkenaan harus dikelaskan mengikut aktiviti yang menunjukkan sifat output terakhir. Sebagai contoh, aktiviti pengkuarian granit dengan kilang membuat produk konkrit, di mana jualan produk di peringkat perantaraan adalah tidak signifikan, harus dikelaskan sebagai 'Pembuatan artikel konkrit, simen dan plaster' (Kelas 2395). Pertubuhan yang membangunkan dan mengeluarkan perisian komputer akan dikelaskan sebagai penerbit perisian dan bukan pembangunan perisian.
- e. Unit yang memperbaiki atau membaik pulih barangan modal dikelaskan ke dalam aktiviti yang sama seperti unit yang menghasilkan barangan berkenaan kecuali yang berikut:
 - ▮ *Penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor (Kumpulan 452) and jualan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori kenderaan bermotor (Kumpulan 453);*
 - ▮ *Pembaikan komputer dan alatan komunikasi (Kumpulan 951);*

**MENGLASIFIKASI
KAN UNIT
STATISTIK**

- ▣ *Pembaikan barangan persendirian dan isi rumah (Kumpulan 952);*
- ▣ *Pembaikan dan pemasangan mesin dan kelengkapan (Bahagian 33)*

- f. Perdagangan jualan runcit barangan yang dikeluarkan dari unit yang sama tidak seharusnya dikelaskan sebagai aktiviti yang berasingan. Maka pertubuhan pembuatan yang menjual produknya sendiri diklasifikasikan di bawah pembuatan dan bukan di bawah perdagangan jualan runcit. Bagaimanapun, jika produk yang lain dijual sebagai tambahan kepada barangan buatan sendiri, klasifikasi harus dibuat mengikut aktiviti utama unit tersebut.

Kaedah yang ideal untuk klasifikasi sesuatu enterpris ialah dengan cara menentukan pertubuhan-pertubuhan yang dimiliki oleh enterpris tersebut dan kemudiannya dengan menggunakan jumlah nilai tambah bagi setiap pertubuhan sebagai 'pemberat' untuk menentukan industri yang dominan bagi pertubuhan yang dimiliki. Secara praktis, mungkin mustahil untuk menggunakan kaedah 'ideal' dalam penyiasatan statistik. Dalam keadaan sedemikian, sesebuah enterpris harus ditentukan kod MSIC dari pertubuhan yang terbesar yang dimiliki iaitu dari segi pengukuran pekerja iaitu melalui jumlah pekerja.

Oleh kerana aktiviti enterpris meliputi banyak Kumpulan, Kelas atau Item, adalah sesuai bagi statistik tertentu diklasifikasikan sebagai enterpris pada peringkat Bahagian sahaja.

**PERUBAHAN
UTAMA DALAM
MSIC 2008 VER 1.0**

Pada amnya, rangka kerja MSIC 2008 Ver 1.0 dan MSIC 2000 banyak persamaannya. Walau bagaimanapun, dengan perkembangan jenis industri tertentu, bahagian tertentu dalam MSIC telah diberi penekanan yang besar untuk menggambarkan perubahan dari 17 seksyen kepada 21 seksyen.

**PERUBAHAN
UTAMA DALAM
MSIC 2008 VER 1.0**

Kategori	MSIC 2000	MSIC 2008 Ver. 1.0	Pertumbuhan (%)
Seksyen	17	21	23.5
Bahagian	60	88	46.7
Kumpulan	157	238	51.6
Kelas	302	423	40.1
Item	698	1,174	68.2

Antara perubahan utama yang diperkenalkan dalam MSIC 2008 Ver.1.0 disenaraikan di bawah:

- a. **Pertanian** : Pertanian, perburuan dan perhutanan (Seksyen A) dan Perikanan (Seksyen B) digabungkan di bawah Pertanian, perhutanan dan perikanan (Seksyen A) di dalam MSIC 2008 Ver 1.0.
- b. **Perlombongan dan Pengkuarian** : Bahagian 12 dan 13 digabungkan kepada Bahagian 07 di bawah Seksyen B
- c. **Pembuatan** : Pembuatan produk makanan dan minuman (Bahagian 15) telah dikembangkan kepada dua Bahagian yang berlainan iaitu Bahagian 10 dan 11. Pembuatan bahan kimia dan produk kimia (Bahagian 24) telah dipecahkan kepada Bahagian 20 dan 21. Pembuatan perabot, pembuatan t.t.t.l. (Bahagian 36) telah dikembangkan kepada tiga Bahagian berlainan iaitu Bahagian 31,32 dan 33. **Kitar semula** di bawah Pembuatan (Bahagian 37) telah diklasifikasikan kepada Bahagian yang berkaitan. Ini kerana saiz Bahagian ini kecil di Malaysia dan mempunyai sempadan yang sukar di dalam pembuatan, perdagangan dan aktiviti lain seperti pembentungan dan pelupusan bahan buangan. Pengeluaran ais, termasuk ais untuk makanan dan bukan makanan (cth : untuk tujuan menyejuk) telah diklasifikasikan di bawah kelas 3530 – Pembekal utiliti wap dan pendingin hawa dan tidak diklasifikasikan sebagai pembuatan seperti dalam

**PERUBAHAN
UTAMA DALAM
MSIC 2008 VER 1.0**

MSIC 2000. Penerbitan, percetakan dan penerbitan semula media rakaman dalam Bahagian 22 telah diubah ke Bahagian 58 di bawah seksyen J.

- d. **Bekalan air; Pembentungan, pengurusan bahan buangan dan aktiviti pemuliharaan:** Pembentungan dan pelupusan bahan buangan, sanitasi dan aktiviti serupa telah diubah dari Seksyen O ke Pembentungan di bawah Bahagian 37.
- e. **Pembinaan :** Pembinaan telah dikembangkan kepada tiga Bahagian yang berlainan iaitu pembinaan bangunan, kejuruteraan sivil dan aktiviti pembinaan khas. (Bahagian 41,42 dan 43)
- f. **Perdagangan Borong dan Runcit :** memperbaiki barangan persendirian isi rumah (Bahagian 52) telah dipindahkan ke Bahagian 95 di bawah seksyen aktiviti perkhidmatan yang lain.
- g. **Pengangkutan dan Penyimpanan :** Agensi pelancongan (Bahagian 63) telah dipindahkan ke seksyen aktiviti perkhidmatan pentadbiran dan sokongan (Bahagian 75).
- h. **Aktiviti Penginapan dan Perkhidmatan** Hotel dan restoran dalam Bahagian 55 telah dipecahkan ke Bahagian 55 dan 56.
- i. **Informasi dan Komunikasi:** Seksyen ini telah diperkenalkan untuk menggambarkan perkembangan terkini dalam teknologi maklumat. Aktiviti Rekreasi, kebudayaan dan sukan (Bahagian 92 dalam Seksyen O) telah dipindah dan dikembangkan kepada Bahagian 59 dan 60 di dalam Seksyen J. Manakala, komputer dan aktiviti berkaitan (Bahagian 72) dalam Seksyen K telah dipindah dan dikembangkan kepada Bahagian 62 dan 63 dalam Seksyen J.
- j. **Aktiviti Profesional, Saintifik dan Teknikal :** Seksyen K telah disusun semula ke dalam Seksyen yang berkaitan di dalam MSIC 2008 Ver.1.0. Sebagai contoh, Aktiviti perniagaan lain (Bahagian 74) telah dikategorikan ke dalam Bahagian 69, 70, 71, 73 dan 74 di bawah Seksyen M. Aktiviti Veterinar (Bahagian 75)

**PERUBAHAN
UTAMA DALAM
MSIC 2008 VER 1.0**

telah dikeluarkan daripada Bahagian 85, Seksyen Kesihatan dan Kerja Sosial di dalam MSIC 2000.

- k. **Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan dan Kerja Sosial** : Bahagian 85 telah dikembangkan kepada Bahagian 86, 87 dan 88.
- l. **Aktiviti Keseniaan, Hiburan dan Rekreasi** : Seksyen baru ini sebelum ini diklasifikasikan di dalam Bahagian 92 dalam Seksyen O dan telah diagihkan ke Bahagian 90, 91, 92 dan 93 di dalam MSIC 2008 Ver.1.0.

Perubahan dalam MSIC 2008 Ver.1.0 telah menghasilkan perubahan dalam perbandingan data dengan MSIC 2000. Oleh itu, untuk kemudahan perbandingan kod MSIC 2000 disediakan bersekali dengan Klasifikasi kod MSIC 2008.

**SINGKATAN YANG
DIGUNAKAN**

- ISIC - International Standard Industrial Classification
- MIC - Malaysia Industrial Classification
- MSIC - Malaysia Standard Industrial Classification
- ACIC - ASEAN Common Industrial Classification
- p - sebahagian daripada
- .. - tidak berkenaan
- t.t.t.l. - tidak terkelas di tempat lain
- k.b. - kod baru
- dll. - dan lain-lain

SENARAI BAHAGIAN DAN KUMPULAN

SEKSYEN BAHAGIAN	KUMPULAN	KETERANGAN
A		PERTANIAN, PERHUTANAN DAN PERIKANAN
	01	Pengeluaran tanaman dan ternakan, pemburuan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan
	011	Penanaman tanaman tidak kekal
	012	Penanaman tanaman kekal
	013	Pembiakan tumbuhan
	014	Pengeluaran ternakan
	015	Pertanian campuran
	016	Aktiviti sokongan untuk pertanian dan aktiviti selepas tuaian
	017	Perburuan, penjeratan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan
	02	Perhutanan dan pembalakan
	021	Silvikultur dan aktiviti perhutanan lain
	022	Pembalakan
	023	Pengumpulan produk hasil hutan bukan kayu
	024	Perkhidmatan sokongan perhutanan
	03	Perikanan dan akuakultur
	031	Perikanan
	032	Akuakultur
B		PERLOMBONGAN DAN PENGKUIARIAN
	05	Perlombongan batu arang dan lignit
	051	Perlombongan batu arang pepejal
	052	Perlombongan lignit
	06	Pengekstrakan petroleum mentah dan gas asli
	061	Pengekstrakan petroleum mentah
	062	Pengekstrakan gas asli
	07	Perlombongan bijih besi
	071	Perlombongan bijih logam
	072	Perlombongan bijih logam bukan besi
	08	Perlombongan dan pengkuarian lain
	081	Pengkuarian batu, pasir dan tanah liat
	089	Perlombongan dan pengkuarian t.t.t.l.

SEKSYEN BAHAGIAN KUMPULAN KETERANGAN

09	Aktiviti perkhidmatan sokongan perlombongan
091	Aktiviti perkhidmatan sokongan kepada pengekstrakan perlombongan dan pengkuarian
099	Aktiviti sokongan untuk perlombongan dan pengkuarian lain

C**PEMBUATAN**

10	Pembuatan produk makanan
101	Pemprosesan dan pengawetan daging
102	Pemprosesan dan pengawetan ikan, krustasea dan moluska
103	Pemprosesan dan pengawetan buah-buahan dan sayur-sayuran
104	Pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan
105	Pembuatan produk tenusu
106	Pembuatan produk bijian, kanji dan produk berkanji
107	Pembuatan produk makanan lain
108	Pembuatan makanan haiwan tersedia
11	Pembuatan minuman
110	Pembuatan minuman ringan
12	Pembuatan produk tembakau
120	Pembuatan produk tembakau
13	Pembuatan tekstil
131	Pemintalan, penenunan dan penyiapan tekstil
139	Pembuatan tekstil lain
14	Pembuatan pakaian
141	Pembuatan pakaian, kecuali pakaian berbulu
142	Pembuatan artikel daripada kulit bulu
143	Pembuatan pakaian yang dikait dan dikrusye
15	Pembuatan produk kulit dan barangan berkaitan
151	Penyamakan dan pembersihan kulit, pembuatan begasi, beg tangan, pelana dan abah-abah; pembersihan dan pewarnaan bulu
152	Pembuatan kasut
16	Pembuatan kayu dan produk kayu dan gabus, kecuali perabot; pembuatan bagi artikel jerami dan bahan-bahan anyaman
161	Pengilangan dan pengetaman kayu

SEKSYEN BAHAGIAN	KUMPULAN	KETERANGAN
	162	Pembuatan produk daripada kayu, gabus, jerami dan bahan jalinan lain
17		Pembuatan kertas dan produk kertas
	170	Pembuatan kertas dan produk kertas
18		Percetakan dan penerbitan semula media rakaman
	181	Percetakan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan percetakan
	182	Penerbitan semula media rakaman
19		Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis
	191	Pembuatan produk ketuhar kok
	192	Pembuatan produk petroleum bertapis
20		Pembuatan kimia dan produk kimia
	201	Pembuatan kimia asas, baja dan sebatian nitrogen, plastik dan getah sintetik dalam bentuk primer
	202	Pembuatan produk kimia lain
	203	Pembuatan serat buatan manusia
21		Pembuatan produk farmaseutikal asas, kimia perubatan dan botani
	210	Pembuatan produk farmaseutikal, kimia perubatan dan botani
22		Pembuatan produk getah dan plastik
	221	Pembuatan produk getah
	222	Pembuatan produk plastik
23		Pembuatan produk galian bukan logam lain
	231	Pembuatan kaca dan produk kaca
	239	Pembuatan pengeluaran galian bukan logam t.t.t.l.
24		Pembuatan logam asas
	241	Pembuatan besi dan keluli asas
	242	Pembuatan logam asas berharga dan logam bukan ferus lain
	243	Penuangan logam
25		Pembuatan produk logam, kecuali mesin dan kelengkapan
	251	Pembuatan produk struktur logam, tangki, takungan dan penjana wap
	252	Pembuatan senjata dan peluru
	259	Pembuatan produk lain yang direka daripada logam; aktiviti perkhidmatan kerja logam
26		Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal
	261	Pembuatan komponen dan papan elektronik

SEKSYEN BAHAGIAN KUMPULAN KETERANGAN

	262	Pembuatan komputer dan kelengkapan peranti
	263	Pembuatan peralatan komunikasi
	264	Pembuatan peralatan elektronik pengguna
	265	Pembuatan kelengkapan mengukur, menguji, memandu arah dan kawalan; jam tangan dan jam
	266	Pembuatan peralatan penyinaran, perubatan elektro dan elektroterapeutik
	267	Pembuatan instrumen optikal dan kelengkapan fotografi
	268	Pembuatan media magnetik dan optikal
27		Pembuatan kelengkapan elektrik
	271	Pembuatan motor elektrik, penjana, transformer dan perkakasan pengagihan dan pengawalan elektrik
	272	Pembuatan bateri dan akumulator
	273	Pembuatan pendawaian dan peranti pendawaian
	274	Pembuatan kelengkapan pencahayaan elektrik
	275	Pembuatan perkakasan domestik
	279	Pembuatan kelengkapan elektrik lain
28		Pembuatan jentera dan peralatan t.t.t.l.
	281	Pembuatan jentera kegunaan umum
	282	Pembuatan jentera kegunaan khas
29		Pembuatan kenderaan bermotor, treler dan semi treler
	291	Pembuatan kenderaan bermotor
	292	Pembuatan kerangka (coachwork) untuk kenderaan bermotor; pembuatan treler dan semi treler
	293	Pembuatan alat ganti dan aksesori untuk kenderaan bermotor
30		Pembuatan kelengkapan pengangkutan lain
	301	Pembinaan kapal dan bot
	302	Pembuatan lokomotif keretapi dan <i>rolling stock</i>
	303	Pembuatan kapal angkasa dan udara dan jentera berkaitan
	304	Pembuatan kenderaan tempur ketenteraan
	309	Pembuatan kelengkapan pengangkutan t.t.t.l.
31		Pembuatan perabot
	310	Pembuatan perabot
32		Pembuatan lain
	321	Pembuatan barang kemas, <i>bijouterie</i> dan artikel berkaitan
	322	Pembuatan instrumen muzik
	323	Pembuatan barangan sukan

SEKSYEN BAHAGIAN	KUMPULAN	KETERANGAN
	324	Pembuatan permainan dan mainan
	325	Pembuatan bekalan dan instrumen pergigian dan perubatan
	329	Pembuatan lain t.t.t.l.
33		Pembaikan dan pemasangan mesin dan kelengkapan
	331	Pembaikan pemasangan produk logam, jentera dan kelengkapan
	332	Pemasangan jentera perindustrian dan kelengkapan
D		BEKALAN ELEKTRIK, GAS, WAP DAN PENDINGIN UDARA
35		Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara
	351	Penjanaan, penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik
	352	Pembuatan gas; pengagihan bahan api berunsur gas melalui saluran utama
	353	Bekalan wap dan pendingin udara
E		BEKALAN AIR; PEMBENTONGAN, PENGURUSAN SISA DAN AKTIVITI PEMULIHAN
36		Penakungan, perawatan dan bekalan air
	360	Penakungan, perawatan dan bekalan air
37		Pembetulan
	370	Pembetulan
38		Aktiviti pengumpulan, rawatan dan pelupusan sisa; pemulihan semula bahan
	381	Pengumpulan sisa
	382	Rawatan dan pelupusan sisa
	383	Pemulihan semula bahan
39		Aktiviti pemulihan dan lain-lain perkhidmatan pengurusan sisa
	390	Aktiviti pemulihan dan lain-lain perkhidmatan pengurusan sisa
F		PEMBINAAN
41		Pembinaan bangunan
	410	Pembinaan bangunan
42		Kejuruteraan awam
	421	Pembinaan jalanraya dan landasan keretapi

SEKSYEN BAHAGIAN	KUMPULAN	KETERANGAN
	422	Pembinaan projek utiliti
	429	Pembinaan projek kejuruteraan lain
43		Aktiviti pembinaan pertukangan khas
	431	Perobohan dan penyediaan tapak
	432	Aktiviti pemasangan elektrik, paip dan pembinaan lain
	433	Penyiapan dan kemas bangunan
	439	Aktiviti pembinaan pertukangan khas lain
G		PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT, PEMBAIKAN KENDERAAN BERMOTOR DAN MOTOSIKAL
45		Perdagangan borong dan runcit dan pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal
	451	Jualan kenderaan bermotor
	452	Penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor
	453	Jualan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori kenderaan bermotor
	454	Jualan, penyelenggaraan dan pembaikan motosikal dan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori berkaitan
46		Perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan motosikal
	461	Jual borong berdasar kontrak atau yuran
	462	Jual borong bahan mentah, pertanian dan haiwan hidup
	463	Jual borong makanan, minuman dan tembakau
	464	Jual borong barangan isi rumah
	465	Jual borong jentera, kelengkapan dan bekalan
	466	Lain-lain pengkhususan jual borong
	469	Perdagangan jual borong bukan pengkhususan
47		Perdagangan runcit, kecuali kenderaan bermotor dan motosikal
	471	Jualan runcit di stor bukan pengkhususan
	472	Jualan runcit makanan, minuman dan tembakau di stor pengkhususan
	473	Jualan runcit bahan api kenderaan di stor pengkhususan
	474	Jualan runcit kelengkapan informasi dan komunikasi di stor pengkhususan
	475	Jualan runcit lain-lain peralatan isi rumah di stor pengkhususan

SEKSYEN BAHAGIAN	KUMPULAN	KETERANGAN
	476	Jualan runcit barangan kesenian dan rekreasi di stor pengkhususan
	477	Jualan runcit barangan lain di stor pengkhususan
	478	Jualan runcit melalui gerai dan pasar
	479	Perdagangan runcit bukan di kedai, gerai atau pasar
H		PENGANGKUTAN DAN PENYIMPANAN
49		Pengangkutan darat dan pengangkutan melalui saliran paip
	491	Pengangkutan melalui laluan rel
	492	Pengangkutan darat lain
	493	Pengangkutan melalui saluran paip
50		Pengangkutan air
	501	Pengangkutan air laut dan pesisir pantai
	502	Pengangkutan air pedalaman
51		Pengangkutan udara
	511	Pengangkutan penumpang udara
	512	Pengangkutan muatan udara
52		Penggudangan dan aktiviti sokongan untuk pengangkutan
	521	Penggudangan dan penyimpanan
	522	Aktiviti sokongan untuk pengangkutan
53		Perkhidmatan pos dan kurier
	531	Aktiviti pos
	532	Aktiviti kurier
I		PENGINAPAN DAN AKTIVITI PERKHIDMATAN MAKANAN DAN MINUMAN
55		Penginapan
	551	Aktiviti penginapan jangka masa pendek
	552	Tapak perkhemahan, taman kenderaan rekreasi dan taman treler
	559	Penginapan lain
56		Aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman
	561	Restoran dan aktiviti perkhidmatan makanan bergerak
	562	Katering dan aktiviti perkhidmatan makanan lain

SEKSYEN BAHAGIAN KUMPULAN KETERANGAN

	563	Aktiviti perkhidmatan minuman
J		MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
58		Aktiviti penerbitan
	581	Aktiviti penerbitan buku, terbitan berkala dan penerbitan lain
	582	Penerbitan perisian
59		Aktiviti penerbitan wayang gambar, video dan program televisyen, rakaman bunyi dan penerbitan muzik
	591	Aktiviti wayang gambar, video dan program televisyen
	592	Aktiviti rakaman bunyi dan penerbitan muzik
60		Aktiviti pemrograman dan penyiaran
	601	Penyiaran radio
	602	Aktiviti pemrograman dan penyiaran televisyen
61		Telekomunikasi
	611	Aktiviti komunikasi berwayar
	612	Aktiviti telekomunikasi tanpa wayar
	613	Aktiviti telekomunikasi satelit
	619	Aktiviti telekomunikasi lain
62		Pengaturcaraan komputer, perundingan dan aktiviti yang berkaitan
	620	Pengaturcaraan komputer, perundingan dan aktiviti berkaitan
63		Aktiviti perkhidmatan maklumat
	631	Aktiviti prosesan data, <i>hosting</i> dan aktiviti lain yang berkaitan; web portal
	639	Aktiviti perkhidmatan maklumat lain
K		AKTIVITI KEWANGAN DAN INSURANS/TAKAFUL
64		Aktiviti perkhidmatan kewangan, kecuali insurans/takaful dan tabungan pencen
	641	Perantaraan kewangan
	642	Aktiviti syarikat pemegang
	643	Amanah, tabung dan entiti kewangan seumpamanya
	649	Aktiviti perkhidmatan kewangan lain, kecuali insurans/takaful dan aktiviti tabungan pencen
65		Insurans/takaful, insurans/takaful semula dan tabungan pencen, kecuali keselamatan sosial berwajib

SEKSYEN BAHAGIAN	KUMPULAN	KETERANGAN
	651	Insurans/Takaful
	652	Insurans/Takaful Semula
	653	Tabungan pencen dan tabungan hemat
66		Aktiviti sokongan kepada perkhidmatan kewangan dan aktiviti insurans/takaful
	661	Aktiviti sokongan kepada aktiviti perkhidmatan kewangan, kecuali insurans/takaful dan tabungan pencen
	662	Aktiviti sokongan kepada insurans/takaful dan tabungan pencen
	663	Aktiviti pengurusan tabung
L		AKTIVITI HARTANAH
68		Aktiviti hartanah
	681	Aktiviti hartanah bagi harta milikan sendiri atau pajakan
	682	Aktiviti hartanah atas dasar bayaran atau kontrak
M		AKTIVITI PROFESIONAL, SAINTIFIK DAN TEKNIKAL
69		Aktiviti guaman dan perakaunan
	691	Aktiviti guaman
	692	Aktiviti perakaunan, simpan kira dan audit; perundingan percukaian
70		Aktiviti ibu pejabat; aktiviti perundingan pengurusan
	701	Aktiviti ibu pejabat
	702	Aktiviti perundingan pengurusan
71		Aktiviti arkitek dan kejuruteraan; ujian teknikal dan analisis
	711	Aktiviti arkitek dan kejuruteraan dan perundingan teknikal yang berkaitan
	712	Ujian teknikal dan analisis
72		Penyelidikan dan pembangunan saintifik
	721	Penyelidikan dan pembangunan eksperimen sains semula jadi dan kejuruteraan
	722	Pembangunan penyelidikan dan eksperimen sains sosial dan kemanusiaan
73		Pengiklanan dan penyelidikan pasaran
	731	Pengiklanan
	732	Penyelidikan pasaran dan tinjauan pendapat umum

SEKSYEN BAHAGIAN	KUMPULAN	KETERANGAN
	74	Perkhidmatan profesional, saintifik dan teknikal lain
	741	Aktiviti mereka bentuk khusus
	742	Aktiviti fotografi
	749	Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal lain
	75	Aktiviti veterinar
	750	Aktiviti veterinar
N		AKTIVITI PENTADBIRAN DAN KHIDMAT SOKONGAN
	77	Aktiviti sewaan dan pajakan
	771	Penyewaan dan pemajakan kenderaan bermotor
	772	Penyewaan dan pemajakan barang persendirian dan isi rumah
	773	Penyewaan dan pemajakan mesin, kelengkapan dan barang ketara lain
	774	Pemajakan harta intelektual dan produk seumpamanya, kecuali kerja berhakcipta
	78	Aktiviti pekerjaan
	781	Aktiviti agensi penempatan pekerjaan
	782	Aktiviti agensi pekerjaan sementara
	783	Penyediaan sumber manusia lain
	79	Agensi pengembaraan, operator pelancongan, khidmat penempahan dan aktiviti berkaitan
	791	Aktiviti agensi pengembaraan dan operator pelancongan
	799	Aktiviti khidmat penempahan lain dan aktiviti berkaitan
	80	Aktiviti keselamatan dan penyiasatan
	801	Aktiviti keselamatan persendirian
	802	Aktiviti perkhidmatan sistem keselamatan
	803	Aktiviti penyiasatan
	81	Aktiviti perkhidmatan bangunan dan landskap
	811	Aktiviti sokongan gabungan pelbagai kemudahan
	812	Aktiviti pembersihan
	813	Aktiviti perkhidmatan penjagaan dan penyelenggaraan lanskap
	82	Aktiviti pengurusan pejabat, sokongan pejabat dan sokongan perniagaan lain
	821	Aktiviti pengurusan dan sokongan pejabat

SEKSYEN BAHAGIAN	KUMPULAN	KETERANGAN
	822	Aktiviti pusat panggilan
	823	Pengurusan konvensyen dan pameran perdagangan
	829	Aktiviti perkhidmatan sokongan pemiagaan t.t.t.l.
	7410	
O		PENTADBIRAN AWAM DAN PERTAHANAN; AKTIVITI KESELAMATAN SOSIAL WAJIB
	84	Pentadbiran awam dan pertahanan; keselamatan sosial wajib
	841	Pentadbiran negeri dan polisi ekonomi dan sosial bagi komuniti
	842	Penyediaan perkhidmatan kepada komuniti secara keseluruhannya
	843	Aktiviti keselamatan sosial wajib
P		PENDIDIKAN
	85	Pendidikan
	851	Pendidikan pra-sekolah dan pendidikan rendah
	852	Pendidikan menengah
	853	Pendidikan tinggi
	854	Pendidikan lain
	855	Perkhidmatan sokongan pendidikan
Q		AKTIVITI KESIHATAN KEMANUSIAAN DAN KERJA SOSIAL
	86	Aktiviti kesihatan kemanusiaan
	861	Aktiviti hospital
	862	Aktiviti amalan perubatan dan pergigian
	869	Aktiviti kesihatan kemanusiaan lain
	87	Aktiviti rumah penjagaan
	871	Kemudahan rumah perawatan
	872	Aktiviti rumah penjagaan untuk orang terencat akal, kesihatan mental dan penyalahgunaan bahan kimia
	873	Aktiviti rumah penjagaan untuk orang tua dan orang kurang upaya
	879	Aktiviti rumah penjagaan lain
	88	Aktiviti kerja sosial tanpa penginapan

SEKSYEN BAHAGIAN	KUMPULAN	KETERANGAN
	881	Aktiviti kerja sosial tanpa penginapan untuk orang tua dan orang kurang upaya
	889	Aktiviti kerja sosial lain tanpa penginapan t.t.t.l.
R		KESENIAN, HIBURAN DAN REKREASI
90		Aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif
	900	Aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif
91		Aktiviti perpustakaan, arkib, muzium dan kebudayaan lain
	910	Aktiviti perpustakaan, arkib, muzium dan kebudayaan lain
92		Aktiviti perjudian dan pertaruhan
	920	Aktiviti perjudian dan pertaruhan
93		Aktiviti sukan dan aktiviti hiburan dan rekreasi
	931	Aktiviti sukan
	932	Aktiviti hiburan dan rekreasi lain
S		AKTIVITI PERKHIDMATAN LAIN
94		Aktiviti keahlian organisasi
	941	Aktiviti organisasi keahlian perniagaan, majikan dan profesional
	942	Aktiviti kesatuan buruh
	949	Aktiviti keahlian organisasi lain
95		Pembaikan komputer dan barangan persendirian dan isi rumah
	951	Pembaikan komputer dan peralatan komunikasi
	952	Pembaikan barangan persendirian dan isi rumah
96		Aktiviti perkhidmatan persendirian lain
	960	Aktiviti berkaitan perkhidmatan persendirian lain
T		AKTIVITI ISI RUMAH SEBAGAI MAJIKAN; AKTIVITI MENGELUARKAN BARANGAN DAN PERKHIDMATAN YANG TIDAK DAPAT DIBEZAKAN OLEH ISI RUMAH UNTUK KEGUNAAN SENDIRI
97		Aktiviti isi rumah sebagai majikan bagi personel domestik
	970	Aktiviti isi rumah sebagai majikan bagi personel domestik

SEKSYEN BAHAGIAN KUMPULAN KETERANGAN

98	Aktiviti mengeluarkan barangan dan perkhidmatan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah persendirian untuk kegunaan sendiri
981	Aktiviti mengeluarkan barangan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah persendirian untuk kegunaan sendiri
982	Aktiviti menyediakan perkhidmatan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah persendirian untuk kegunaan sendiri
U	AKTIVITI BADAN DAN PERTUBUHAN LUAR WILAYAH
99	Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah
990	Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah

A

**PERTANIAN, PERHUTANAN DAN
PERIKANAN**

- 01 Pengeluaran tanaman dan ternakan,
pemburuan dan aktiviti perkhidmatan
berkaitan**
- 02 Perhutanan dan pembalakan**
- 03 Perikanan dan akuakultur**

A

SEKSYEN A :PERTANIAN, PERHUTANAN DAN PERIKANAN

PERINGKAT	MSIC 2008 Ver. 1.0
BAHAGIAN	3
KUMPULAN	13
KELAS	38
PERKARA	142

Bahagian ini termasuk penggunaan sumber semulajadi tumbuh-tumbuhan dan haiwan, merangkumi aktiviti penanaman, pemeliharaan dan penternakan haiwan, penebangan kayu balak dan tanaman lain, haiwan atau produk haiwan daripada ladang atau habitat semulajadi.

Bahagian ini juga termasuk tanaman dan pengeluaran hasil ternakan, pemburuan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan, perhutanan dan pembalakan.

BAHAGIAN 01 PENGELUARAN TANAMAN DAN TERNAKAN, PEMBURUAN DAN AKTIVITI PERKHIDMATAN BERKAITAN

Bahagian ini termasuk dua aktiviti asas, iaitu pengeluaran produk tanaman dan haiwan, termasuk juga pertanian organik, penanaman dan penternakan haiwan yang dimodifikasikan secara genetik.

Bahagian ini juga termasuk aktiviti perkhidmatan sampingan untuk pertanian, termasuk pemburuan, penjeratan dan aktiviti berkaitan.

Kumpulan 015 (Pertanian campuran) mengubah prinsip asal dalam mengenal pasti aktiviti utama. Prinsip ini menerima kebanyakan pengusaha pertanian yang kebiasaannya menggunakannya dalam mengimbangkan pengeluaran tanaman dan ternakan dan lebih mudah untuk mengklasifikasikan sesuatu aktiviti dalam sesuatu aktiviti tertentu atau sebaliknya.

Aktiviti pertanian tidak termasuk pemprosesan berikutnya bagi produk pertanian (diklasifikasikan di bawah bahagian 10 dan 11 (Pembuatan produk makanan dan minuman) dan bahagian 12 (Pembuatan produk tembakau), melebihi keperluan untuk penyediaan kepada pasaran utama. Walau bagaimanapun, penyediaan produk untuk pasaran utama termasuk di bawah bahagian ini.

Bahagian ini tidak termasuk kawasan binaan (cth. menereskan tanah pertanian, saluran, penyediaan tapak sawah, dll.) diklasifikasikan dalam seksyen F (Pembinaan) serta pembeli dan badan-badan koperasi yang terlibat dalam pemasaran hasil ladang yang diklasifikasikan dalam seksyen G.

KUMPULAN 011 Penanaman tanaman tidak kekal

Kumpulan ini termasuk penanaman tanaman tidak kekal, cth. tanaman yang tidak boleh mengeluarkan hasil lebih daripada dua musim. Termasuk juga penanaman tumbuh-tumbuhan untuk tujuan pengeluaran benih.

KUMPULAN 012 Penanaman tanaman kekal

Kumpulan ini termasuk penanaman tanaman kekal, cth. tanaman yang dapat mengeluarkan hasil lebih daripada dua musim sama ada dengan tumbuh semula selepas satu musim penanaman atau tumbuh berterusan. Termasuk penanaman tumbuh-tumbuhan untuk tujuan pengeluaran benih.

KUMPULAN 013 Pembiakan tumbuhan

Kumpulan ini termasuk pengeluaran semua bahagian tumbuhan termasuk tampang, sulur dan anak pokok untuk pembiakan tanaman atau untuk menambahkan stok tunas baka terpilih bagi tujuan penanaman untuk menghasilkan tumbuhan.

KUMPULAN 014 Pengeluaran ternakan

Kumpulan ini termasuk penternakan (ladang) dan pembiakan semua haiwan, kecuali haiwan akuatik.

Kumpulan ini tidak termasuk perkhidmatan sokongan pembiakan, seperti perkhidmatan pembakaan (lihat 0162), ladang penempatan dan penjagaan haiwan (lihat 0162) dan pengeluaran kulit daripada rumah penyembelihan (lihat 1010).

KUMPULAN 015 Pertanian campuran

Kumpulan ini termasuk gabungan pengeluaran tanaman dan haiwan tanpa pengeluaran tanaman atau ternakan yang khusus. Saiz keseluruhan operasi pertanian bukan faktor penentu. Sekiranya pengeluaran tanaman atau haiwan dalam sesuatu unit yang diberi melebihi 66 peratus atau melebihi standard keuntungan kasar, kombinasi aktiviti ini tidak seharusnya dimasukkan di sini, tetapi diletakkan sama ada di dalam tanaman atau penternakan haiwan.

Kumpulan ini tidak termasuk penanaman tanaman campuran (lihat kumpulan 011 dan 012) dan ternakan campuran (lihat kumpulan 014).

KUMPULAN 016 Aktiviti sokongan untuk pertanian dan aktiviti selepas tuaian

Kumpulan ini termasuk aktiviti iringan untuk pengeluaran pertanian dan aktiviti menyerupai pertanian yang bukan dijalankan untuk tujuan pengeluaran (dalam bentuk tuaian produk pertanian), dibuat berasaskan yuran atau kontrak. Termasuk juga aktiviti selepas tuaian, bertujuan untuk menyediakan produk pertanian untuk pasaran utama.

KUMPULAN 017 Perburuan, penjeratan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan

Kumpulan ini termasuk pemburuan dan penjeratan berasaskan komersial, penangkapan haiwan (mati atau hidup) untuk makanan, bulu, kulit, atau untuk kegunaan penyelidikan, di zoo atau sebagai binatang peliharaan dan pengeluaran bagi kulit bulu, reptilia atau kulit burung dari aktiviti pemburuan atau penjeratan.

BAHAGIAN 01 : PENGELUARAN TANAMAN DAN TERNAKAN, PEMBURUAN DAN AKTIVITI PERKHIDMATAN BERKAITAN

Kumpulan 011 : Penanaman tanaman tidak kekal

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
0111 ⁽¹⁾		Penanaman bijirin (kecuali padi), tanaman kekacang dan bijian berminyak	
	01111	Penanaman jagung	01119p
	01112	Penanaman tanaman kekacang ⁽²⁾	01119p
	01113	Penanaman bijian berminyak ⁽³⁾	01119p
	01119	Penanaman bijirin lain t.t.t.l.	01119p
0112 ⁽⁴⁾		Penanaman padi	
	01120	Penanaman padi	01111
0113 ⁽⁵⁾		Penanaman sayur-sayuran dan tembikai, ubi	
	01131	Penanaman sayur-sayuran berdaun atau berbatang ⁽⁶⁾	01121p
	01132	Penanaman sayur-sayuran berbuah ⁽⁷⁾	01121p
	01133	Penanaman tembikai ⁽⁸⁾	01139p

- (1) **Termasuk:** penanaman tanaman campuran di dalam unit pertanian
- Tidak termasuk:** penanaman jagung untuk makanan haiwan, lihat 01199
- (2) **Termasuk:** penanaman kacang, kacang pea dan kacang hijau
- (3) **Termasuk:** penanaman kacang soya, kacang tanah, bijan dan kuaci
- (4) **Termasuk:** tanaman organik dan penanaman padi yang dimodifikasi secara genetik
- (5) **Tidak termasuk:** (a) penanaman benih cendawan, lihat 01303
Dalam pembuatan, unit yang terlibat adalah loji atau kilang sama ada operasinya menggunakan mesin atau dikendalikan oleh tangan. Walau bagaimanapun, unit yang mengubah bahan kepada produk baru menggunakan tangan atau di rumah pekerja dan yang terlibat dalam penjualan kepada umum bagi produk yang dibuat dalam premis yang sama di mana ianya dijual, seperti bakeri dan kedai jahit juga termasuk dalam seksyen ini. Unit pembuatan boleh memproses bahan atau memproses bahan untuk unit lain secara kontrak. Kedua-dua jenis unit termasuk dalam pembuatan.

Output bagi proses pembuatan boleh jadi barangan siap iaitu sedia digunakan atau separa siap di mana ia menjadi input kepada pembuatan seterusnya. Sebagai contoh, output daripada alumina yang ditapis adalah input bagi pengeluaran peringkat awal aluminium; aluminium primer adalah input kepada dawai aluminium yang dibentuk; dan dawai aluminium adalah input kepada pembuatan produk dawai yang direka.

Sebagai umumnya, pembuatan komponen dan bahagian yang khusus, aksesori dan penyambung, jentera dan kelengkapan dikelaskan dalam kelas yang sama dengan pembuatan jentera dan kelengkapan yang mana bahagian dan aksesori diperlukan. Pembuatan komponen dan bahagian bagi jentera dan kelengkapan yang tidak khusus, contohnya: enjin, ombok, motor elektrik, pemasangan elektrik, injap, gear, galas pengelek diklasifikasikan dalam kelas pembuatan yang sepatutnya, tanpa mengambil kira di mana item jentera dan kelengkapan ini dikelaskan. Walau bagaimanapun, pembuatan aksesori dan komponen yang khusus melalui peracuan atau picitan bahan plastik dimasukkan dalam kelas 2220.

Pemasangan bahagian komponen produk pembuatan dikategorikan sebagai pembuatan. Ini termasuk pemasangan produk sama ada daripada pengeluaran sendiri atau komponen yang dibeli.

Kitar semula/pemulihan bahan buangan, spt. pemprosesan bahan buangan kepada bahan mentah sekunder dikelaskan dalam kelas 3830 (Bahan kitar semula). Walaupun ia melibatkan perubahan fizikal dan kimia, ia tidak dikira sebagai pembuatan. Tujuan utama aktiviti tersebut dikategorikan sebagai rawatan atau

memprosesan sisa. Oleh yang demikian, ia diklasifikasikan dalam Seksyen E (Bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan). Berbeza dengan bahan mentah sekunder, pembuatan produk akhir yang baru diklasifikasikan dalam pembuatan, walaupun pemprosesan ini menggunakan sisa sebagai input. Sebagai contoh, pengeluaran perak daripada sisa filem dianggap sebagai proses pembuatan.

Pengkhususan penyelenggaraan dan pembaikan jentera dan kelengkapan untuk industri, komersial dan seumpamanya, secara umumnya dikelaskan dalam bahagian 33 (Pembaikan, penyelenggaraan dan pemasangan jentera dan kelengkapan). Namun begitu, pembaikan komputer dan barangan isi rumah dan persendirian dikelaskan dalam bahagian 95 (Pembaikan komputer, barangan isi rumah dan persendirian), manakala pembaikan kenderaan bermotor dikelaskan dalam bahagian 45 (Perdagangan jual runcit dan pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal).

Aktiviti khusus pemasangan jentera dan kelengkapan dikelaskan dalam 3320.

Nota: Sempadan antara pembuatan dan sektor lain dalam sistem klasifikasi tidak begitu jelas. Secara umumnya, aktiviti dalam seksyen pembuatan melibatkan dalam perubahan bahan kepada produk baru. Outputnya adalah produk baru. Walau bagaimanapun, definisi berkenaan produk baru adalah subjektif. Untuk penjelasan, aktiviti berikut dianggap sebagai pembuatan dalam MSIC seperti pempasteuran dan pembotolan susu (lihat 1050), pemprosesan ikan segar (mengupas tiram, menulangi ikan), tidak dibuat di atas bot nelayan (lihat 1020), percetakan dan aktiviti berkaitan (lihat 1811, 1812), pengeluaran konkrit siap dibancuh (lihat 2395), pengubahsuaian kulit (lihat 1511), pengawetan kayu (lihat 1610), saduran elektrik, penyaduran, merawat logam panas, dan pengilatan (lihat 2592), pembinaan atau pembuatan semula jentera (cth. enjin automobil, lihat 2910) dan mencelup tayar (lihat 2211).

Sebaliknya, terdapat aktiviti yang melibatkan proses perubahan tetapi dikelaskan di seksyen lain dalam MSIC; dengan kata lain, ia tidak dikelaskan sebagai pembuatan. Ia termasuk pembalakan, dikelaskan dalam seksyen A (Pertanian, perhutanan dan perikanan); pengeluaran produk pertanian, dikelaskan dalam seksyen A (Pertanian, perhutanan dan perikanan); pengeluaran bijih dan galian lain, dikelaskan dalam seksyen B (Perlombongan dan pengkuarian); pembinaan struktur dan operasi pemasangan yang dilakukan di tapak pembinaan, dikelaskan dalam seksyen F (Pembinaan) dan aktiviti pemecahan pukal dan pengedaran semula dalam lot yang lebih kecil, termasuk pembungkusan, pembungkusan semula, atau pembotolan produk, seperti minuman keras atau bahan kimia; pengisihan skrap; mencampur cat mengikut pesanan pelanggan; dan pemotongan besi mengikut pesanan pelanggan, mengeluarkan produk yang sama yang diubahsuai adalah dikelaskan mengikut seksyen G (Perdagangan jual runcit dan pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal).

BAHAGIAN 10 PEMBUATAN PRODUK MAKANAN

Bahagian ini termasuk pemprosesan produk pertanian, perhutanan dan perikanan kepada makanan untuk manusia atau haiwan, dan meliputi pengeluaran pelbagai produk perantara yang bukan produk makanan secara langsung. Aktiviti ini biasanya menghasilkan produk berkaitan yang bernilai lebih besar atau lebih kecil (contohnya, kulit daripada penyembelihan atau tahi minyak daripada pengeluaran minyak).

Bahagian ini disusun mengikut aktiviti yang terlibat dengan produk yang pelbagai jenis: daging, ikan, buah-buahan dan sayur-sayuran, lemak dan minyak, produk tenusu, produk bijian, makanan haiwan dan produk makanan lain. Pengeluaran boleh dijalankan untuk kegunaan sendiri dan juga untuk pihak ketiga, seperti dalam penyembelihan.

Sesetengah aktiviti dianggap pembuatan (contohnya, yang mana dilakukan di bakeri, kedai pastri, dan kedai penyediaan daging, dll. yang menjual pengeluaran sendiri) walaupun terdapat penjualan runcit bagi produk dalam kedai pengeluar tersebut. Walau bagaimanapun, di mana pemprosesan adalah minima dan tidak ke arah perubahan yang nyata, unit itu dikelaskan kepada Perdagangan borong dan runcit (seksyen G).

Pengeluaran makanan haiwan daripada sisa penyembelihan atau produk sampingan dikelaskan dalam 1080, manakala pemprosesan sisa makanan dan minuman kepada bahan mentah sekunder dikelaskan kepada 3830, dan pembuangan sisa makanan dan minuman dalam 3821.

KUMPULAN 101 Pemprosesan dan pengawetan daging

Kumpulan ini termasuk operasi di rumah penyembelihan yang melibatkan pembunuhan, penyamakan dan pembungkusan daging lembu, babi, ayam itik, rusa, anab, kambing, unta, dll., pengeluaran daging segar dingin atau beku, dalam bentuk karkas, pengeluaran daging segar dingin atau beku dalam bentuk bahagian tertentu, pengeluaran daging yang dikeringkan, dimasinkan dan diasapkan dan pengeluaran produk daging seperti sosej, salami, puding, "andouillettes", saveloys, bolognas, pâtés, rillettes, ham yang direbus. Penyembelihan dan pemprosesan ikan paus di daratan atau di atas kapal yang khusus, pengeluaran belulang dan kulit daripada rumah penyembelihan, termasuk mengetam bulu bebiri, melepa lemak babi dan lemak daripada haiwan yang boleh dimakan, pemprosesan bahagian dalaman haiwan, pengeluaran penarikan bulu dan pengeluaran bulu pelepah dan bulu halus juga termasuk dalam kumpulan ini.

KUMPULAN 102 Pemprosesan dan pengawetan ikan, krustasea dan moluska

Kumpulan ini termasuk penyediaan dan pengawetan ikan, krustasea dan moluska: membeku, dingin beku, mengering, mengasap, pengasinan, merendam dalam garam, mengetin, dll., pengeluaran produk ikan, krustasea dan moluska: ikan yang dimasak, filet ikan, telur ikan, kaviar, gantian kaviar, dll., pengeluaran makanan berasaskan ikan sebagai makanan untuk manusia atau haiwan, pengeluaran makanan dan larutan daripada ikan dan haiwan akuatik lain bukan untuk makanan manusia, aktiviti kapal yang terlibat cuma dalam pemprosesan dan pengawetan ikan dan pemprosesan rumpai laut.

KUMPULAN 103 Pemprosesan dan pengawetan buah-buahan dan sayur-sayuran

Kumpulan ini termasuk pembuatan makanan terutamanya buah-buahan atau sayur-sayuran, kecuali makanan tersedia dalam bentuk beku atau ditinkan, pengawetan buah-buahan, kekacang atau sayur-sayuran: membeku, mengering, merendam dalam minyak atau cuka, mengetin, dll., pembuatan produk makanan buah-buahan atau sayuran, pembuatan jus buah-buahan atau sayuran, pembuatan jem, marmalad dan sajian jeli, pemprosesan dan pengawetan kentang. Kumpulan ini juga termasuk pemanggangan kacang, pembuatan makanan dan pes kacang, industri membuang kulit kentang, pengeluaran pati daripada buah-buahan segar dan sayur-sayuran, pembuatan makanan daripada buah-buahan dan sayur-sayuran yang tidak tahan lama seperti *salad*, sayur-sayuran yang telah dikupas atau dipotong dan tauhu.

KUMPULAN 104 Pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan

Kumpulan ini termasuk pembuatan minyak mentah dan bertapis dan lemak dari pada sayur-sayuran atau bahan haiwan, kecuali melepa atau menapis lemak babi dan lemak haiwan lain yang boleh dimakan. Kumpulan ini termasuk pembuatan minyak mentah sayur-sayuran: minyak zaitun, minyak kacang soya, minyak sawit, minyak biji bunga matahari, minyak biji kapas, pokok sesawi, *colza* atau minyak biji sawi, minyak biji rami, dll.,

pembuatan tepung yang tidak dinyahlemak atau makanan minyak bijian, minyak kacang atau minyak isirong, pembuatan minyak bertapis sayur-sayuran: minyak zaitun, minyak kacang soya, dll., pemprosesan minyak sayur-sayuran: meniup, mendidih, menyahhidrat, menghidrogen, dll., pembuatan mentega, pembuatan *mélanges* dan sapuan yang seumpamanya, pembuatan sebatian lemak masakan, pembuatan minyak dan lemak haiwan yang tidak boleh dimakan, pengestrakan minyak ikan dan mamalia laut dan pengeluaran *cotton linters*, tahi minyak dan lain-lain pengeluaran produk sisa minyak.

KUMPULAN 105 Pembuatan produk tenusu

Kumpulan ini termasuk pembuatan susu cair segar, dipasturkan, disterilkan, dihomogenkan dan/atau dirawat menggunakan pemanasan ultra, pembuatan minuman berasaskan susu, pembuatan krim daripada susu cair segar, dipasturkan, disterilkan, dihomogenkan, pembuatan susu yang dikeringkan atau dipekatkan sama ada manis atau tidak, pembuatan susu atau krim dalam bentuk pepejal, pembuatan mentega, pembuatan yogurt, pembuatan keju dan dadih, pembuatan *whey*, pembuatan kasein atau laktosa dan pembuatan aiskrim dan ais lain yang boleh dimakan seperti sorbet.

KUMPULAN 106 Pembuatan produk bijian, kanji dan produk berkanji

Kumpulan ini termasuk pengilangan tepung atau makanan daripada bijian atau sayuran, mengilang, membersihkan dan mengilat beras, begitu juga pembuatan campuran tepung atau doh daripada produk tersebut. Termasuk juga dalam kumpulan ini adalah jagung mentah yang dikisar dan sayur-sayuran dan pembuatan kanji dan produk berkanji.

KUMPULAN 107 Pembuatan produk makanan lain

Kumpulan ini termasuk pengeluaran pelbagai produk makanan yang tidak diliputi dalam kumpulan sebelumnya dalam bahagian ini. Ini termasuk pengeluaran produk roti, gula dan manisan, mi, makaroni dan produk seumpamanya, makanan dan hidangan tersedia, kopi, teh dan rempah ratus dan juga makanan khusus dan tidak tahan lama.

KUMPULAN 108 Pembuatan makanan haiwan tersedia

Kumpulan ini termasuk pembuatan makanan tersedia untuk haiwan peliharaan, termasuk anjing, kucing, burung, ikan dll., pembuatan makanan tersedia untuk haiwan ternakan, termasuk pati makanan haiwan dan makanan sampingan, penyediaan makanan tidak bercampur untuk haiwan ternakan dan rawatan sisa penyembelihan untuk menghasilkan makanan haiwan.

BAHAGIAN 10 : PEMBUATAN PRODUK MAKANAN
Kumpulan 101 : Pemprosesan dan pengawetan daging



KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
1010⁽¹⁾		Pemprosesan dan pengawetan daging	
	10101	Pemprosesan dan pengawetan daging dan pengeluaran produk daging ⁽²⁾	15119p
	10102	Pemprosesan dan pengawetan ayam itik dan produk ayam itik ⁽³⁾	15111p
	10103	Pengeluaran belulang dan kulit daripada rumah penyembelihan ⁽⁴⁾	15111p, 15119p
(1)	Tidak termasuk:	(a) pembuatan daging beku dan hidangan berasaskan ayam itik tersedia, lihat 1075 (b) pembuatan sup yang mengandungi daging, lihat 10799 (c) perdagangan borong daging, lihat 46311 (d) pembungkusan daging, lihat 8292	
(2)	Termasuk:	(a) pengeluaran daging segar, dingin atau beku, dalam bentuk karkas (b) pengeluaran daging segar, dingin atau beku, dalam bentuk potongan (c) pengeluaran daging segar, dingin atau beku, dalam bentuk bahagian tertentu (d) pengeluaran daging yang dikeringkan, diasinkan, diasapkan (e) pengeluaran produk daging (cth. sosej, salami, ham yang direbus, dll.) (f) melepa lemak babi dan lemak haiwan lain yang boleh dimakan (g) pengeluaran daging burung unta dan arnab, segar, dingin atau beku (h) pengeluaran bahagian dalam bovin, bebiri, kambing dan babi yang boleh dimakan, segar, dingin atau beku (i) pengeluaran lidah bovin, beku (j) pengeluaran bahagian dalam burung unta dan arnab, segar, dingin atau beku	
(3)	Termasuk:	(a) pengeluaran ayam itik segar, dingin atau beku, dalam bentuk karkas (b) pengeluaran ayam itik segar, dingin atau beku, dalam bentuk potongan (c) pengeluaran ayam itik segar, dingin atau beku, dalam bahagian tertentu (d) pengeluaran ayam itik yang dikeringkan, diasinkan dan diasapkan (e) pengeluaran produk ayam itik (cth. sosej dll) (f) pengeluaran daging burung puyuh, segar, dingin atau beku (g) pengeluaran bahagian dalam ayam, itik, angsa dan ayam belanda	
(4)	Termasuk:	(a) pengetaman bulu bebiri (b) pengeluaran tulang (c) pengeluaran bulu yang ditarik (d) pengeluaran bulu pelepah atau bulu halus	

BAHAGIAN 10 : PEMBUATAN PRODUK MAKANAN
Kumpulan 101 : Pemprosesan dan pengawetan daging

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
10104		Operasi rumah penyembelihan yang terlibat dalam pembunuhan, pembersihan atau pembungkusan daging ⁽¹⁾	15111p, 15119p
10109		Pemprosesan dan pengawetan daging t.t.t.l. ⁽²⁾	15119p

- (1) **Termasuk:** daging lembu, ayam itik, bebiri, kambing dan babi, dll.
- (2) **Termasuk:** pemprosesan ikan paus di daratan atau di atas kapal yang khusus

BAHAGIAN 10 : PEMBUATAN PRODUK MAKANAN**Kumpulan 102 : Pemprosesan dan pengawetan ikan, krustasea dan moluska****C**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
1020⁽¹⁾		Pemprosesan dan pengawetan ikan, krustasea dan moluska	
	10201	Pengetinan ikan, krustasea dan moluska	15120p
	10202	Pemprosesan dan pengawetan ikan, krustasea dan moluska ⁽²⁾	15120p
	10203	Pengeluaran makanan berasaskan ikan untuk manusia atau haiwan ⁽³⁾	15120p
	10204	Pengeluaran keropok termasuk keropok lekor ⁽⁴⁾	15120p, 15497p
	10205	Pemprosesan rumpai laut	05001p

- (1) **Tidak termasuk:**
- (a) pemprosesan ikan paus di daratan atau di atas kapal yang khusus, lihat 10109
 - (b) pengeluaran minyak dan lemak daripada bahan laut, lihat 10407
 - (c) pembuatan penyediaan hidangan ikan beku tersedia, lihat 1075
 - (d) pembuatan sup ikan, lihat 10799
- (2) **Termasuk:**
- (a) ikan yang dimasak, filet ikan, telur ikan, kaviar, gantian kaviar, dll
 - (b) bebola ikan, kek ikan
 - (c) didingin beku, dikering, diasap, diasinkan, direndam dalam air garam, ditinkan, dll.
 - (d) aktiviti kapal yang hanya terlibat dalam pemprosesan dan pengawetan ikan
- (3) **Termasuk:**
- (a) pengeluaran makanan dan larutan ikan dan haiwan akuatik lain yang tidak sesuai sebagai makanan manusia
 - (b) pengeluaran makanan berasaskan ikan untuk manusia atau haiwan
- (4) **Termasuk:** keropok ikan, udang, sotong, ketam dll.

BAHAGIAN 10 : PEMBUATAN PRODUK MAKANAN**Kumpulan 103 : Pemprosesan dan pengawetan buah-buahan dan sayur-sayuran**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
1030 ⁽¹⁾		Pemprosesan dan pengawetan buah-buahan dan sayur-sayuran	
	10301	Pembuatan produk makanan buah-buahan dan sayur-sayuran ⁽²⁾	15139p
	10302	Pembuatan jus buah-buahan dan sayur-sayuran ⁽³⁾	15139p
	10303	Pengetinan nanas ⁽⁴⁾	15131
	10304	Pembuatan jem, marmalad dan sajian jeli ⁽⁵⁾	15139p
	10305	Pembuatan kacang dan produk kekacang ⁽⁶⁾	15495
	10306	Pembuatan produk tauhu ⁽⁷⁾	15149p

- (1) **Termasuk:** penyahhidratan melalui kaedah tiruan
- Tidak termasuk:** (a) pembuatan tepung atau makanan sayuran kekacang kering, lihat 10613
(b) pengawetan buah-buahan dan kekacang dalam gula, lihat 10732
(c) pembuatan hidangan sayur-sayuran beku tersedia, lihat 1075
(d) pembuatan pekatan tiruan, lihat 10799
- (2) **Termasuk:** (a) pembuatan makanan terutamanya yang mengandungi buah-buahan kecuali hidangan tersedia dalam bentuk beku atau tin
(b) pengawetan buah (cth. membeku, mengering, merendam dalam minyak atau dalam cuka, pengetinan, dll.)
(c) pembuatan makanan terutamanya yang mengandungi sayur-sayuran kecuali hidangan tersedia dalam bentuk beku atau tin
(d) pengawetan sayur-sayuran (cth. membeku, mengering, merendam dalam minyak atau dalam cuka, pengetinan, dll.)
(e) pembuatan kentang beku, kerepek, cip kentang daripada sayur-sayuran (tidak dimasak)
(f) pembuatan makanan dan sayur-sayuran tersedia yang tidak tahan lama (cth. salad, sayur-sayuran yang dibuang kulit atau dipotong)
(g) pembuatan kentang lenyek yang dinyahhidrat
- (3) **Termasuk:** pengeluaran pekatan daripada buah-buahan dan sayur-sayuran segar kecuali nanas
- (4) **Termasuk:** pengetinan jus nanas dan jem
- (5) **Tidak termasuk:** jem, marmalad dan sajian jeli diperbuat daripada nanas, lihat 10303
- (6) **Termasuk:** (a) pemanggangan kekacang
(b) pembuatan makanan dan pes kekacang
- (7) **Termasuk:** pembuatan tauhu dan fucuk

BAHAGIAN 10 : PEMBUATAN PRODUK MAKANAN**Kumpulan 104 : Pembuatan minyak dan lemak sayuran dan haiwan**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
1040⁽¹⁾		Pembuatan minyak dan lemak sayuran dan haiwan	
	10401	Pembuatan minyak sawit mentah	15142
	10402	Pembuatan minyak sawit bertapis	15143
	10403	Pembuatan minyak isirong	15144
	10404	Pembuatan minyak sayuran mentah dan bertapis ⁽²⁾	15149p
	10405	Pembuatan minyak kelapa ⁽³⁾	15141
	10406	Pembuatan sebatian lemak masakan ⁽⁴⁾	15149p
	10407	Pembuatan minyak dan lemak haiwan ⁽⁵⁾	15149p
(1)	Tidak termasuk:	(a) melepa dan menapis lemak babi dan lemak haiwan lain yang boleh dimakan, lihat 10101 (b) mengilang jagung mentah, lihat 10621 (c) pengeluaran minyak asas, lihat 20299 (d) rawatan minyak dan lemak melalui proses kimia, lihat 20299	
(2)	Termasuk:	(a) pembuatan minyak biji rami, mentah (b) pembuatan minyak biji rami, bertapis (c) pembuatan minyak kacang tanah, bertapis (d) pemprosesan minyak sayuran (cth. meniup, mendidih menyahhidrat, menghidrogen dll.) (e) pengeluaran <i>cotton linters</i> , tahi minyak dan lain-lain produk sisa minyak mentah (f) pembuatan tepung tidak dinyahlemak atau makanan minyak biji rami, minyak kacang dan minyak isirong (g) pembuatan minyak sayuran t.t.t.l. (cth. minyak jagung, minyak soya, minyak bunga matahari) (h) pembuatan minyak sayuran bertapis lain t.t.t.l.	
(3)	Termasuk:	pembuatan minyak kelapa mentah dan bertapis, isi kelapa dan kopra	
(4)	Termasuk:	(a) pembuatan marjerin (b) pembuatan <i>mélanges</i> dan sapuan seumpamanya	
(5)	Termasuk:	(a) pembuatan lemak dan minyak daripada susu (cth. minyak sapi, minyak mentega, lemak susu kontang, dll.) (b) pembuatan minyak dan lemak haiwan yang tidak boleh dimakan (c) pengestrakan minyak ikan dan mamalia (d) pengeluaran <i>tallow</i> dan lemak haiwan lain boleh dimakan (e) melepa lemak haiwan (f) pengestrakan minyak haiwan	

BAHAGIAN 10 : PEMBUATAN PRODUK MAKANAN
Kumpulan 105 : Pembuatan produk tenusu

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
1050⁽¹⁾		Pembuatan produk tenusu	
	10501	Pembuatan aiskrim dan ais lain yang boleh dimakan seperti sorbet	15201
	10502	Pembuatan susu pekat, tepung dan sejat ⁽²⁾	15202
	10509	Pembuatan produk tenusu lain t.t.t.l. ⁽³⁾	15209
(1)	Tidak termasuk:	(a) pengeluaran susu mentah (lembu), lihat 0141 (b) pengeluaran susu mentah (unta, dll.), lihat 0143 (c) pengeluaran susu mentah (cth. bebiri, kambing, kuda dan keldai, dll.), lihat 0144 (d) pembuatan produk bukan tenusu dan gantian keju, lihat 10799 (e) aktiviti kedai aiskrim, lihat 56104	
(2)	Termasuk:	(a) pembuatan susu segar cair, dipastur, disteril, dihomogen dan/atau rawatan pemanasan ultra (b) pembuatan krim daripada susu segar cair, dipastur, disteril, dihomogen (c) pembuatan susu kering dan pekat sama ada manis atau tidak manis (d) pembuatan susu formula bayi	
(3)	Termasuk:	(a) pembuatan minuman ringan berasaskan susu (b) pembuatan susu dan krim dalam bentuk pepejal (c) pembuatan yoghurt (d) pembuatan kasein atau laktosa (e) pembuatan keju dan produk keju (f) pembuatan mentega (g) pembuatan susu formula susulan dan makanan formula susulan lain	

BAHAGIAN 10 : PEMBUATAN PRODUK MAKANAN**Kumpulan 106 : Pembuatan produk bijian, kanji dan produk berkanji**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
1061⁽¹⁾		Pembuatan produk bijian	
	10611	Pengilangan beras ⁽²⁾	15311
	10612	Perkhidmatan persediaan pengilangan	15319p
	10613	Pengilangan tepung ⁽³⁾	15312
	10619	Pembuatan produk bijian t.t.t.l. ⁽⁴⁾	15319
1062⁽⁵⁾		Pembuatan kanji dan produk berkanji	
	10621	Pembuatan kanji dan produk berkanji ⁽⁶⁾	15321, 15322p 15323p, 15329
	10622	Pembuatan glukosa, sirap glukosa, maltosa, inulin	15322p
	10623	Pembuatan tepung/produk sagu dan ubi kayu	15323

- (1) **Tidak termasuk:** pengilangan jagung mentah, lihat 10621
- (2) **Termasuk:** pengeluaran beras yang telah melalui proses sama ada pengilangan, pengilangan, penggilapan, perebusan atau pengubahsuaian
- (3) **Termasuk:** (a) pengeluaran tepung atau makanan daripada sayuran kekacang yang dikeringkan, daripada akar atau umbi atau kacang boleh dimakan
(b) pengeluaran tepung beras
(c) pengilangan untuk mengeluarkan tepung beras, tepung kacang soya, tepung gandum, tepung gram dan seumpamanya
(d) pembuatan berasaskan ubi (cth. kentang), tepung dan makanan daripada ubi kentang, dll.
- (4) **Termasuk:** (a) pembuatan bijirin sarapan pagi
(b) pembuatan tepung campuran dan penyediaan tepung kisar dan doh atau roti, kek, biskut atau lempeng (pankek)
- (5) **Tidak termasuk:** (a) pembuatan laktosa (gula susu), lihat 10509
(b) pengeluaran gula tebu atau ubi bit, lihat 1072
- (6) **Termasuk:** (a) pembuatan kanji daripada beras, kentang, jagung, dll.
(b) pengilangan jagung mentah
(c) pembuatan gluten
(d) pembuatan kanji daripada ubi kayu dan gantian ubi kayu

BAHAGIAN 10 : PEMBUATAN PRODUK MAKANAN
Kumpulan 107 : Pembuatan produk makanan lain

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
1071⁽¹⁾		Pembuatan produk bakeri	
	10711	Pembuatan biskut dan cookies ⁽²⁾	15411
	10712	Pembuatan roti, kek dan produk bakeri lain ⁽³⁾	15412
	10713	Pembuatan produk snek ⁽⁴⁾	15497p
	10714	Pembuatan produk bakeri yang dibeku ⁽⁵⁾	15412p
1072⁽⁶⁾		Pembuatan gula	
	10721	Pembuatan gula	15420p
	10722	Pembuatan produk daripada gula ⁽⁷⁾	15420p

- (1) **Tidak termasuk:** (a) pembuatan produk berkanji (pasta), lihat 10742
 (b) produk bakeri yang dipanaskan untuk penggunaan segera, lihat bahagian 56
- (2) **Termasuk:** pembuatan biskut kering
- (3) **Termasuk:** (a) pembuatan roti dan roti gulung
 (b) pembuatan pastri segar, pai, tart, pengeluaran makanan pencuci mulut yang berasaskan telur (cth. kastard telur), dll.
 (c) pembuatan makanan pastri yang diawet, dll.
 (d) pembuatan produk bakeri kering dan bakeri lain t.t.t.l.
- (4) **Termasuk:** keropok, pretzel, snek kentang, kerepek kentang, dll., sama ada manis atau masin
- (5) **Termasuk:** lempeng (pankek), wafel, roti gulung, roti canai, murtabak, dll.
- (6) **Termasuk:** (a) pembuatan gula bertapis (sukrosa) dan gantian gula dari jus tebu, bit, maple dan palma
 (b) pembuatan sirap gula
 (c) pembuatan molases
- Tidak termasuk:** pembuatan glukosa, sirap glukosa, maltosa, inulin, lihat 10622
- (7) **Termasuk:** gula melaka, gula enau, dll.

BAHAGIAN 10 : PEMBUATAN PRODUK MAKANAN
Kumpulan 107 : Pembuatan produk makanan lain



KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
1073⁽¹⁾		Pembuatan produk koko, coklat dan konfeksi gula	
	10731	Pembuatan produk koko ⁽²⁾	15431
	10732	Pembuatan coklat dan produk coklat ⁽³⁾	15432
	10733	Pembuatan konfeksi gula ⁽⁴⁾	15432p
1074⁽⁵⁾		Pembuatan makaroni, mi, kuskus dan produk berkanji seumpamanya	
	10741	Pembuatan bihun, mi dan produk lain yang berkaitan ⁽⁶⁾	15440p
	10742	Pembuatan pasta ⁽⁷⁾	15440p

- (1) **Tidak termasuk:** pembuatan gula sukrosa, lihat 1072
- (2) **Termasuk:** pembuatan jisim koko, mentega/minyak/lemak koko, kek koko, serbuk koko
- (3) **Termasuk:** (a) pembuatan coklat dan konfeksi coklat
 (b) pembuatan produk koko separa-proses seperti blok coklat, cip coklat, nugget coklat dan *chocolate rice*
- (4) **Termasuk:** (a) pembuatan karamel, nugget, coklat putih, dll.
 (b) pembuatan gula-gula getah
 (c) pembuatan konfeksi *lozeng* dan pastil (gula-gula berubat)
- (5) **Termasuk:** (a) pembuatan produk pasta yang ditinkan atau dibekukan
 (b) pembuatan kuskus
- Tidak termasuk:** (a) pembuatan sup yang mengandungi pasta, lihat 10799
 (b) pembuatan makanan kuskus tersedia, lihat 1075
- (6) **Termasuk:** pembuatan mi segera, cendol, *kuay teow*, bihun, laksa, su'un
- (7) **Termasuk:** pembuatan spaghetti, makaroni, kuskus dan produk berkanji seumpamanya

BAHAGIAN 10 : PEMBUATAN PRODUK MAKANAN
Kumpulan 107 : Pembuatan produk makanan lain

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
1075⁽¹⁾		Pembuatan makanan dan hidangan tersedia	
	10750	Pembuatan makanan dan hidangan tersedia	15111p, 15119p, 15120p, 15499p
1079⁽²⁾		Pembuatan produk makanan lain t.t.t.l.	
	10791	Pembuatan kopi ⁽³⁾	15492
	10792	Pembuatan teh ⁽⁴⁾	15493

- (1) **Termasuk:**
- (a) pembuatan hidangan berasaskan daging atau ayam itik
 - (b) pembuatan *stew* yang ditinkan dan hidangan kedap udara tersedia
 - (c) pembuatan makanan lain tersedia (cth. *TV dinners*, dll)
 - (d) pembuatan makanan beku tersedia dari ikan, termasuk *fish and chips*
 - (e) pembuatan hidangan sayur-sayuran tersedia
 - (f) pembuatan piza beku atau yang diawetkan
 - (g) pembuatan hidangan kuskus tersedia
 - (h) pembuatan makanan tersedia yang tidak tahan lama [cth. sandwich, piza segar (belum dimasak)]
- Tidak termasuk:**
- (a) pembuatan makanan segar atau makanan dengan kandungan utama sahaja, lihat bahagian 10
 - (b) jualan makanan dan hidangan tersedia secara borong, lihat kumpulan 463
 - (c) jualan runcit makanan dan hidangan tersedia di pasar raya, lihat 4711 dan 4721
 - (d) perkhidmatan penyajian makanan oleh kontraktor, lihat 56290
- (2) **Tidak termasuk:**
- (a) penanaman tumbuhan rempah, lihat 0128
 - (b) pembuatan inulin, lihat 10622
 - (c) pembuatan makanan tersedia tidak tahan lama dari buah-buahan dan sayur-sayuran (cth. salad, sayuran yang dikupas, tofu), lihat 1030
 - (d) pembuatan piza yang dibeku, lihat 1075
 - (e) pembuatan spirit, bir, wain dan minuman ringan, lihat bahagian 11
 - (f) penyediaan produk botani bagi tujuan farmaseutikal, lihat 2100
- (3) **Termasuk:**
- (a) menyahkafein dan memanggang biji kopi
 - (b) pengeluaran produk kopi (cth. kopi kisar, kopi mudah larut, ekstrak dan pati kopi)
 - (c) pembuatan produk gantian kopi
- (4) **Termasuk:**
- (a) campuran teh dan *mate*
 - (b) ekstrak atau sediaan berasaskan teh atau *mate*

BAHAGIAN 10 : PEMBUATAN PRODUK MAKANAN
Kumpulan 107 : Pembuatan produk makanan lain



KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
	10793	Pembuatan sos dan bahan perasa ⁽¹⁾	15496
	10794	Pembuatan rempah ratus dan serbuk kari ⁽²⁾	15494
	10795	Pembuatan produk berasaskan telur ⁽³⁾	15499p
	10799	Pembuatan produk makanan lain t.t.t.l. ⁽⁴⁾	15499p, 24290p

- (1) **Termasuk:** (a) mayonis, makanan dan tepung mustard, mustard tersedia, ekstrak perasa
 (b) pembuatan sos termasuk serbuk perasa seperti monosodium glutamate (MSG) contoh ajinomoto
 (c) pembuatan sos dan serbuk perasa lain t.t.t.l.
- (2) **Termasuk:** (a) serbuk lada putih dan lada hitam
 (b) pembuatan herba yang ditanam (cth. pudina, vervain, chamomile, dll.)
 (c) pembuatan rempah ratus lain t.t.t.l.
- (3) **Termasuk:** (a) pembuatan produk telur bentuk cecair
 (b) pembuatan produk telur yang dibeku
 (c) pembuatan produk telur kering, yang dilikatkan (pemanasan)
 (d) pengeluaran telur asin
 (e) pengeluaran telur rawatan alkali
 (f) pengeluaran telur yang ditinkan
 (g) pembuatan albumin telur
- (4) **Termasuk:** (a) pembuatan cuka
 (b) pembuatan madu tiruan dan karamel
 (c) pembuatan yis
 (d) pembuatan ekstrak dan jus daripada daging, ikan, krustasia dan moluska
 (e) pembuatan produk bukan tenusu (soya) dan gantian keju
 (f) pembuatan makanan bayi
 (g) pembuatan sup dan sup pekat, sama ada yang ditinkan atau dalam bungkusan
 (h) prosesan garam untuk makanan (cth. garam iodin)
 (i) pembuatan pati tiruan
 (j) makanan yang mengandungi bahan yang dihomogenkan

BAHAGIAN 10 : PEMBUATAN PRODUK MAKANAN
Kumpulan 108 : Pembuatan makanan haiwan tersedia

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
1080⁽¹⁾		Pembuatan makanan haiwan tersedia	
	10800	Pembuatan makanan haiwan tersedia	15330
(1)	Termasuk:	(a) pembuatan makanan haiwan peliharaan tersedia (cth. anjing, kucing, burung, ikan, dll.) (b) pembuatan makanan haiwan ternakan tersedia, termasuk pati makanan haiwan dan makanan tambahan (c) penyediaan makanan haiwan ternakan yang tidak bercampur (d) rawatan sisa penyembelihan untuk menghasilkan makanan haiwan	
	Tidak termasuk:	(a) pengeluaran makanan berasaskan ikan untuk makanan haiwan, lihat 10203 (b) pengeluaran <i>oilseed cake</i>, lihat 10404 (c) aktiviti yang menghasilkan produk yang boleh digunakan sebagai makanan haiwan tanpa melakukan proses tertentu cth. <i>oilseed</i> (lihat 1040), sisa pengilangan bijirin (lihat 10619), dll.	

BAHAGIAN 11 PEMBUATAN MINUMAN

Bahagian ini termasuklah pembuatan minuman, seperti minuman tanpa alkohol dan air mineral, pembuatan minuman beralkohol terutamanya melalui proses penapaian, bir dan wain dan juga pembuatan minuman beralkohol melalui proses penyulingan.

Bahagian ini tidak termasuk pengeluaran jus buah-buahan dan sayur-sayuran (lihat kelas 1030), pembuatan minuman berasaskan susu (lihat kelas 1050) dan pembuatan produk kopi, teh dan *mate* (lihat 1079).

KUMPULAN 110**Pembuatan minuman ringan**

Kumpulan ini termasuk penyulingan, pembersihan dan pencampuran spirit, pembuatan wain; pembuatan minuman keras dan malt; pembuatan minuman ringan; pengeluaran air mineral dan air yang dibotolkan.

C

BAHAGIAN 11 : PEMBUATAN MINUMAN
Kumpulan 110 : Pembuatan minuman

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
1101⁽¹⁾		Penyulingan, pembersihan dan pencampuran spirit	
	11010	Penyulingan, pembersihan dan pencampuran spirit	15510
1102⁽²⁾		Pembuatan wain	
	11020	Pembuatan wain	15520
1103⁽³⁾		Pembuatan minuman keras malt dan malt	
	11030	Pembuatan minuman keras malt dan malt	15530

- (1) **Termasuk:** (a) pembuatan minuman disuling, boleh diminum, beralkohol (cth. wiski, brandi, gin, minuman keras, "*mixed drinks*", dll.)
 (b) pengadunan spirit yang disuling
 (c) pengeluaran spirit asli
- Tidak termasuk:** (a) pembuatan minuman beralkohol yang tidak disuling, lihat 1102, 1103
 (b) pembuatan ethyl alkohol, lihat 20112
 (c) hanya pembotolan dan pelabelan, lihat kumpulan 463 (jika dilakukan sebagai sebahagian daripada jualan borong) dan 8292 (jika dilakukan untuk bayaran upah atau secara kontrak)
- (2) **Termasuk:** (a) pembuatan *sparkling wine*
 (b) pembuatan minuman beralkohol yang diperam tetapi tidak disuling (cth. perry, cider, mid atau sake, arak beras dan todi)
 (c) pembuatan wain yang rendah atau tanpa alkohol
 (d) pengadunan wain
- Tidak termasuk:** (a) pembuatan cuka, lihat 10799
 (b) hanya pembotolan dan pelabelan, lihat kumpulan 4630 (jika dilakukan sebagai sebahagian daripada jualan borong) dan 8292 (jika dilakukan untuk bayaran upah atau secara kontrak)
- (3) **Termasuk:** (a) pembuatan minuman keras malt (cth. bir, *ale*, *porter* dan *stout*)
 (b) pembuatan malt
 (c) pembuatan bir yang rendah atau tanpa alkohol

BAHAGIAN 11 : PEMBUATAN MINUMAN
Kumpulan 110 : Pembuatan minuman



KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
1104 ⁽¹⁾		Pembuatan minuman ringan; pengeluaran air mineral dan minuman lain yang dibotolkan	
	11041	Pembuatan minuman ringan ⁽²⁾	15541
	11042	Pengeluaran air mineral semulajadi dan minuman lain yang dibotolkan	15542
(1)	Tidak termasuk:	(a) pembuatan jus buah-buahan dan sayur-sayuran, lihat 10302 (b) pembuatan minuman berasaskan susu, lihat 10509 (c) pembuatan produk kopi, teh dan <i>mate</i> , lihat 1079 (d) pembuatan minuman berasaskan alkohol, lihat 1101, 1102, 1103 (e) pembuatan wain tanpa alkohol, lihat 1102 (f) pembuatan bir tanpa alkohol, lihat 1103 (g) hanya pembotolan dan pelabelan, lihat kumpulan 4630 (jika dilakukan sebagai sebahagian daripada jualan borong) dan 8292 (jika dilakukan untuk bayaran upah atau secara kontrak)	
(2)	Termasuk:	(a) pembuatan minuman tanpa alkohol, kecuali bir dan wain tanpa alkohol (b) pembuatan minuman ringan (minuman berperisa tanpa alkohol dan/atau minuman manis, cth: lemonad, oren, cola, minuman buah-buahan, air tonik, dll.)	

BAHAGIAN 12 PEMBUATAN PRODUK TEMBAKAU

Bahagian ini termasuk pemprosesan produk tembakau dalam bentuk yang sesuai untuk penggunaan akhir.

KUMPULAN 120 Pembuatan produk tembakau

Kumpulan ini termasuk pembuatan produk tembakau dan produk gantian tembakau, pembuatan tembakau yang 'dihomogenkan' atau 'dibancuh' dan peleraian serta pengeringan semula tembakau.

BAHAGIAN 12 : PEMBUATAN PRODUK TEMBAKAU**Kumpulan 12 : Pembuatan produk tembakau****C**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
1200⁽¹⁾		Pembuatan produk tembakau	
	12000	Pembuatan produk tembakau	16000
(1)	Termasuk:	(a) pembuatan produk tembakau dan produk gantian tembakau seperti rokok, rokok tembakau, cerut, tembakau kunyah dll. (b) pembuatan produk tembakau yang 'dihomogenkan' atau 'dibancuh' (c) peleraian dan pengeringan tembakau	
	Tidak termasuk:	penanaman atau prosesan tembakau di peringkat awal , lihat 01150, 01632	

BAHAGIAN 13 PEMBUATAN TEKSTIL

Bahagian ini termasuk penyediaan dan pemintalan gentian tekstil serta tenunan tekstil, penyiapan akhir tekstil dan pakaian, pembuatan artikel tekstil tersedia kecuali pakaian (cth. kain kegunaan isi rumah, selimut, permaidani, tali-temali, dll.). Penanaman tumbuhan gentian asli adalah diliputi di bawah bahagian 01, manakala pembuatan bagi gentian sintetik adalah satu proses kimia terkandung dalam kelas 2030. Pembuatan pakaian diliputi dalam bahagian 14.

KUMPULAN 131 Pemintalan, penenunan dan penyiapan tekstil

Kumpulan ini termasuk pembuatan tekstil, termasuk operasi persediaan, pemintalan gentian tekstil dan tenunan tekstil. Ini boleh dilakukan daripada bahan mentah yang berbeza-beza, seperti sutera, benang bulu, gentian buatan manusia, haiwan lain atau tumbuhan, kertas atau kaca dll.

Termasuk juga di dalam kumpulan ini adalah penyiapan tekstil dan pakaian spt. pelunturan, mencelup, pembalut dan aktiviti seumpamanya.

KUMPULAN 139 Pembuatan tekstil lain

Kumpulan ini termasuk pembuatan produk-produk yang dihasilkan daripada tekstil, kecuali pakaian, artikel tekstil tersedia, permaidani dan hamparan, tali, tenunan fabrik seumpamanya, kemasan, dll.

BAHAGIAN 13 : PEMBUATAN TEKSTIL**Kumpulan 131 : Pemintalan, penenunan dan penyiapan tekstil****C**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
1311⁽¹⁾		Penyediaan dan pemintalan gentian tekstil	
	13110	Penyediaan dan pemintalan gentian tekstil	17111p, 17112p
1312⁽²⁾		Penenunan tekstil	
	13120	Penenunan tekstil	17111p, 17112p

- (1) **Termasuk:**
- (a) operasi penyediaan gentian tekstil
 - (b) pemintalan dan pembuatan benang tenunan atau jahitan, untuk perdagangan atau untuk pemrosesan selanjutnya
 - (c) pembuatan kertas bebenang
 - (d) pemintalan sintetik atau gentian tiruan
- Tidak termasuk:**
- (a) operasi penyediaan secara gabungan dengan pertanian atau ternakan, lihat bahagian 01
 - (b) merendam tumbuhan bergentian tekstil sayuran (cth. jerami, pokok flaks, sabut, dll.), lihat 0116
 - (c) pembusaran/pengasingan kapas, lihat 01631
 - (d) pembuatan gentian dan gentian tidak dipintal sintetik atau tiruan, pembuatan benang (termasuk benang ketahanan tinggi dan benang untuk permaidani) gentian-gentian sintetik atau tiruan, lihat 2030
 - (e) pembuatan gentian kaca, lihat 23109
- (2) **Termasuk:**
- (a) pembuatan bagi tenunan jenis kapas, dll. termasuk daripada campuran atau tiruan atau benang sintetik
 - (b) pembuatan fabrik tenunan kasar lain
 - (c) pembuatan kulit binatang berbulu tiruan (kain berbulu panjang diperoleh melalui tenunan)
- Tidak termasuk:**
- (a) pembuatan pelapik lantai tekstil, lihat 1393
 - (b) pembuatan fabrik yang tidak ditenun dan gentian kain felt (kain bulu), lihat 1399
 - (c) pembuatan fabrik tenunan halus, lihat 1399
 - (d) pembuatan fabrik yang dikait dan dikrusye, lihat 1391

BAHAGIAN 13 : PEMBUATAN TEKSTIL**Kumpulan 131 : Pemintalan, penenunan dan penyiapan tekstil**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
1313⁽¹⁾		Penyiapan akhir tekstil	
	13131	Membuat batik ⁽²⁾	17122
	13132	Pewarnaan, pelunturan, percetakan dan penyiapan akhir benang dan fabrik ⁽³⁾	17121
	13139	Penyiapan akhir tekstil lain ⁽⁴⁾	17210p
(1)	Tidak termasuk:	pembuatan tekstil fabrik diresap, disalut, diliput atau dilapis dengan getah, di mana getah adalah bahan utama, lihat 22191	
(2)	Termasuk:	saring sutera pada tekstil dan pakaian	
(3)	Termasuk:	(a) pelunturan dan pewarnaan bagi gentian tekstil, benang, artikel fabrik dan tekstil, termasuk pakaian (b) pelunturan jeans	
(4)	Termasuk:	(a) pembersihan, pengeringan, pengukusan, pengecutan, memperbaiki, pengecilan gentian, pencampuran tekstil dan artikel tekstil, termasuk pakaian (b) membuat lisu dan yang seumpamanya pada tekstil (c) pengkalisian air, penyalutan, pelapisan getah atau peresapan pakaian yang telah dibeli	

BAHAGIAN 13 : PEMBUATAN TEKSTIL
Kumpulan 139 : Pembuatan tekstil lain



KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
1391⁽¹⁾		Pembuatan fabrik dikait dan dikrusye	
	13910	Pembuatan fabrik dikait dan dikrusye	17300p
1392⁽²⁾		Pembuatan artikel tekstil tersedia, kecuali pakaian	
	13921	Pembuatan artikel tersedia bagi bahan tekstil seumpamanya, termasuk fabrik dikait atau dikrusye ⁽³⁾	17210p
	13922	Pembuatan artikel perhiasan tersedia ⁽⁴⁾	17210p

- (1) **Termasuk:** pembuatan bulu tiruan yang dikait
- Tidak termasuk:**
- (a) pembuatan jaring dan fabrik langsir daripada renda yang dikait menggunakan Raschel atau mesin seumpamanya, lihat 1399
 - (b) pembuatan pakaian dikait dan dikrusye, lihat 14300
- (2) **Tidak termasuk:** pembuatan artikel tekstil untuk kegunaan teknikal, lihat 1399
- (3) **Termasuk:**
- (a) pembuatan selimut, termasuk hamparan kembara
 - (b) pembuatan linen katil, meja, tandas atau dapur
 - (c) pembuatan kuilt, selimut bulu eider, kusyen, kusyen bangku, bantal, beg tidur, dll.
- (4) **Termasuk:**
- (a) pembuatan langsir, ropol, bidai, cadar, penutup perabot atau mesin, dll.
 - (b) pembuatan tarpaulin, khemah, barang berkhemah, layar, tirai, kain penutup untuk kereta, mesin, perabot, dll.
 - (c) pembuatan bendera, sepanduk, panji, dll.
 - (d) pembuatan kain pengelap debu, pinggan dan seumpamanya, jaket keselamatan, payung terjun, dll.
 - (e) pembuatan artikel perhiasan tersedia lain t.t.t.l.

BAHAGIAN 13 : PEMBUATAN TEKSTIL
Kumpulan 139 : Pembuatan tekstil lain

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
1393⁽¹⁾		Pembuatan permaidani dan hamparan	
	13930	Pembuatan permaidani dan hamparan	17220
1394⁽²⁾		Pembuatan bagi tali-temali, tali, tali pintal dan jaring	
	13940	Pembuatan bagi tali-temali, tali, tali pintal dan jaring	17230p

- (1) **Termasuk:** (a) pembuatan pelapik lantai felt yang dijahit
 (b) pembuatan pelapik lantai daripada tekstil
 (c) pembuatan tikar atau bahan-bahan tikar tekstil
- Tidak termasuk:** (a) pembuatan tikar dan anyaman daripada bahan pintalan, lihat 6292
 (b) pembuatan pelapik lantai daripada gabus, lihat 16292
 (c) pembuatan pelapik lantai tahan lasak (cth. vinil, tikar getah), lihat 22209
- (2) **Termasuk:** (a) pembuatan tali pintal, tali-temali, tali dan kabel daripada gentian tekstil, simpulan jaring daripada tali pintal, tali-temali atau tali
 (b) pembuatan produk tali atau jaring (cth. jala, pengadang kapal-kapal, kusyen pemunggahan, sandang pemuatan, tali atau kabel yang dipasang dengan gegelang logam dll.)
- Tidak termasuk:** (a) pembuatan jaring rambut, lihat 14109
 (b) pembuatan tali wayar, lihat 25992

BAHAGIAN 13 : PEMBUATAN TEKSTIL
Kumpulan 139 : Pembuatan tekstil lain

C

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
1399 ⁽¹⁾		Pembuatan tekstil lain t.t.t.l.	
	13990	Pembuatan tekstil lain t.t.t.l.	17291, 17299

- (1) **Termasuk:**
- (a) pembuatan fabrik tenunan halus, termasuk fabrik yang mempunyai benang memanjang tanpa benang melintang menggunakan pelekat
 - (b) pembuatan label, lencana, dll.
 - (c) pembuatan perapi hiasan (cth. tocang, rumbai, pom-pom, dll.)
 - (d) pembuatan *felt*
 - (e) pembuatan fabrik bukan tenunan
 - (f) pembuatan kain sutera (*tulle*) dan fabrik jaring lain, dari jenis renda dan sulaman, dalam bentuk kepingan, jalur atau motif
 - (g) pembuatan fabrik yang diresap, disalut, diliput atau dilapis dengan plastik
 - (h) pembuatan benang logam atau benang gimped, benang getah dan tali ditutup dengan bahan tekstil, benang tekstil atau jalur meliputi, disalut dengan getah atau plastik
 - (i) pembuatan benang tayar daripada tali pintal tiruan berketahanan tinggi
 - (j) pembuatan fabrik lain yang dirawat atau disalut (cth. kain penyurihan, kanvas untuk kegunaan pelukis, bukrum dan fabrik tekstil yang dikeraskan, fabrik yang dilapisi dengan gam atau bahan amylaceous dan seumpamanya)
 - (k) pembuatan pelbagai artikel tekstil (cth. sumbu tekstil, mantel gas pijar dan gas berbentuk tiub, sumbu pemetik api)
 - (l) fabrik mantel, hos paip, tali sawat transmisi atau pengangkut, kain pengikat, kain penapi
 - (m) kemasan automotif
 - (n) pembuatan kain pita sensitif tekanan
 - (o) papan kanvas pelukis dan kain penyurih
 - (p) pembuatan tali kasut daripada tekstil
 - (q) pembuatan paf bedak dan sarung tangan (*mitts*)
 - (r) pintalan dan tenunan kraftangan
- Tidak termasuk:**
- (a) pembuatan pelapik lantai felt yang berjahit, lihat 1393
 - (b) pembuatan pelapik lembut dan artikel pelapik lembut lain daripada tekstil (cth. tuala wanita, tampon, dll.), lihat 17092
 - (c) pembuatan tali sawat transmisi atau pengangkut daripada fabrik tekstil, benang atau tali, disaluti, diliputi atau dilapisi dengan getah, di mana getah adalah bahan utama, lihat 22191
 - (d) pembuatan kepingan daripada getah selular atau plastik yang digabungkan dengan tekstil untuk tujuan pengukuhan sahaja, lihat 2219, 2220
 - (e) pembuatan kain daripada dawai logam yang ditunen, lihat 25992

BAHAGIAN 14 PEMBUATAN PAKAIAN

Bahagian ini termasuk semua jahitan (pakaian siap atau ditempah), daripada semua bahan (cth. kulit, fabrik, fabrik yang dikait dan dikrusye, dll.), semua jenis pakaian (cth. pakaian luar, pakaian dalam untuk lelaki, wanita atau kanak-kanak; kerja, pakaian kasual atau santai, dll.) dan aksesori. Pakaian dewasa atau kanak-kanak, atau pakaian moden dan tradisional tidak dibezakan. Bahagian 14 juga termasuk industri bulu (kulit bulu dan pakaian).

KUMPULAN 141 Pembuatan pakaian, kecuali pakaian berbulu

Kumpulan ini termasuk pembuatan pakaian. Pelbagai jenis bahan digunakan (lihat di bawah untuk pengecualian) dan boleh diliputi, diresap atau dilapisi dengan getah.

KUMPULAN 142 Pembuatan artikel daripada kulit bulu

Kumpulan ini termasuk pembuatan artikel daripada kulit bulu seperti pakaian dan aksesori bulu, pencantuman kulit bulu seperti *dropped fur skin*, kepingan, tikar, jalur dll. dan pelbagai artikel kulit bulu: hamparan, kusyen bangku yang belum diisi, kain penggilap untuk kegunaan industri.

KUMPULAN 143 Pembuatan pakaian yang dikait dan dikrusye

Kumpulan ini termasuk pembuatan pakaian yang dikait atau dikrusye dan artikel pakaian siap seperti: baju panas sarung, kardigan, jersi, weskot dan artikel seumpamanya dan pembuatan hosieri, termasuk stokin, *tights* dan sarung kaki wanita.

BAHAGIAN 14 : PEMBUATAN PAKAIAN**Kumpulan 141 : Pembuatan pakaian kecuali pakaian berbulu****C**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
1410⁽¹⁾		Pembuatan pakaian kecuali pakaian berbulu	
	14101	Pembuatan pakaian spesifik ⁽²⁾	18101p, 18102p, 18109p
	14102	Pembuatan pakaian ⁽³⁾	18101p
	14103	Jahitan pakaian tempahan	18102p
	14109	Pembuatan aksesori pakaian lain ⁽⁴⁾	18109p
(1)	Tidak termasuk:	(a) pembuatan pakaian daripada kulit bulu (kecuali penutup kepala), lihat 1420 (b) pembuatan kasut, lihat 1520 (c) pembuatan pakaian getah atau plastik tidak berjahit tetapi dilekatkan, lihat 2219, 2221 (d) pembuatan sarung tangan kulit dan penutup kepala untuk bersukan, lihat 3230 (e) pembuatan penutup kepala keselamatan (kecuali penutup kepala untuk bersukan), lihat 32909 (f) pembuatan pakaian perlindungan keselamatan dan kalis api, lihat 32909 (g) pembaikan pakaian, lihat 95292	
(2)	Termasuk:	(a) pakaian dibuat daripada kulit atau komposisi kulit termasuk aksesori kerja perindustrian daripada kulit seperti apron kulit untuk pengimpal (b) pembuatan pakaian kerja dan perkhidmatan (cth. baju makmal, gaun pembedahan, <i>overall</i> , pakaian seragam) (c) pembuatan pakaian seragam sekolah, dll. (d) pembuatan pakaian daripada fabrik elastik	
(3)	Termasuk:	(a) pembuatan pakaian luar lain yang diperbuat daripada fabrik yang ditunen, dikait atau dikrusye, tidak ditunen, dll. untuk lelaki, wanita dan kanak-kanak (b) pembuatan pakaian dalam dan pakaian tidur yang diperbuat daripada fabrik yang ditunen, dikait atau dikrusye, renda dll. untuk lelaki, wanita dan kanak-kanak (c) pembuatan pakaian bayi, pakaian sukan, pakaian ski, pakaian renang, dll. (d) pembuatan pakaian secara kontrak (e) pembuatan kain fabrik elastik	
(4)	Termasuk:	(a) pembuatan topi dan 'cap' (b) pembuatan sarung tangan, tali pinggang, selendang, kravat, tali leher, jaring rambut dll. (c) pembuatan penutup kepala daripada kulit bulu (d) pembuatan kasut tanpa tapak daripada bahan tekstil (e) pembuatan bahagian produk tersenarai di dalam kelas ini (f) pembuatan pakaian dengan kemasan bulu	

BAHAGIAN 14 : PEMBUATAN PAKAIAN
Kumpulan 142 : Pembuatan artikel bulu

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
1420⁽¹⁾		Pembuatan artikel bulu	
	14200	Pembuatan artikel daripada kulit bulu	18200p
(1)	Termasuk:	(a) pakaian dan aksesori daripada bulu (b) pelbagai artikel daripada kulit bulu (cth. hampan, kusyen bangku yang belum diisi, kain penggilap untuk kegunaan perindustrian) (c) pencantuman kulit bulu (cth. <i>dropped fur skin</i>, kepingan, tikar, dll.)	
	Tidak termasuk:	(a) pengeluaran kulit bulu mentah, lihat 0149, 0170 (b) pengeluaran kulit dan belulang mentah, lihat 10103 (c) pembuatan kulit bulu tiruan (kain berbulu panjang yang ditenun atau dikait), lihat 1312, 1391 (d) pembuatan topi bulu, lihat 14109 (e) pembuatan pakaian dengan kemasan bulu, lihat 14109 (f) pembersihan dan pewarnaan bulu, lihat 15110 (g) pembuatan but atau kasut mengandungi bahagian berbulu, lihat 15209	

BAHAGIAN 14 : PEMBUATAN PAKAIAN**Kumpulan 143 : Pembuatan pakaian yang dikait dan dikrusye****C**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
1430⁽¹⁾		Pembuatan pakaian yang dikait dan dikrusye	
	14300	Pembuatan pakaian yang dikait dan dikrusye	17300p
(1)	Termasuk:	(a) pembuatan pakaian yang dikait dan dikrusye dan artikel siap (cth. baju panas sarung, kardigan, jersi, weskot dan artikel seumpamanya) (b) pembuatan hosieri, termasuk stokin, <i>tights</i> dan sarung kaki wanita	
	Tidak termasuk:	pembuatan fabrik yang dikait dan dikrusye, lihat 13910	

BAHAGIAN 15 PEMBUATAN PRODUK KULIT DAN BARANGAN BERKAITAN

Bahagian ini termasuk penyamakan dan pewarnaan bulu, pengubahsuaian belulang kepada barangan kulit secara penyamakan atau pengawetan dan pembentukan kulit kepada produk untuk penggunaan akhir. Ia juga termasuk pembuatan produk serupa daripada bahan lain (kulit tiruan atau gantian kulit), seperti kasut getah, bagasi daripada tekstil, dll. Produk yang diperbuat daripada gantian kulit termasuk di dalam bahagian ini, sekiranya kaedah pembuatannya adalah serupa dengan produk kulit (cth. bagasi) dan biasanya dikeluarkan oleh unit yang sama.

KUMPULAN 151 Penyamakan dan pembersihan kulit, pembuatan bagasi, beg tangan, pelana dan abah-abah; pembersihan dan pewarnaan bulu

Kumpulan ini termasuklah pembuatan kulit, bulu dan produk seumpamanya.

KUMPULAN 152 Pembuatan kasut

Kumpulan ini termasuk pembuatan kasut untuk pelbagai kegunaan, daripada pelbagai bahan dan proses, termasuk pengacuan; pembuatan bahagian kasut daripada kulit: pembuatan bahagian atas tapak dan sebahagian atas tapak, bahagian luar dan dalaman tapak, tumit, dll. dan pembuatan *gaiters*, sarung kaki dan artikel serupa.

BAHAGIAN 15 : PEMBUATAN BARANGAN DARIPADA KULIT DAN PRODUK BERKAITAN

Kumpulan 151 : Penyamakan dan pembersihan kulit, pembuatan bagasi, beg tangan, pelana dan abah-abah; pembersihan dan pewarnaan bulu

C

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
1511 ⁽¹⁾		Penyamakan dan pembersihan kulit; pembersihan pewarnaan bulu	
	15110	Penyamakan dan pembersihan kulit; pembersihan dan pewarnaan bulu	19110, 18200p
1512 ⁽²⁾		Pembuatan bagasi, beg tangan dan seumpamanya, pelana dan abah-abah	
	15120	Pembuatan bagasi, beg tangan dan seumpamanya, pelana dan abah-abah	19120

- (1) **Termasuk:** (a) penyamakan, pewarnaan dan pembersihan belulang dan kulit dll.
(b) mencari, mengawet, menyamak, meluntur, memotong dan mencabut dan mewarna kulit dan belulang yang berbulu
- Tidak termasuk:** (a) pengeluaran belulang dan kulit sebagai sebahagian daripada penternakan, lihat kumpulan 014
(b) pengeluaran belulang dan kulit sebagai sebahagian daripada aktiviti penyembelihan, lihat 10103
(c) pembuatan pakaian daripada kulit, lihat 1410
(d) pembuatan perhiasan kulit tidak berasaskan kulit asli, lihat 2219, 2220
- (2) **Termasuk:** (a) pembuatan bagasi, beg tangan dan seumpamanya, komposisi kulit atau bahan lain yang menggunakan teknologi yang sama dengan pengeluaran kulit
(b) pembuatan tali jam daripada bukan logam (cth. fabrik, kulit, plastik, dll.)
(c) pembuatan pelbagai artikel dari kulit atau komposisinya (cth. tali pinggang keledar, pembungkusan, dll.)
(d) pembuatan bagasi dari plastik
(e) pembuatan pelana dan abah-abah
(f) pembuatan cemeti dan cambuk kuda
38302		Meleraikan peralatan automobil, komputer, televisyen dan peralatan lain untuk pemulihan bahan ⁽²⁾	37109p
38303		Memulih guna getah seperti tayar terpakai untuk menghasilkan bahan mentah sekunder ⁽³⁾	37202
38304		Penggunaan semula produk getah	37202p
38309		Pemulihan bahan t.t.t.l. ⁽⁴⁾	37109p, 37201p, 37209p

- (1) **Termasuk:** (a) meremukkan secara mekanikal sisa logam seperti kereta terpakai, mesin basuh, motosikal, kapal, dll. dengan turutan disusun dan diasingkan
(b) merincih kereta melalui proses mekanikal
(c) kitar semula tin
- (2) **Termasuk:** "*Ship Scaling*", meleraikan
- Tidak termasuk:** meleraikan peralatan automobil, komputer, televisyen dan peralatan lain untuk pemulihan bahan untuk mendapatkan dan menjual semula bahan yang masih boleh digunakan, lihat 46699
- (3) **Termasuk:** kitar semula produk getah, dll.
- (4) **Termasuk:** kitar semula gentian tekstil dll.

BAHAGIAN 39 AKTIVITI PEMULIHAN DAN LAIN-LAIN PERKHIDMATAN PENGURUSAN SISA

Bahagian ini termasuk penyediaan perkhidmatan pemulihan, iaitu pembersihan bangunan dan tapak, tanah, air permukaan atau air bawah tanah yang tercemar.

KUMPULAN 390 Aktiviti pemuliharaan dan lain-lain perkhidmatan pengurusan sisa

Kumpulan ini termasuk dekontaminasi tanah dan air bawah tanah di tempat pencemaran, sama ada kegunaan in situ atau ex situ, spt. menggunakan kaedah mekanikal, kimia atau biologi; dekontaminasi loji dan tapak perindustrian, termasuk loji dan tapak nuklear; dekontaminasi dan pembersihan air permukaan akibat pencemaran yang tidak disengajakan, cth. melalui pengumpulan bahan cemar atau melalui penggunaan bahan kimia; pembersihan tumpahan minyak dan pencemaran lain di daratan, di permukaan air, di lautan dan laut, termasuk kawasan persisir pantai; peredaran asbestos, cat berplumbum dan bahan kitaran toksik lain; pembersihan kawasan periuk api dan seumpamanya (termasuk letupan) dan aktiviti kawalan pencemaran khusus lain.



KUMPULAN 39 : AKTIVITI PEMULIHAN DAN LAIN-LAIN PERKHIDMATAN PENGURUSAN SISA

Kumpulan 390 : Aktiviti pemulihan dan lain-lain perkhidmatan pengurusan sisa


KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
3900 ⁽¹⁾		Aktiviti pemulihan dan lain-lain perkhidmatan pengurusan sisa	
	39000	Aktiviti pemulihan dan lain-lain perkhidmatan pengurusan sisa ⁽²⁾	45102p, 45104p, 90001p, 90002p, 90003p

- (1) **Termasuk:**
- (a) dekontaminasi tanah dan air bawah tanah di tempat pencemaran, sama ada kegunaan in situ atau ex situ, spt. menggunakan kaedah mekanikal, kimia atau biologi
 - (b) dekontaminasi loji dan tapak perindustrian, termasuk loji dan tapak nuklear
 - (c) dekontaminasi dan pembersihan air permukaan akibat pencemaran yang tidak disengajakan, cth. melalui pengumpulan bahan cemar atau melalui penggunaan bahan kimia
 - (d) pembersihan tumpahan minyak dan pencemaran lain di daratan, di permukaan air, di lautan dan laut, termasuk kawasan persisir pantai
 - (e) peredaan asbestos, cat berplumbum dan bahan kitaran toksik lain
 - (f) pembersihan kawasan periuk api dan seumpamanya (termasuk letupan)
 - (g) aktiviti kawalan pencemaran khusus lain
- Tidak termasuk:**
- (a) rawatan dan pelupusan sisa tidak berbahaya, lihat 38210
 - (b) rawatan dan pelupusan sisa berbahaya, lihat 38220
 - (c) penyapuan luaran dan penyiraman lorong/jalan, dll., lihat 81299
- (2) **Termasuk:** pembersihan bangunan dan tapak, tanah, air permukaan atau air bawah tanah yang tercemar

F

PEMBINAAN

- 41 Pembinaan bangunan
- 42 Kejuruteraan awam
- 43 Aktiviti pembinaan pertukangan khas



F

SEKSYEN F : PEMBINAAN

PERINGKAT	MSIC 2008 Ver. 1.0
BAHAGIAN	3
KUMPULAN	8
KELAS	11
PERKARA	72

Seksyen ini termasuk pembinaan am dan aktiviti pembinaan khas bagi bangunan dan kerja kejuruteraan awam. Ia termasuk pembinaan baru, pembaikan, penambahan dan pengubahsuaian, pembinaan bangunan atau struktur pasang siap di tapak pembinaan dan pembinaan bersifat sementara.

Pembinaan am bermaksud pembinaan seluruh tempat tinggal, bangunan pejabat, stor dan bangunan awam serta utiliti lain, bangunan ladang dll., atau pembinaan kejuruteraan awam seperti laluan kenderaan bermotor, jalan, jambatan, terowong, jalan keretapi, lapangan terbang, pelabuhan serta projek air lain, sistem pengairan, sistem kumbahan, kemudahan industri, saluran paip dan talian elektrik, kemudahan sukan dll.

Kerja pembinaan ini boleh dijalankan atas akaun sendiri atau berasaskan pembayaran atau secara kontrak. Sebahagian atau keseluruhan kerja pembinaan ini boleh juga disubkontrakkan. Unit yang bertanggungjawab secara keseluruhan bagi setiap projek pembinaan dikelaskan di sini.

Termasuk juga kerja-kerja pembaikan bangunan dan kejuruteraan.

Seksyen ini termasuk pembinaan keseluruhan bangunan (bahagian 41), pembinaan kejuruteraan awam yang lengkap (bahagian 42), termasuk aktiviti pembinaan khas, jika hanya dijalankan sebagai sebahagian daripada proses pembinaan (bahagian 43).

Pengelasan penyewaan peralatan pembinaan dengan operator berdasarkan aktiviti pembinaan khusus yang menggunakan peralatan tersebut.

Seksyen ini juga termasuk kerja-kerja pembangunan projek pembinaan bangunan atau kerja kejuruteraan awam yang melibatkan aspek kewangan, teknikal dan fizikal bagi melaksanakan projek pembinaan untuk tujuan jualan. Jika aktiviti pembangunan bagi projek pembinaan ini dijalankan bukan untuk tujuan jualan, tetapi sebagai kegunaan operasi (cth. penyewaan ruang atau aktiviti pembuatan dalam bangunan tersebut), maka unit ini tidak akan dikelaskan di sini, tetapi berdasarkan aktiviti operasinya, spt; hartanah, pembuatan dll.

BAHAGIAN 41 PEMBINAAN BANGUNAN

Bahagian ini termasuk semua jenis pembinaan am bangunan. Ia termasuk kerja baru, pembaikan, penambahan dan pengubahsuaian, mendirikan bangunan atau struktur pasang siap dan pembinaan bersifat sementara.

Termasuk juga pembinaan seluruh tempat tinggal, bangunan pejabat, stor dan bangunan awam & utiliti lain, bangunan ladang dll.

KUMPULAN 410 Pembinaan bangunan

Kumpulan ini termasuk pembinaan keseluruhan bangunan tempat kediaman dan bukan tempat kediaman, di atas akaun sendiri untuk jualan atau berasaskan bayaran atau secara kontrak. Subkontrak sebahagian atau keseluruhan proses pembinaan boleh berlaku. Jika hanya bahagian khas daripada proses pembinaan dilaksanakan, aktiviti ini dikelaskan di bahagian 43.

F

BAHAGIAN 41 : PEMBINAAN BANGUNAN
Kumpulan 410 : Pembinaan bangunan

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
4100⁽¹⁾		Pembinaan bangunan	
	41001	Bangunan kediaman ⁽²⁾	45201
	41002	Bangunan bukan kediaman ⁽³⁾	45202
	41003	Pemasangan dan pendirian bangunan pasang siap di tapak pembinaan	45209p
	41009	Pembinaan bangunan t.t.t.l. ⁽⁴⁾	45209p

- (1) **Termasuk:** (a) merekabentuk semula atau mengubahsuai struktur kediaman sedia ada
 (b) pembinaan seluruh bangunan kediaman atau bukan bangunan kediaman, atas akaun sendiri untuk jualan atau berasaskan bayaran atau secara kontrak
- Tidak termasuk:** (a) pendirian seluruh pembinaan pasang siap daripada bahagian yang dibuat sendiri yang bahannya bukan konkrit, lihat bahagian 16 dan 25
 (b) pembinaan kemudahan industri, kecuali bangunan, lihat 4290
 (c) aktiviti seni bina dan kejuruteraan, lihat 7110
 (d) aktiviti pengurusan projek berkaitan dengan pembinaan, lihat 71102
- (2) **Termasuk:** pembinaan semua jenis bangunan kediaman: rumah berasingan (cth. banglo); rumah berangkai (cth. teres, pangsapuri dan kondominium), termasuk bangunan bertingkat tinggi
- (3) **Termasuk:** pembinaan semua jenis bangunan bukan kediaman (cth. bangunan bagi pengeluaran perindustrian, hospital, sekolah, bangunan pejabat; hotel, stor, kompleks membeli-belah, restoran; bangunan lapangan terbang; kemudahan sukan dalam dewan; bangunan letak kereta; gudang; bangunan keagamaan, dll.)
- (4) **Termasuk:** memulihara tapak dan bangunan bersejarah

BAHAGIAN 42 KEJURUTERAAN AWAM

Bahagian ini termasuk pembinaan am untuk kerja kejuruteraan awam. Ia termasuk pembinaan baru, pembaikan, penambahan dan pengubahsuaian, pemasangan struktur pasang siap di tapak pembinaan dan juga pembinaan yang bersifat sementara.

Ini termasuk pembinaan berat seperti laluan kenderaan, jalanraya, jambatan, terowong, landasan keretapi, lapangan terbang, pelabuhan dan projek air lain, sistem pengairan, sistem kumbahan, kemudahan perindustrian, saluran paip, talian elektrik, kemudahan sukan luar dewan, dll. Kerja pembinaan ini boleh dilaksanakan atas akaun sendiri atau berasaskan bayaran atau secara kontrak. Sebahagian atau kadangkala keseluruhan daripada kerja pembinaan boleh disubkontrakkan.

KUMPULAN 421 Pembinaan jalanraya dan landasan keretapi

Kumpulan ini termasuk pembinaan laluan kenderaan bermotor, jalanraya, jalan, laluan kenderaan lain dan laluan pejalan kaki; kerja penurapan ke atas jalan, jalanraya, lebuhraya, jambatan atau terowong; pembinaan jambatan, termasuk untuk lebuhraya bertingkat, pembinaan terowong; pembinaan landasan keretapi dan laluan bawah tanah dan pembinaan landasan lapangan terbang.

KUMPULAN 422 Pembinaan projek utiliti

Kumpulan ini termasuk pembinaan talian pengagihan dan bangunan dan struktur berkaitan yang merupakan keseluruhan bahagian daripada sistem ini.

KUMPULAN 429 Pembinaan projek kejuruteraan lain

Kumpulan ini termasuk pembinaan kemudahan perindustrian, kecuali bangunan; pembinaan laluan air, pelabuhan dan kerja sungai, *pleasure ports* (marinas), kunci air, empangan dan daik, penggalian laluan air; kerja pembinaan selain bangunan; pembahagian tanah berserta dengan penambahbaikan tanah.

F

BAHAGIAN 42 : KEJURUTERAAN AWAM**Kumpulan 421 : Pembinaan jalan raya dan landasan kereta api**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
4210⁽¹⁾		Pembinaan jalan raya dan landasan kereta api	
	42101	Pembinaan laluan kenderaan bermotor, lorong, jalan, laluan pejalan kaki dan kenderaan lain	45203p
	42102	Kerja penurapan jalan, jalan raya, lebuhraya, jambatan atau terowong ⁽²⁾	45203p
	42103	Pembinaan jambatan termasuk untuk lebuhraya bertingkat	45203p
	42104	Pembinaan terowong	45203p
	42105	Pembinaan landasan kereta api dan laluan bawah tanah	45203p
	42106	Pembinaan landasan lapangan terbang	45203p
	42109	Pembinaan jalan raya dan landasan kereta api t.t.t.l.	45209p

- (1) **Tidak termasuk:**
- (a) pemasangan lampu jalan dan tanda isyarat elektrik, lihat 43215
 - (b) aktiviti seni bina, lihat 71101, dan aktiviti kejuruteraan, lihat 71102
 - (c) aktiviti pengurusan projek berkaitan kerja kejuruteraan awam, lihat 71102
- (2) **Termasuk:** penurapan jalan menggunakan asfalt, mengecat jalan dan yang berkaitan dengannya, pemasangan penghadang pelanggaran dan tanda isyarat lalu lintas, dll.

BAHAGIAN 42 : KEJURUTERAAN AWAM**Kumpulan 422 : Pembinaan projek utiliti**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
4220⁽¹⁾		Pembinaan projek utiliti	
	42201	Saluran paip jarak jauh, talian komunikasi dan kuasa	45204p, 45205p
	42202	Saluran paip dalam bandar, talian komunikasi dan kuasa dalam bandar; kerja-kerja berkaitan dalam bandar	45204p, 45205p, 60300p
	42203	Pembinaan punca dan saluran air	45204p
	42204	Loji takungan	45204p
	42205	Pembinaan sistem pengairan (terusan)	45204p
	42206	Pembinaan sistem pembetulan (termasuk pembaikan) dan loji pelupusan sisa kumbahan	45204p
	42207	Pembinaan janakuasa	45209p
	42209	Pembinaan projek utiliti t.t.t.l. ⁽²⁾	45209p

- (1) **Tidak termasuk:** aktiviti pengurusan projek yang berkaitan dengan kerja-kerja kejuruteraan awam, lihat 71102
- (2) **Termasuk:** stesen penggerudian dan pengepaman punca air

BAHAGIAN 42 : KEJURUTERAAN AWAM**Kumpulan 429 : Pembinaan projek kejuruteraan awam lain**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
4290 ⁽¹⁾		Pembinaan projek kejuruteraan awam lain, kecuali bangunan	
	42901	Pembinaan loji penapisan	45209p
	42902	Pembinaan laluan air, kerja pelabuhan dan sungai, <i>pleasure ports</i> (marinas), kunci air	45203p
	42903	Pembinaan empangan dan daik	45204p
	42904	Penggalian laluan air	45203p
	42905	Kemudahan sukan luar dewan	45206
	42906	Pembahagian tanah berserta dengan penambahbaikan tanah ⁽²⁾	45209p, 70101p
	42909	Pembinaan projek kejuruteraan awam lain t.t.t.l.	45209p

- (1) **Tidak termasuk:** aktiviti pengurusan projek yang berkaitan dengan kerja-kerja kejuruteraan awam, lihat 71102
- (2) **Termasuk:** penambahan jalan, infrastruktur utiliti, dll.

BAHAGIAN 43 **AKTIVITI PEMBINAAN PERTUKANGAN KHAS**

Bahagian ini termasuk aktiviti pembinaan pertukangan khas iaitu pembinaan sebahagian daripada bangunan dan kerja kejuruteraan awam tanpa melibatkan tanggungjawab ke atas keseluruhan projek. Ia biasanya mengkhususkan kepada satu aspek sama untuk struktur berlainan yang memerlukan kepakaran dan peralatan khas seperti menanam cerucuk, kerja asas tapak, kerja pembinaan kerangka bangunan, kerja konkrit, menyusun dan mengikat batu bata, memasang perancah, pemasangan bumbung, dll. Ini juga termasuk pendirian struktur besi dengan syarat bahagian struktur tersebut tidak dikeluarkan oleh unit yang sama. Aktiviti pembinaan pertukangan khas biasanya dijalankan secara subkontrak, tetapi terutamanya bagi pembinaan pembaikan, ia dibuat terus untuk pemilik hartanah berkenaan.

Termasuk juga aktiviti kemas dan penyiapan bangunan.

Termasuk pemasangan semua jenis utiliti yang melengkapkan fungsi pembinaan berkenaan. Aktiviti ini biasanya dijalankan di tapak pembinaan, walaupun terdapat sebahagian daripada kerja tersebut mungkin telah dijalankan di kedai khusus. Termasuk aktiviti seperti pemasangan sistem paip, pemasangan sistem pemanasan dan pendinginan udara, antena, sistem penggera dan kerja pemasangan elektrik yang lain, sistem *sprinklers*, lif dan eskalator, dll. Juga termasuk kerja penebatan (air, haba, bunyi), kerja kepingan logam, kerja penyejukan komersil, pemasangan sistem isyarat dan lampu untuk jalan raya, landasan keretapi, lapangan terbang, pelabuhan dll. Termasuk juga aktiviti pembaikan bagi jenis kerja yang sama seperti dinyatakan di atas.

Aktiviti penyiapan bangunan termasuk pelbagai aktiviti yang menyumbang kepada penyiapan dan pengemasan pembinaan seperti kerja menyepuh, memplaster, mengecat, memasang jubin lantai dan dinding atau pelapisan dengan bahan lain seperti parket, permadani, kertas dinding dll., kerja pengempelasan lantai, pertukangan kayu, kerja-kerja akustik, pembersihan luaran dll. Termasuk juga aktiviti pembaikan bagi jenis kerja yang sama seperti dinyatakan di atas.

Penyewaan jentera pembinaan dengan operator akan diklasifikasikan mengikut jenis aktiviti pembinaan yang berkaitan dengannya.

KUMPULAN 431 Perobohan dan penyediaan tapak

Kumpulan ini termasuk aktiviti penyediaan tapak bagi tujuan aktiviti pembinaan seterusnya termasuk kerja membuang struktur sedia ada.

KUMPULAN 432 Aktiviti pemasangan elektrik, paip dan pembinaan lain

Kumpulan ini termasuk aktiviti pemasangan yang melengkapkan fungsi sesebuah bangunan termasuk pemasangan sistem elektrik, kerja pemasangan paip (air, gas dan sistem pembetungan), pemanasan dan pendinginan udara, lif dll.

KUMPULAN 433 Penyiapan dan kemasan bangunan

Kumpulan ini termasuk kerja memplaster dan menyepuh dalaman dan luaran untuk bangunan atau projek pembinaan lain, termasuk bahan pelapik berkaitan; pemasangan pintu (kecuali automatik dan berputar), tingkap, rangka pintu dan tingkap, daripada kayu atau bahan lain; pemasangan dapur pasang siap, tangga, kelengkapan kedai dan seumpamanya; pemasangan perabot; penyiapan dalaman seperti siling, penutup dinding kayu, *partitions* boleh alih dll; melapis, memasang jubin, kerja menggantung atau memasang dalam bangunan atau projek pembinaan lain; mengecat ruang dalaman dan luaran bangunan; mengecat struktur kejuruteraan awam; pemasangan kaca, cermin dll.; pembersihan bangunan baru selepas pembinaan; kerja penyiapan bangunan lain t.t.t.l. dan juga pemasangan dalaman untuk kedai, rumah bergerak, bot, dll.

KUMPULAN 439 Aktiviti pembinaan pertukangan khas lain

Kumpulan ini termasuk aktiviti pembinaan yang mengkhususkan kepada satu aspek sama untuk struktur berlainan yang memerlukan kepakaran dan peralatan khas; kerja bawah permukaan tanah; pembinaan kolam renang luar bangunan, pembersihan menggunakan wap; pembersihan menggunakan pancutan air deras dan aktiviti untuk luar bangunan seumpamanya dan penyewaan lori kren dengan operator.



BAHAGIAN 43 : AKTIVITI PEMBINAAN PERTUKANGAN KHAS**Kumpulan 431 : Perobohan dan penyediaan tapak**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
4311		Perobohan	
	43110	Perobohan atau perancangan bangunan dan struktur lain	45101p
4312⁽¹⁾		Penyediaan tapak	
	43121	Pembersihan tapak bangunan	45101p
	43122	Pengalihan tanah ⁽²⁾	45102p, 45500p
	43123	Pengujian tanah, pengerudian dan penggalian tanah untuk tujuan pembinaan, geofizikal, geologikal atau tujuan seumpamanya	45109p
	43124	Penyediaan tapak bagi perlombongan ⁽³⁾	45103
	43125	Perparitan bagi tanah pertanian atau perhutanan	45109p
	43126	Kerja penebusgunaan tanah	45104p
	43129	Aktiviti penyediaan tapak lain t.t.t.l.	45109p

- (1) **Tidak termasuk:**
- (a) pengerudian telaga bagi pengeluaran minyak atau gas, lihat 0610, 0620
 - (b) ujian pengerudian dan penggalian lubang bagi operasi perlombongan (selain daripada pengekstrakan minyak dan gas), lihat 09900
 - (c) membuang pencemaran tanah, lihat 39000
 - (d) pengerudian telaga air, lihat 42209
 - (e) menanam cerucuk, lihat 4390
 - (f) kajian kawasan eksplorasi minyak dan gas, geofizikal, geologikal dan *seismic*, lihat 71103
- (2) **Termasuk:**
- (a) penggalian, penimbusan tanah, perataan dan pengredan tapak pembinaan, penggalian parit, peralihan batu-batan, letupan, dll.
 - (b) kerja penyediaan tanah
- (3) **Termasuk:** pengalihan bebanan dan pembangunan lain dan penyediaan untuk tapak dan keperluan pengeluaran mineral (kecuali tapak minyak dan gas)

BAHAGIAN 43 : AKTIVITI PEMBINAAN PERTUKANGAN KHAS**Kumpulan 432 : Elektrik, pertukangan paip dan aktiviti pemasangan pembinaan lain**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
4321⁽¹⁾		Pemasangan elektrik	
	43211	Pendawaian dan pemasangan elektrik	45302p
	43212	Pendawaian telekomunikasi	45306p
	43213	Pendawaian rangkaian komputer dan kabel televisyen ⁽²⁾	45309p
	43214	Piring satelit	45309p
	43215	Sistem pencahayaan ⁽³⁾	45309p
	43216	Sistem keselamatan ⁽⁴⁾	45306p
	43219	Pemasangan elektrik t.t.t.l.	45302p
4322⁽⁵⁾		Pemasangan sistem paip, pemanasan dan pendinginan udara	
	43221	Pemasangan sistem pemanasan (elektrik, gas dan minyak)	45307p
	43222	Pemasangan relau, menara pendinginan	45307p
	43223	Pemasangan pengumpul tenaga solar bukan elektrik	45307p
	43224	Pemasangan sistem paip dan peralatan sanitasi	45301

- (1) **Termasuk:** penyambung perkakas elektrik dan peralatan rumah, termasuk *baseboard heating*
- Tidak termasuk:** (a) pembinaan talian telekomunikasi dan penghantaran kuasa, lihat 42201 dan 42202
(b) pengawasan atau pengawasan jarak jauh sistem penggera keselamatan elektronik, seperti penggera kecurian dan kebakaran termasuk penyelenggaraannya, lihat 80200
- (2) **Termasuk:** gentian optik
- (3) **Termasuk:** lampu jalan, lampu landasan lapangan terbang dan isyarat elektrik
- (4) **Termasuk:** penggera kebakaran, sistem penggera kecurian, CCTV, pengesan asap dll.
- (5) **Termasuk:** penambahan, pengubahsuaian, penyenggaraan dan pembaikan
- Tidak termasuk:** pemasangan *baseboard heating* elektrik, lihat 4321

BAHAGIAN 43 : AKTIVITI PEMBINAAN PERTUKANGAN KHAS**Kumpulan 432 : Elektrik, sistem paip dan aktiviti pemasangan pembinaan lain**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
	43225	Pemasangan peralatan dan saluran pengudaraan, penyejukan atau pendinginan udara	45307p
	43226	Pemasangan kelengkapan gas	45305
	43227	Pemasangan sistem perenjis air untuk kebakaran dan padang	45306p
	43228	Pemasangan paip untuk wap	45309p
	43229	Pemasangan sistem paip, pemanasan dan pendinginan udara t.t.t.l.	45309p
4329⁽¹⁾		Pemasangan pembinaan lain	
	43291	Pemasangan lif, eskalator dalam bangunan atau projek pembinaan lain ⁽²⁾	29150p, 45304
	43292	Pemasangan pintu automatik dan berputar dalam bangunan atau projek pembinaan lain	45401p
	43293	Pemasangan konduktor kilat dalam bangunan atau projek pembinaan lain	45309p
	43294	Pemasangan sistem pembersihan vakum dalam bangunan atau projek pembinaan lain	45309p
	43295	Pemasangan sistem penebatan haba, bunyi atau gegaran dalam bangunan atau projek pembinaan lain	45309p
	43299	Pemasangan pembinaan lain t.t.t.l.	45309p

(1) **Termasuk:** pemasangan peralatan selain elektrik, sistem paip, sistem pemanasan dan pendinginan udara atau jentera industri dalam bangunan dan struktur kejuruteraan awam, termasuk penyelenggaraan dan pembaikan

Tidak termasuk: pemasangan jentera industri, lihat 33200

(2) **Termasuk:** pembaikan dan penyelenggaraan lif dan eskalator

BAHAGIAN 43 : AKTIVITI PEMBINAAN PERTUKANGAN KHAS**Kumpulan 433 : Penyiapan dan kemasan bangunan**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
4330 ⁽¹⁾		Penyiapan dan kemasan bangunan	
	43301	Pemasangan rangka pintu, tingkap, rangka /bingkai pintu dan tingkap daripada kayu atau bahan lain, dapur pasang siap, tangga, kelengkapan kedai dan perabot ⁽²⁾	20220p, 25209p, 28110p, 45209p, 45303p
	43302	Melapis, memasang jubin, menggantung atau memasang kelengkapan bangunan atau projek pembinaan lain daripada pelbagai bahan ⁽³⁾	45401p
	43303	Mengecat dalam dan luar bangunan	45402p
	43304	Mengecat struktur kejuruteraan awam	45402p
	43305	Pemasangan kaca, cermin	45409p
	43306	Penyiapan dalaman bangunan ⁽⁴⁾	45409p
	43307	Pembersihan bangunan baru selepas kerja pembinaan	45403p
	43309	Penyiapan dan kemasan bangunan lain t.t.t.l.	45409p

(1) **Termasuk:** kerja memplaster dan menyepuh dalaman dan luaran untuk bangunan atau projek pembinaan lain, termasuk bahan pelapik berkaitan

Tidak termasuk: (a) pemasangan pintu automatik dan pintu berputar, lihat 43292
 (b) pembersihan am dalaman bangunan dan struktur lain, lihat 8121
 (c) pembersihan khas dalaman dan luaran bangunan, lihat 81291
 (d) aktiviti mereka bentuk hiasan dalaman, lihat 74101
 (e) pemasangan perabot pasang siap, lihat 95240

(2) **Termasuk:** (a) pemasangan hasil pertukangan atau pertukangan halus buatan sendiri yang berasaskan kayu
 (b) pemasangan hasil pertukangan atau pertukangan halus buatan sendiri yang berasaskan plastik
 (c) pemasangan hasil pertukangan atau pertukangan halus buatan sendiri yang berasaskan logam

(3) **Termasuk:** (a) seramik, konkrit atau dinding potongan batu atau jubin lantai, kelengkapan dapur seramik
 (b) parket dan penutup lantai kayu lain
 (c) hamparan dan penutup lantai linoleum, termasuk yang diperbuat daripada getah atau pun plastik
 (d) *terrazzo*, batu marmar, granit atau penutup lantai atau dinding batu
 (e) kertas dinding

(4) **Termasuk:** siling, penutup dinding berkayu, *partitions* boleh alih dll.

BAHAGIAN 43 : AKTIVITI PEMBINAAN PERTUKANGAN KHAS**Kumpulan 439 : Aktiviti pembinaan pertukangan khas lain**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
4390 ⁽¹⁾		Aktiviti pembinaan pertukangan khas lain	
	43901	Pembinaan tapak, termasuk memantak cerucuk	45209p
	43902	Pembinaan elemen keluli yang bukan dibuat sendiri	45209p
	43903	Memasang dan membuka semula perancah dan platform kerja	45209p
	43904	Kerja mengikat dan menyusun bata	45209p
	43905	Pembinaan kolam renang luar bangunan	45204p
	43906	Pembersihan menggunakan stim, pancutan air deras berpasir dan aktiviti seumpamanya untuk luar bangunan	45403p
	43907	Penyewaan jentera dan peralatan pembinaan dengan operator (cth. kren)	45500p
	43909	Aktiviti pembinaan pertukangan khas lain t.t.t.l.	45209p, 45309p

- (1) **Termasuk:**
- (a) aktiviti pembinaan yang mengkhususkan kepada satu aspek sama untuk struktur berlainan yang memerlukan kepakaran dan peralatan khas
 - (b) kerja kalis lembapan dan air
 - (c) menyah udara lembap bangunan
 - (d) penanaman cerucuk (*shaft*)
 - (e) membengkok keluli
 - (f) kerja bawah tanah
 - (g) memasang atap bangunan kediaman
 - (h) mendirikan serombong dan ketuhar industri
 - (i) bekerja dengan pakar yang memerlukan kemahiran memanjat dan menggunakan peralatan berkaitan, cth. bekerja pada struktur yang tinggi

- Tidak termasuk:**
- (a) penyewaan jentera dan peralatan pembinaan tanpa operator, lihat 77306
 - (b) penyewaan perancah dan platform kerja

G

PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT, PEMBAIKAN KENDERAAN BERMOTOR DAN MOTOSIKAL

- 45 Perdagangan borong dan runcit dan pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal
- 46 Perdagangan borong, kecuali kenderaan bermotor dan motosikal
- 47 Perdagangan runcit, kecuali kenderaan bermotor dan motosikal

G

**SEKSYEN G: PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT DAN PEMBAIKAN KENDERAAN
BERMOTOR DAN MOTOSIKAL**

PERINGKAT	MSIC 2008 Ver. 1.0
BAHAGIAN	3
KUMPULAN	20
KELAS	47
PERKARA	179

Seksyen ini termasuk jualan borong dan jualan runcit (iaitu jualan tanpa proses transformasi) apa-apa jenis barangan dan perkhidmatan berkaitan dengan jualan barang. Penjualan borong dan runcit adalah langkah terakhir dalam pengedaran barangan. Pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal juga termasuk di dalam seksyen ini.

Seksyen ini juga termasuk perdagangan jualan borong dan runcit dan pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal, perdagangan borong, kecuali kenderaan bermotor dan motosikal, perdagangan runcit, kecuali kenderaan bermotor dan motosikal.

Jualan tanpa proses transformasi diambilkira untuk meliputi operasi biasa (atau memanipulasi) berhubung dengan perdagangan, sebagai contoh mengasing, mengred dan memasang barangan, mencampur (mengadun) barangan (sebagai contoh arak dan pasir), membotol (dengan atau tanpa membersihkan botol), membungkus, memecah pukat dan membungkus semula untuk pengedaran dalam bentuk yang lebih kecil, penstoran (samada beku atau tidak atau disejukkan), membersihkan dan mengering produk pertanian, memotong dari gentian kayu atau kepingan besi sebagai aktiviti sekunder.

Bahagian 45 termasuk semua aktiviti berkaitan dengan jualan dan pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal, manakala bahagian 46 dan 47 termasuk semua lain-lain aktiviti jualan. Perbezaan antara bahagian 46 (jualan borong) dan bahagian 47 (jualan runcit) adalah berdasarkan kepada keutamaan jenis pelanggan.

Jualan borong adalah jualan semula (jualan tanpa melalui proses transformasi) barangan baru dan terpakai kepada pemborong, kepada pengguna industri, komersil, institusi atau profesional, atau kepada pemborong lain, atau bertindak sebagai agen atau broker dalam membeli barang dagangan, atau menjual barang dagangan kepada, orang atau syarikat seperti itu. Jenis perniagaan utama termasuk saudagar pemborong, spt. pemborong yang mempunyai hak ke atas barang yang dijual, seperti pedagang borong atau jobor, pengedar perindustrian, pengeksport, pengimport, dan persatuan koperasi membeli, cawangan jualan dan pejabat jualan (tetapi bukan stor jualan runcit) yang diselenggara oleh unit pembuatan atau pelombongan selain daripada sebagai tujuan loji atau lombong untuk memasarkan barangan mereka dan tidak hanya mengambil pesanan untuk diisi oleh penghantaran terus dari loji atau lombong. Juga termasuk broker barang dagangan dan komoditi, saudagar komisen dan agen dan pemasang, pembeli dan persatuan koperasi terlibat dalam pemasaran produk ladang. Pemborong selalunya secara fizikal memasang, mengasing dan mengred barangan dalam kelompok besar, pecahan pukat, membungkus semula dan mengagih semula dalam kelompok kecil, sebagai contoh barangan farmaseutikal; menyimpan, menyejuk, menghantar dan memasang barangan, terlibat dalam pemasaran jualan bagi pelanggan dan reka bentuk label.

Peruncitan adalah penjualan semula (jualan tanpa transformasi) barangan baru dan terpakai terutamanya kepada umum untuk pemakaian atau kegunaan persendirian atau isirumah, oleh kedai, stor serbaneka, gerai, pesanan melalui mel, penjualan dari rumah ke rumah, koperasi pengguna, rumah lelong, dll. Kebanyakan peruncit mengambil hak ke atas barangan yang dijual, tetapi sebahagian bertindak sebagai agen untuk principal dan penjualan samada mengikut dasar konsainan atau komisen.

BAHAGIAN 45 PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT DAN PEMBAIKAN KENDERAAN BERMOTOR DAN MOTOSIKAL

Bahagian ini termasuk semua aktiviti (kecuali pembuatan dan penyewaan) berkaitan kenderaan bermotor dan motosikal, termasuk lori dan trak, seperti jualan borong dan runcit kenderaan baru dan terpakai, pembaikan dan penyelenggaraan kenderaan dan jualan borong dan runcit komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori bagi kenderaan bermotor dan motosikal. Termasuk juga aktiviti oleh agen komisen yang terlibat dalam jualan borong atau runcit kenderaan. Bahagian ini termasuk juga aktiviti seperti mencuci, menggilap kenderaan, dll.

Bahagian ini tidak termasuk jualan runcit bahan api kenderaan dan pelincir atau bahan penyejuk atau sewaan kenderaan bermotor atau motosikal.

KUMPULAN 451 Jualan kenderaan bermotor

Kumpulan ini termasuk jualan borong dan runcit kenderaan baru dan terpakai, jualan borong dan runcit kenderaan bermotor bukan melalui jalanraya (jip, dll.), jualan borong dan runcit oleh agen komisen dan lelongan kereta.

KUMPULAN 452 Penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor

Kumpulan ini termasuk penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor; pembaikan tayar dan tiub, memasang atau mengganti; perawatan anti karat dan pemasangan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori bukan sebahagian daripada proses pembuatan.

KUMPULAN 453 Jualan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori kenderaan bermotor

Kumpulan ini termasuk jualan borong dan runcit semua jenis komponen (termasuk alat ganti), bekalan, peralatan dan aksesori untuk kenderaan bermotor.

KUMPULAN 454 Jualan, penyelenggaraan dan pembaikan motosikal dan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori berkaitan

Kumpulan ini termasuk jualan borong dan runcit motosikal, termasuk moped (basikal bermotor); jualan borong dan runcit komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori bagi motosikal (termasuk oleh agen komisen dan pusat pesanan mel) dan penyelenggaraan dan pembaikan motosikal.

**BAHAGIAN 45 : PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT DAN PEMBAIKAN
KENDERAAN BERMOTOR DAN MOTOSIKAL**

Kumpulan 451 : Jualan kenderaan bermotor

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
4510⁽¹⁾		Jualan borong dan runcit kenderaan baru dan terpakai	
	45101	Jualan borong dan runcit kenderaan bermotor baru	50101, 50111
	45102	Jualan borong dan runcit kenderaan bermotor terpakai	50102, 50112
	45103	Jualan kenderaan industri, komersial dan pertanian-baru ⁽²⁾	50103
	45104	Jualan kenderaan industri, komersial dan pertanian-terpakai	50104
	45105	Jualan oleh agen komisen	50109p
	45106	Lelongan kereta	50109p
	45109	Jualan lain-lain kenderaan bermotor t.t.t.l.	50109p, 50119

- (1) **Tidak termasuk:**
- (a) jualan borong dan runcit komponen dan aksesori kenderaan bermotor lihat 45300
 - (b) sewaan kenderaan bermotor dengan pemandu, lihat 4922
 - (c) sewaan trak dengan pemandu, lihat 49230
 - (d) sewaan kenderaan bermotor dan trak tanpa pemandu, lihat 7710
- (2) **Termasuk:** jualan lori, treler, *semi-treler*, traktor, dll.

BAHAGIAN 45 : PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT DAN PEMBAIKAN KENDERAAN BERMOTOR DAN MOTOSIKAL

Kumpulan 452 : Penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
4520⁽¹⁾		Penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor	
	45201	Penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor ⁽²⁾	50201p, 50202p
	45202	Menyembur dan mengecat	50201p
	45203	Mencuci dan menggilap (cuci kereta)	50201p
	45204	Pembaikan tempat duduk kenderaan bermotor	50201p
	45205	Pemasangan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori bukan sebahagian daripada proses pembuatan	50201p

(1) **Tidak termasuk:** mencelup dan membungkan tayar, lihat 22112

(2) **Termasuk:** pembaikan tayar dan tiub (pemasangan atau penggantian)

BAHAGIAN 45 : PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT DAN PEMBAIKAN KENDERAAN MOTOR DAN MOTOSIKAL**Kumpulan 453 : Jualan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori kenderaan bermotor**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
4530⁽¹⁾		Jualan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori kenderaan bermotor	
	45300	Jualan borong dan runcit semua jenis komponen, alat ganti, bekalan, peralatan dan aksesori kenderaan bermotor ⁽²⁾	50301, 50302, 50303

(1) **Tidak termasuk:** jualan runcit bahan api automotif, lihat 47300

(2) **Termasuk:** jualan borong dan runcit tayar getah dan tiub dalam tayar, palam pencucuh, bateri, alatan lampu, komponen elektrik, penapis udara, tali sawat dan penyerap hentakan

BAHAGIAN 45 : PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT DAN PEMBAIKAN KENDERAAN MOTOR DAN MOTOSIKAL

Kumpulan 454 : Jualan penyelenggaraan dan pembaikan motosikal dan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori berkaitan

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
4540⁽¹⁾		Jualan, penyelenggaraan dan pembaikan motosikal dan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori berkaitan	
	45401	Jualan borong dan runcit motosikal ⁽²⁾	50401p, 50402p
	45402	Jualan borong dan runcit komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori motosikal ⁽³⁾	50402p, 50401p
	45403	Pembaikan dan penyelenggaraan motosikal	50403

- (1) **Tidak Termasuk:**
- (a) jualan borong basikal dan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori berkaitan, lihat 46441
 - (b) jualan runcit basikal dan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori berkaitan, lihat 47635
 - (c) sewaan motosikal, lihat 77302
 - (d) pembaikan dan penyelenggaraan basikal, lihat 95291
- (2) **Termasuk:** jualan borong dan runcit *moped* (basikal yang bermotor) dan aktiviti bagi ejen komisen
- (3) **Termasuk:** jualan borong dan runcit pesanan mel

BAHAGIAN 46 PERDAGANGAN BORONG, KECUALI KENDERAAN BERMOTOR DAN MOTOSIKAL

Bahagian ini termasuk perdagangan borong atas akaun sendiri atau berdasarkan kontrak (komisen perdagangan) atau yuran berkaitan perdagangan borong tempatan dan antarabangsa (import/eksport).

Jual borong adalah jualan semula (tanpa pengubahsuaian) barangan baru dan terpakai kepada peruncit, perniagaan-ke-perniagaan seperti kepada pengguna perindustrian, komersil, institusi atau profesional, atau jualan semula kepada pemborong lain, atau bertindak sebagai agen atau broker dalam pembelian barangan, atau penjualan barang dagangan kepada orang perseorangan atau syarikat. Jenis perniagaan utama termasuk saudagar borong, contohnya pemborong yang berhak ke atas barang yang mereka jual, seperti saudagar borong atau jobber, pengedar barang perindustrian, pengeksport, pengimport dan persatuan koperasi pembeli, cawangan jualan dan pejabat jualan (tetapi bukan stor jualan runcit) yang diselenggara oleh unit pembuatan atau perlombongan selain daripada loji, kilang atau lombong dengan tujuan memasarkan keluaran mereka dan tidak hanya mengambil dan memenuhi pesanan melalui penghantaran langsung dari loji, kilang atau lombong. Juga termasuk broker dagangan dan komoditi, saudagar komisen dan agen dan pemasang, pembeli dan persatuan koperasi yang terlibat dalam pemasaran barangan ladang.

Pada kebiasaannya, pemborong memasang, mengasing dan mengred barangan dalam kelompok besar, pecahan pukal, membungkus dan mengagih semula dalam kelompok kecil sebagai contoh barangan farmaseutikal; menyimpan, menyejuk, menghantar dan memasang barangan serta melibatkan diri dalam promosi jualan untuk pelanggan dan reka bentuk label.

Bahagian ini tidak termasuk jual borong kenderaan bermotor, karavan dan motosikal, dan juga aksesori kenderaan bermotor, lihat bahagian 45. Juga sewaan dan pajakan barangan, lihat bahagian 77 dan pembungkusan barang pepejal dan pembotolan cecair atau barangan bergas, termasuk mencampur dan menapis, untuk pihak ketiga, lihat 8292.

KUMPULAN 461 Jual borong berdasar kontrak atau yuran

Kumpulan ini termasuk aktiviti agen komisen, broker komoditi dan semua pemborong lain yang berdagang bagi pihak dan dengan akaun orang lain; mereka yang terlibat dalam aktiviti menemukan penjual dan pembeli atau menjalankan transaksi komersil bagi pihak majikan, termasuk internet; seperti agen yang terlibat dalam jualan bahan mentah pertanian, haiwan hidup, bahan mentah tekstil dan barang separuh siap; bahan api, bijih, logam dan bahan kimia industri, termasuk baja; makanan, minuman dan tembakau, tekstil, pakaian, bulu binatang, kasut dan barangan kulit; balak dan bahan pembinaan; jentera, termasuk mesin pejabat dan komputer, kelengkapan industri, kapal dan pesawat; perabot, barangan isi rumah dan hardwer. Termasuk juga aktiviti jual borong pusat lelongan.

KUMPULAN 462 Jual borong bahan mentah, pertanian dan haiwan hidup

Kumpulan ini termasuk jual borong bijirin dan biji benih, jual borong buah yang mengeluarkan minyak, jual borong bunga dan tumbuhan, jual borong tembakau yang belum diproses, jual borong haiwan hidup, jual borong belulang dan kulit, jual borong barangan kulit dan jual borong bahan, bahan buangan, sisa dan produk sampingan pertanian yang diguna sebagai makanan haiwan.

KUMPULAN 463 Jual borong makanan, minuman dan tembakau

Kumpulan ini termasuk jual borong buah-buahan dan sayur-sayuran, jualan borong produk tenusu, jual borong telur dan produk telur, jual borong minyak dan lemak yang boleh dimakan daripada punca haiwan atau tumbuhan, jual borong daging dan produk daging, jual borong produk industri perikanan, jual borong gula, coklat dan konfeksi gula, jualan borong produk bakeri, jual borong minuman, jual borong kopi, teh, koko dan rempah dan jual borong produk tembakau. Kelas ini juga termasuk pembelian wain secara pukal dan pembotolan tanpa pengubahsuaian dan jual borong makanan binatang peliharaan.

KUMPULAN 464 Jual borong barangan isi rumah

Kumpulan ini termasuk jualan borong barangan isi rumah, termasuk tekstil.

KUMPULAN 465 Jual borong jentera, kelengkapan dan bekalan

Kumpulan ini termasuk jualan borong komputer, kelengkapan telekomunikasi, jentera khusus bagi semua jenis industri dan jentera tujuan kegunaan umum.

KUMPULAN 466 Lain-lain pengkhususan jual borong

Kumpulan ini termasuk aktiviti jual borong pengkhususan lain yang tidak terkelas dalam kumpulan lain di bahagian ini. Ini juga termasuk jual borong produk perantara, kecuali pertanian, biasanya bukan untuk kegunaan isi rumah.

KUMPULAN 469 Perdagangan jual borong bukan pengkhususan

Kumpulan ini termasuk jual borong pelbagai barangan tanpa sebarang pengkhususan tertentu.

BAHAGIAN 46 : PERDAGANGAN BORONG, KECUALI KENDERAAN BERMOTOR DAN MOTOSIKAL**Kumpulan 461 : Jual borong berdasarkan kontrak atau yuran**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
4610⁽¹⁾		Jualan borong berdasarkan kontrak atau yuran	
	46100	Jualan borong berdasarkan kontrak atau yuran	51100

- (1) **Tidak termasuk:**
- (a) perdagangan borong menggunakan nama sendiri, lihat kumpulan 462 hingga 469
 - (b) aktiviti ejen komisen untuk kenderaan bermotor, lihat 45105
 - (c) lelongan kenderaan bermotor, lihat 45106
 - (d) jualan runcit oleh ejen komisen bukan kedai, lihat 4799
 - (e) aktiviti ejen insuran, lihat 6622
 - (f) aktiviti ejen hartanah, lihat 68201

BAHAGIAN 46 : PERDAGANGAN BORONG, KECUALI KENDERAAN BERMOTOR DAN MOTOSIKAL**Kumpulan 462 : Jualan borong bahan mentah pertanian dan haiwan hidup**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
4620⁽¹⁾		Jualan borong bahan mentah pertanian dan haiwan hidup	
	46201	Jualan borong getah	51211
	46202	Jualan borong minyak kelapa sawit	51212
	46203	Jualan borong kayu balak dan kayu-kayan	51214
	46204	Jualan borong bunga-bunga dan tumbuh-tumbuhan	51219p
	46205	Jualan borong temakan	51213
	46209	Jualan borong bahan mentah pertanian dan haiwan hidup t.t.t.l.	51215, 51219p, 51916, 51919

- (1) **Tidak termasuk:** jualan borong gentian tekstil, lihat 46695

BAHAGIAN 46 : PERDAGANGAN BORONG, KECUALI KENDERAAN BERMOTOR DAN MOTOSIKAL**Kumpulan 463 : Jualan borong makanan, minuman dan tembakau**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
4631		Jualan borong daging, ikan, buah-buahan dan sayur-sayuran	
	46311	Jualan borong daging, unggas dan telur	51221p
	46312	Jualan borong ikan dan lain-lain makanan laut	51222p
	46313	Jualan borong buah-buahan	51223p
	46314	Jualan borong sayur-sayuran	51224p
	46319	Jualan borong daging, ikan, buah-buahan dan sayur-sayuran t.t.t.l.	51221p, 51222p, 51223p, 51224p
4632		Jualan borong makanan, minuman dan tembakau	
	46321	Jualan borong beras, bijirin lain, tepung dan gula	51231
	46322	Jualan borong hasil tenusu	51232
	46323	Jualan borong konfeksi	51233
	46324	Jualan borong biskut, kek, roti dan produk bakeri lain	51234
	46325	Jualan borong kopi, teh dan minuman lain	51235, 51236
	46326	Jualan borong bir, wain dan spirit ⁽¹⁾	51237
	46327	Jualan borong tembakau, cerut, rokok	51238
	46329	Jualan borong barang makanan lain ⁽²⁾	51239

(1) **Tidak termasuk:** campuran wain lihat 11020 atau spirit disuling lihat 11010

(2) **Termasuk:** jualan borong mee, kueh teow, kulit wantan dan produk berkaitan, minyak masak, makanan dalam tin, rempah ratus dll.

BAHAGIAN 46 : PERDAGANGAN BORONG, KECUALI KENDERAAN BERMOTOR DAN MOTOSIKAL**Kumpulan 464 : Jualan borong barangan isi rumah**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
4641⁽¹⁾		Jualan borong tekstil, pakaian dan kasut	
	46411	Jualan borong benang dan fabrik	51311p
	46412	Jualan borong linen, tuala dan selimut isi rumah	51311p
	46413	Jualan borong pakaian ⁽²⁾	51311p, 51321p
	46414	Jualan borong aksesori pakaian ⁽³⁾	51311p
	46415	Jualan borong pakaian daripada bulu binatang	51311p
	46416	Jualan borong kasut	51312p
	46417	Jualan borong bahan jahitan ⁽⁴⁾	51311p
	46419	Jualan borong tekstil, pakaian t.t.t.l. ⁽⁵⁾	51311p, 51312p

- (1) **Tidak termasuk:** (a) jualan borong barang kemas, lihat 46444 dan barangan kulit, lihat 46433
(b) jualan borong gentian tekstil, lihat 4669

- (2) **Termasuk:** jualan borong pakaian sukan

- (3) **Termasuk:** jualan borong sarung tangan, tali leher dan pendakap

- (4) **Termasuk:** jualan borong jarum, benang jahitan, dll

- (5) **Termasuk:** (a) jualan borong tekstil, pakaian dan kasut
(b) jualan borong payung

Tidak termasuk: jualan borong sisa dan bahan terbuang gentian tekstil, lihat 46695

BAHAGIAN 46 : PERDAGANGAN BORONG, KECUALI KENDERAAN BERMOTOR DAN MOTOSIKAL**Kumpulan 464 : Jualan borong barangan isi rumah**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
4642		Jualan borong barang farmaseutikal dan kelengkapan dandanan diri	
	46421	Jualan borong barangan farmaseutikal dan perubatan	51391p
	46422	Jualan borong pewangi, kosmetik, sabun dan kelengkapan dandanan diri	51391p
4643		Jualan borong barang sukan, barang permainan, barang kulit, barang pengembaraan, dan peralatan muzik	
	46431	Jualan borong basikal dan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori	51322
	46432	Jualan borong barangan fotografi dan optik ⁽¹⁾	51394, 51395
	46433	Jualan borong barangan kulit dan aksesori kembara ⁽²⁾	51324, 51913p
	46434	Jualan borong peralatan muzik, permainan dan barang mainan, barangan sukan ⁽³⁾	51323, 51321p, 51397p
4644		Jualan borong kraftangan, jam tangan, jam dinding dan barang kemas	
	46441	Jualan borong kraftangan dan bunga tiruan	51325
	46442	Jualan borong bunga keratan dan tumbuhan	51326
	46443	Jualan borong jam tangan dan jam dinding	51393p
	46444	Jualan borong barang kemas	51393p

- (1) **Termasuk:** jualan borong cermin mata hitam, teropong, kanta pembesar, dll.
- (2) **Tidak termasuk:** jualan borong kasut, lihat 46416
- (3) **Tidak termasuk:** jualan borong basikal dan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori, lihat 46431

BAHAGIAN 46 : PERDAGANGAN BORONG, KECUALI KENDERAAN BERMOTOR DAN MOTOSIKAL**Kumpulan 464 : Jualan borong barangan isi rumah**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
4649⁽¹⁾		Jualan borong lain-lain barangan isi rumah t.t.t.l.	
	46491	Jualan borong perabot isi rumah	51398
	46492	Jualan borong perkakas isi rumah	51397p
	46493	Jualan borong peralatan lampu	51399p
	46494	Jualan borong perkakas dapur dan kutleri, pinggan mangkuk, barangan kaca dan barangan tembikar	51396, 51399p
	46495	Jualan borong barangan kayu, anyaman rotan dan barangan gabus	51399p
	46496	Jualan borong barangan elektrik dan elektronik ⁽²⁾	51397p
	46497	Jualan borong alat tulis, buku, majalah dan surat khabar	51392
	46499	Jualan borong lain-lain barangan isi rumah t.t.t.l.	51399p

- (1) **Tidak termasuk:**
- (a) jualan borong pita kosong audio dan video, CD, DVD lihat 46496
 - (b) jualan borong peralatan penyiaran radio dan televisyen lihat 4652
 - (c) jualan borong perabot pejabat, lihat 46592
- (2) **Termasuk:**
- (a) jualan borong peralatan radio dan televisyen
 - (b) jualan borong perakam dan pemain CD dan DVD
 - (c) jualan borong peralatan stereo
 - (d) jualan borong konsol permainan video
 - (e) jualan borong pemain media digital (cth. MP3, MP4 dan iPod)
 - (f) jualan borong pita kosong audio, video, disket, cakera magnetic dan optik (CD dan DVD)

BAHAGIAN 46 : PERDAGANGAN BORONG, KECUALI KENDERAAN BERMOTOR DAN MOTOSIKAL**Kumpulan 465 : Jualan borong jentera, peralatan dan bekalan**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
4651⁽¹⁾		Jualan borong komputer, peralatan peranti komputer (<i>peripheral</i>) dan perisian	
	46510	Jualan borong perkakasan komputer, perisian dan peranti	51530
4652⁽²⁾		Jualan borong kelengkapan dan komponen (termasuk alat ganti) elektronik dan telekomunikasi	
	46521	Jualan borong kelengkapan telefon dan telekomunikasi, telefon selular, alat kelui	51511
	46522	Jualan borong komponen elektronik dan aksesori pendawaian ⁽³⁾	51512, 51599p

- (1) **Tidak termasuk:**
- (a) jualan borong komponen (termasuk alat ganti) elektronik, lihat 46522
 - (b) jualan borong mesin dan kelengkapan pejabat (kecuali komputer dan peralatan peranti (*peripheral*)), lihat 46591
 - (c) Jualan borong mesin berkawalan komputer, lihat 46593
- (2) **Tidak termasuk:**
- (a) jualan borong pita berakam audio, video, CD, DVD, lihat 46496
 - (b) jualan borong barangan elektrik dan elektronik, lihat 46496
 - (c) jualan borong komputer dan kelengkapan peranti (*peripheral*) komputer, lihat 46510
- (3) **Termasuk:**
- (a) jualan borong alat-alat semikonduktor
 - (b) jualan borong mikrocip dan litar bersepadu
 - (c) jualan borong litar pencetakan
 - (d) jualan borong tiub dan injap elektronik

BAHAGIAN 46 : PERDAGANGAN BORONG, KECUALI KENDERAAN BERMOTOR DAN MOTOSIKAL**Kumpulan 465 : Jualan borong jentera, kelengkapan dan bekalan**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
4653⁽¹⁾		Jualan borong jentera, kelengkapan dan bekalan pertanian	
	46531	Jualan borong jentera, kelengkapan dan bekalan pertanian ⁽²⁾	51591p
	46532	Jualan borong jentera pemotong rumput sebarang cara operasi	51591p

- (1) **Termasuk:** jualan borong jentera pembajak, pembaja, penyemai, penuai, pembanting, pemerah susu, jentera memelihara unggas dan jentera pemotong rumput sebarang cara operasi
- Tidak termasuk:** jualan kenderaan industri, perdagangan dan pertanian, lihat 45103, 45104
- (2) **Termasuk:** jualan borong jentera pembajak, pembaja, penyemai, penuai, pembanting, mesin pemerah susu, jentera memelihara unggas, mesin pemeliharaan lebah

BAHAGIAN46 : PERDAGANGAN BORONG, KECUALI KENDERAAN BERMOTOR DAN MOTOSIKAL**Kumpulan 465 : Jualan borong jentera, kelengkapan dan bekalan**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
4659⁽¹⁾		Jualan borong lain-lain jentera dan kelengkapan	
	46591	Jualan borong mesin pejabat dan kelengkapan pemiagaan, kecuali komputer dan kelengkapan peranti komputer (<i>peripheral</i>)	51520p
	46592	Jualan borong perabot pejabat	51520p
	46593	Jualan borong peralatan mesin berkawalan komputer ⁽²⁾	51599p
	46594	Jualan borong jentera, kelengkapan dan bekalan perindustrian	51591p
	46595	Jualan borong jentera dan kelengkapan pembinaan dan kejuruteraan awam	51591p
	46596	Jualan borong lif, eskalator, penghawa dingin, kelengkapan keselamatan dan pemadam api	51592
	46599	Jualan borong lain-lain jentera untuk kegunaan industri, perdagangan dan pengemudian dan lain-lain perkhidmatan t.t.t.l. ⁽³⁾	51599p, 51593

- (1) **Tidak termasuk:**
- (a) jualan borong kenderaan bermotor, treler dan karavan, lihat 4510
 - (b) jualan borong komponen (termasuk alat ganti) kenderaan bermotor, lihat 45300
 - (c) jualan borong motosikal, lihat 4540
 - (d) jualan borong basikal, lihat 46431
 - (e) jualan borong komputer dan kelengkapan peranti (*peripheral*) komputer, lihat 46510
 - (f) jualan borong komponen (termasuk alat ganti) elektronik dan telefon dan kelengkapan komunikasi, lihat 46521
- (2) **Termasuk:** jualan borong jentera berkawalan komputer untuk industri tekstil dan mesin jahit dan sulaman berkawalan komputer
- (3) **Termasuk:** jualan borong kelengkapan dan aksesori marin, pesawat udara dan lain-lain kelengkapan pengangkutan t.t.t.l.

BAHAGIAN 46 : PERDAGANGAN BORONG, KECUALI KENDERAAN BERMOTOR DAN MOTOSIKAL**Kumpulan 466 : Lain-lain pengkhususan jual borong**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
4661		Jualan borong bahan api pepejal, cecair dan gas dan produk berkaitan	
	46611	Jualan borong petrol, diesel, pelincir	51411
	46612	Jualan borong gas petroleum cecair	51412
	46619	Jualan borong bahan api pepejal, cecair dan gas dan produk berkaitan t.t.t.l. ⁽¹⁾	51419
4662⁽²⁾		Jualan borong logam dan bijih logam	
	46621	Jualan borong bijih besi dan bukan besi dan logam	51420p
	46622	Jualan borong bijih besi dan bukan besi dan logam separuh siap dan produk t.t.t.l.	51420p

(1) **Termasuk:** jualan borong arang, batu arang, kok, nafta, minyak tanah, kayu api

(2) **Tidak termasuk:** jualan borong sekerap logam, lihat 46698

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
5630⁽¹⁾		Aktiviti perkhidmatan minuman	
	56301	Pub, bar, disko, <i>coffee house</i> , ruang koktel dan karaoke	55217
	56302	Kedai kopi	55213
	56303	Gerai/penjaja minuman	55222
	56304	Perkhidmatan minuman bergerak	55219p
	56309	Tempat minuman lain t.t.t.l.	55219p

- (1) **Tidak termasuk:**
- (a) penjualan semula minuman yang telah dibungkus/disediakan, lihat 4711, 4722, 4781, 4799
 - (b) disko dan lantai tari tanpa perkhidmatan minuman, lihat 93295



J

MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

- 58 Aktiviti penerbitan**
- 59 Aktiviti penerbitan wayang gambar, penerbitan video dan program televisyen, rakaman bunyi dan penerbitan muzik**
- 60 Aktiviti pemrograman dan penyiaran**
- 61 Telekomunikasi**
- 62 Pengaturcaraan komputer, perundingan dan aktiviti yang berkaitan**
- 63 Aktiviti perkhidmatan maklumat**



J

SEKSYEN J : MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

PERINGKAT	MSIC 2008 Ver. 1.0
BAHAGIAN	6
KUMPULAN	13
KELAS	23
PERKARA	35

Seksyen ini termasuk produksi dan pengedaran maklumat dan produk kebudayaan serta peruntukan untuk menghantar atau mengedar produk tersebut seperti data atau komunikasi, aktiviti teknologi maklumat dan prosesan data dan aktiviti perkhidmatan maklumat yang lain.

Seksyen ini termasuk aktiviti penerbitan, wayang gambar, pengeluaran video dan program televisyen, rakaman bunyi dan penerbitan muzik, pemrograman dan penyiaran, telekomunikasi, pengaturcaraan komputer, perundingan dan aktiviti berkaitan, aktiviti perkhidmatan maklumat.

Komponen utama bagi seksyen ini adalah aktiviti penerbitan (bahagian 58), termasuk penerbitan perisian, aktiviti penayangan wayang gambar dan rakaman bunyi (bahagian 59), pemrograman dan penyiaran radio dan TV (bahagian 60), aktiviti telekomunikasi (bahagian 61) dan teknologi maklumat (bahagian 62) dan perkhidmatan maklumat lain (bahagian 63).

Penerbitan termasuk pemerolehan hak cipta terhadap kandungan (produk informasi) dan menjadikan kandungan ini tersedia kepada umum menerusi (atau mengatur bagi) pengeluaran semula dan pengedaran dalam pelbagai bentuk. Semua bentuk penerbitan yang boleh dihasilkan (dalam bentuk cetakan, elektronik atau audio, di internet, sebagai produk multimedia seperti buku rujukan dalam bentuk CD-ROM, dll.), diliputi dalam bahagian ini kecuali penerbitan wayang gambar dalam seksyen ini.

Aktiviti yang berkaitan dengan produksi dan pengedaran program TV termasuk bahagian 59, 60 dan 61, menerangkan peringkat yang berlainan dalam proses ini. Komponen individu, seperti wayang, rancangan televisyen bersiri, dll dikeluarkan oleh aktiviti di bahagian 59. Sementara itu, menghasilkan program saluran televisyen yang lengkap daripada komponen yang dihasilkan dalam bahagian 59 atau komponen lain termasuk di bahagian 60. Bahagian 60 juga termasuk penyiaran program oleh penerbit. Pengedaran program rancangan televisyen yang lengkap oleh pihak ketiga, cth. tanpa membuat sebarang pindaan kandungan, adalah termasuk di bawah bahagian 61. Pengedaran di bahagian 61 boleh dilakukan secara sistem penyiaran, satelit atau kabel.



BAHAGIAN 58 AKTIVITI PENERBITAN

Bahagian ini termasuk penerbitan buku, brosur, risalah, kamus, ensiklopedia, atlas, peta dan carta; penerbitan surat khabar, jurnal dan terbitan berkala; direktori dan senarai mel dan penerbitan lain, serta penerbitan perisian.

Penerbitan termasuk pemerolehan hak cipta terhadap kandungan (produk informasi) dan menjadikan kandungan ini tersedia kepada umum menerusi (atau mengatur bagi) pengeluaran semula dan pengedaran dalam pelbagai bentuk. Semua bentuk penerbitan yang boleh dihasilkan (dalam bentuk cetakan, elektronik atau audio, di internet, sebagai produk multimedia seperti buku rujukan dalam bentuk CD-ROM, dll.), diliputi dalam bahagian ini kecuali penerbitan wayang gambar.

Bahagian ini tidak termasuk penerbitan wayang gambar, pita video dan filem dalam bentuk DVD atau media yang seumpama dengannya (bahagian 59) dan pengeluaran salinan asal/untuk rakaman atau bahan audio (bahagian 59). Percetakan (lihat 1811) dan pengeluaran semula media rakaman secara besar-besaran (lihat 1820) juga tidak diliputi dalam bahagian ini.

KUMPULAN 581 Aktiviti penerbitan buku, terbitan berkala dan penerbitan lain

Kumpulan ini termasuk aktiviti penerbitan buku, surat khabar, majalah dan terbitan berkala, direktori dan senarai mel, dan aktiviti lain seperti gambar, turisan, poskad, jadual waktu, borang, poster dan penerbitan semula kerja-kerja seni. Kerja-kerja ini adalah bercirikan kreativiti intelektual yang diperlukan dalam pembangunan hasil seni dan biasanya dilindungi oleh hak cipta.

KUMPULAN 582 Penerbitan perisian

Kumpulan ini termasuk penerbitan perisian yang sedia cipta (bukan tempahan khas) seperti sistem operasi, aplikasi perniagaan dan aplikasi lain, permainan komputer untuk semua platform.

BAHAGIAN 58 : AKTIVITI PENERBITAN**Kumpulan 581 : Aktiviti penerbitan buku, terbitan berkala dan penerbitan lain**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
5811⁽¹⁾		Penerbitan buku	
	58110	Penerbitan buku, brosur dan penerbitan lain ⁽²⁾	22110
5812		Penerbitan direktori dan senarai mel	
	58120	Penerbitan senarai mel, buku telefon dan direktori lain ⁽³⁾	22190p
5813		Penerbitan surat khabar, jurnal dan terbitan berkala	
	58130	Penerbitan surat khabar, jurnal, majalah dan penerbitan berkala dalam bentuk cetakan atau elektronik ⁽⁴⁾	22120

- (1) **Termasuk:** aktiviti penerbitan buku dalam bentuk cetakan, elektronik (CD, paparan elektronik, dll.) atau dalam bentuk audio atau di internet
- Tidak termasuk:**
- (a) pengeluaran glob, lihat 32909
 - (b) penerbitan bahan pengiklanan, lihat 58190
 - (c) penerbitan buku dan helaian muzik lihat 59200
 - (d) aktiviti oleh penulis bebas, lihat 90004
- (2) **Termasuk:**
- (a) penerbitan risalah dan penerbitan yang seumpamanya, termasuk penerbitan kamus dan ensiklopedia
 - (b) penerbitan atlas, peta dan carta
 - (c) penerbitan buku audio
 - (d) penerbitan ensiklopedia, dll. dalam bentuk CD-ROM
 - (e) penerbitan buku secara *on-line*, dll.
- (3) **Termasuk:** penerbitan direktori dan senarai mel secara *on-line*
- (4) **Termasuk:**
- (a) penerbitan rancangan radio dan televisyen,
 - (b) penerbitan surat khabar pengiklanan
 - (c) penerbitan surat khabar secara *on-line*, dll.



BAHAGIAN 58 : AKTIVITI PENERBITAN**Kumpulan 58 : Aktiviti penerbitan buku, terbitan berkala dan penerbitan lain**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
5819⁽¹⁾		Aktiviti penerbitan lain	
	58190	Penerbitan katalog, gambar, turisan dan poskad, kad ucapan, borang, poster, penerbitan semula kerja-kerja seni, bahan pengiklanan dan bahan bercetak lain t.t.t.l.	22190p

(1) **Termasuk:** penerbitan maklumat lain secara *on-line* (kad ucapan, statistik, dll.), penerbitan pangkalan data

Tidak termasuk:

- (a) jualan runcit perisian, lihat 4741
- (b) penerbitan surat khabar pengiklanan, lihat 58130
- (c) penyediaan perisian secara *on-line* (penyediaan perkhidmatan *hosting* dan aplikasi), lihat 63111

BAHAGIAN 58 : AKTIVITI PENERBITAN
Kumpulan 582 : Penerbitan perisian

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
5820⁽¹⁾		Penerbitan perisian yang sedia cipta (bukan tempahan khas)	
	58201	Aplikasi perniagaan dan aplikasi lain	22130p
	58202	Permainan komputer untuk semua platform ⁽²⁾	22130p
	58203	Sistem operasi	22130p

(1) **Termasuk:** penerbitan perisian secara *on-line*

Tidak termasuk:

- (a) pengeluaran semula perisian, lihat 18200
- (b) jualan runcit bagi perisian bukan tempahan khas, lihat 47412
- (c) pengeluaran perisian yang tidak melibatkan penerbitan, lihat 62010
- (d) penyediaan perisian secara *on-line* (penyediaan perkhidmatan *hosting* dan aplikasi) lihat 63111

(2) **Termasuk:** penerbitan perisian bagi konsol permainan video



BAHAGIAN 59 AKTIVITI PENERBITAN WAYANG GAMBAR, VIDEO DAN PROGRAM TELEVISYEN, RAKAMAN BUNYI DAN PENERBITAN MUZIK

Bahagian ini termasuk pengeluaran wayang gambar untuk panggung dan bukan panggung sama ada filem, pita video atau cakera untuk tayangan di pawagam atau untuk siaran televisyen; aktiviti sokongan seperti suntingan, tapisan dan alih suara filem, dll.; pengedaran wayang gambar dan produksi filem lain kepada industri lain; termasuk tayangan wayang gambar atau produksi filem lain. Juga termasuk pembelian dan penjualan wayang gambar atau hak penyebaran pengeluaran filem lain.

Bahagian ini juga termasuk aktiviti rakaman bunyi, seperti mengeluarkan, menyiar, mempromosi dan mengedar rakaman bunyi asal, penerbitan muzik dan juga aktiviti perkhidmatan rakaman bunyi di studio atau di tempat lain.

KUMPULAN 591 Aktiviti wayang gambar, video dan program televisyen

Kumpulan ini termasuk pengeluaran wayang gambar untuk panggung dan bukan panggung sama ada filem, pita video, DVD atau media lain, termasuk pengedaran digital untuk tayangan di panggung atau siaran televisyen; aktiviti sokongan seperti suntingan, tapisan dan alih suara filem, dll.; pengedaran wayang gambar atau produksi filem lain (pita video, DVD dll.) kepada industri lain; termasuk tayangan. Termasuk juga pembelian dan penjualan wayang gambar atau hak pengedaran produksi filem lain.

KUMPULAN 592 Aktiviti rakaman bunyi dan penerbitan muzik

Kumpulan ini termasuk aktiviti pengeluaran rakaman bunyi asal, seperti pita, CD; menyiar, mempromosi dan mengedar rakaman bunyi kepada pemborong, peruncit atau terus kepada umum. Aktiviti ini boleh atau tidak disepadukan dengan pengeluaran rakaman asal dalam unit yang sama. Jika tidak, unit yang melaksanakan aktiviti ini perlu mendapat hak pengedaran dan pengeluaran semula bagi rakaman asal. Kumpulan ini termasuk juga aktiviti perkhidmatan rakaman bunyi dalam studio atau di tempat lain, termasuklah rakaman rancangan radio, audio untuk filem, televisyen, dll.

Kumpulan ini juga termasuk aktiviti penerbitan muzik, contohnya aktiviti mendapat dan mendaftar hak cipta untuk gubahan muzik, promosi, kebenaran dan penggunaan rakaman gubahan, radio, televisyen, wayang gambar, siaran langsung, cetakan dan media lain. Unit yang terlibat dalam aktiviti ini boleh memiliki hak cipta atau bertindak selaku pentadbir hak cipta muzik bagi pihak pemilik hak cipta. Penerbitan muzik dan helaian muzik juga termasuk dalam kumpulan ini.

BAHAGIAN 59 : AKTIVITI PENERBITAN WAYANG GAMBAR, VIDEO DAN PROGRAM TELEVISYEN, RAKAMAN BUNYI DAN PENERBITAN MUZIK

Kumpulan 591 : Aktiviti wayang gambar, video dan program televisyen

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
5911 ⁽¹⁾		Aktiviti pengeluaran wayang gambar, video dan program televisyen	
	59110	Aktiviti pengeluaran wayang gambar, video dan program televisyen ⁽²⁾	92111p, 92132p
(1)	Tidak termasuk:	(a) penyalinan filem (kecuali pengeluaran semula filem wayang gambar untuk tayangan panggung) serta pengeluaran semula audio dan pita video, CD atau DVD daripada salinan asal, lihat 18200 (b) jualan borong pita video berakam, CD, DVD, lihat 46496 (c) jualan borong pita video kosong, CD, lihat 46496 (d) perdagangan runcit pita video, CD, DVD, lihat 47622 (e) aktiviti pasca produksi, lihat 59120 (f) pengeluaran semula filem bagi tayangan panggung, lihat 59120 (g) rakaman bunyi dan merekodkan buku ke dalam pita, lihat 59200 (h) menghasilkan program saluran televisyen, lihat 6020 (i) penyiaran televisyen, lihat 6020 (j) memproses filem selain daripada industri wayang gambar, lihat 74200 (k) aktiviti teater persendirian atau agen atau agensi artistik, lihat 74909 (l) penyewaan pita video, DVD kepada orang awam, lihat 77220 (m) liputan secara langsung (cth. serentak) melalui televisyen, berkenaan mesyuarat, persidangan dll., lihat 82990 (n) aktiviti bekerja sendiri bagi pelakon, kartunis, pengarah, pereka pentas dan pakar teknikal, lihat 9000	
(2)	Termasuk:	(a) pengeluaran iklan untuk radio, televisyen dan filem (b) pengeluaran program televisyen (c) iklan yang tidak dibuat menggunakan kemudahan penyiaran dan <i>stock footage film libraries</i>, dll.	

BAHAGIAN 59 : AKTIVITI PENERBITAN WAYANG GAMBAR, VIDEO DAN PROGRAM TELEVISYEN, RAKAMAN BUNYI DAN PENERBITAN MUZIK

Kumpulan 591 : Aktiviti wayang gambar, video dan program televisyen

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
5912 ⁽¹⁾		Aktiviti pasca produksi wayang gambar, video dan program televisyen	
	59120	Aktiviti pasca produksi wayang gambar, video dan program televisyen ⁽²⁾	92111p
(1)	Tidak termasuk:	(a) penyalinan filem (kecuali pengeluaran semula filem wayang gambar untuk tayangan panggung) serta pengeluaran semula audio dan pita video, CD atau DVD daripada salinan asal, lihat 18200 (b) jualan borong pita video berakam, CD, DVD, lihat 46496 (c) jualan borong pita video kosong, CD, lihat 46496 (d) perdagangan runcit pita video, CD, DVD, lihat 47622 (e) memproses filem selain daripada industri wayang gambar, lihat 74200 (f) penyewaan pita video, DVD kepada orang awam, lihat 77220 (g) aktiviti bekerja sendiri bagi pelakon, kartunis, pengarah, pereka pentas dan pakar teknikal, lihat 9000	
(2)	Termasuk:	aktiviti seperti penyuntingan, pemindahan filem/pita, penjudulan, sarikata, pengiktirafan, <i>closed captioning</i> , grafik berkomputer, animasi dan kesan khas, memproses filem wayang gambar, aktiviti makmal filem wayang gambar dan aktiviti makmal khusus bagi filem animasi	

BAHAGIAN 59 : AKTIVITI PENERBITAN WAYANG GAMBAR, VIDEO DAN PROGRAM TELEVISYEN, RAKAMAN BUNYI DAN PENERBITAN MUZIK

Kumpulan 591 : Aktiviti wayang gambar, video dan program televisyen

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
5913 ⁽¹⁾		Aktiviti pengedaran wayang gambar, video dan program televisyen	
	59130	Aktiviti pengedaran wayang gambar, video dan program televisyen ⁽²⁾	92112, 92132p
5914		Aktiviti penayangan wayang gambar	
	59140	Aktiviti penayangan wayang gambar ⁽³⁾	92120, 92132p
(1)	Tidak termasuk:	(a) penyalinan filem (kecuali pengeluaran semula filem wayang gambar untuk tayangan panggung) serta pengeluaran semula audio dan pita video, CD atau DVD daripada salinan asal, lihat 18200 (b) pengeluaran semula filem bagi tayangan panggung, lihat 5912	
(2)	Termasuk:	(a) aktiviti mendapatkan hak dan pengedaran filem, pita video, DVD dan penerbitan yang seumpamanya untuk pawagam, stesen dan rangkaian televisyen dan pempamer (b) mendapatkan hak pengedaran filem, pita video dan DVD	
(3)	Termasuk:	penayangan wayang gambar atau pita video di pawagam, di tempat terbuka atau kemudahan penayangan lain serta <i>cine-clubs</i>	



BAHAGIAN 59 : AKTIVITI PENERBITAN WAYANG GAMBAR, VIDEO DAN PROGRAM TELEVISYEN, RAKAMAN BUNYI DAN PENERBITAN MUZIK

Kumpulan 592 : Aktiviti rakaman bunyi dan penerbitan muzik

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
5920 ⁽¹⁾		Aktiviti rakaman bunyi dan penerbitan muzik	
	59200	Aktiviti rakaman bunyi dan penerbitan muzik	22130p, 92111p, 92132p, 92492

- (1) **Termasuk:**
- (a) pengeluaran rakaman asal (bunyi), seperti pita, CD
 - (b) aktiviti perkhidmatan rakaman bunyi di studio atau di tempat lain, termasuk rakaman rancangan radio, audio untuk filem, televisyen, dll.
 - (c) penerbitan muzik, contohnya aktiviti mendapat dan mendaftar hak cipta gubahan muzik; promosi, kebenaran dan penggunaan gubahan untuk rakaman, radio, televisyen, wayang gambar, siaran langsung, cetakan dan media lain; pengedaran rakaman bunyi kepada pemborong, peruncit atau terus kepada umum
 - (d) penerbitan muzik secara *on-line*
 - (e) aktiviti rakaman bunyi
 - (f) pengeluaran rakaman rancangan radio

BAHAGIAN 60 AKTIVITI PEMPROGRAMAN DAN PENYIARAN

Bahagian ini termasuk aktiviti mencipta atau mendapat hak untuk mengedar dan menyiarkan kandungan rancangan radio, televisyen dan program data hiburan, berita, bual bicara dan seumpamanya. Termasuk juga penyiaran data biasanya diintegrasikan bersama siaran radio atau televisyen. Penyiaran boleh dilakukan menggunakan pelbagai teknologi melalui siaran ke udara, satelit, rangkaian kabel atau internet. Bahagian ini juga termasuk pengeluaran rancangan yang tertumpu kepada langganan atau dasar yuran kepada pihak ketiga untuk siaran umum (format khusus seperti berita, sukan, pendidikan, program remaja).

Bahagian ini tidak termasuk pengedaran program menerusi kabel dan langganan lain (lihat bahagian 61).

KUMPULAN 601 Penyiaran radio

Kumpulan ini termasuk penyiaran isyarat audio melalui studio penyiaran radio dan fasiliti untuk menyiarkan program pendengaran radio kepada umum, kepada ahli gabungan atau kepada pelanggan. Turut diliputi adalah aktiviti rangkaian radio, contohnya mengumpul dan menyiarkan program pendengaran radio kepada ahli gabungan atau pelanggan melalui siaran ke udara, kabel atau satelit.

Aktiviti penyiaran radio di Internet (stesen radio Internet) dan penyiaran data bersama dengan penyiaran radio turut diliputi di sini.

KUMPULAN 602 Aktiviti pemrograman dan penyiaran televisyen

Kumpulan ini termasuk mewujudkan saluran program televisyen yang lengkap daripada komponen program yang dibeli (cth. wayang, dokumentari, dll.), komponen program yang diterbitkan sendiri (cth. berita tempatan, laporan secara langsung) atau kombinasinya.

Rancangan televisyen yang lengkap boleh disiarkan sama ada oleh unit produksi atau dihasilkan untuk siaran oleh pengedar pihak ketiga, seperti syarikat pembekal kabel atau televisyen satelit.

Program tersebut boleh berbentuk umum atau khusus (cth. format khusus seperti berita, sukan, pendidikan, program remaja) yang boleh diberikan secara percuma kepada pengguna atau berasaskan langganan.

Termasuk juga pemrograman saluran video atas permintaan dan penyiaran data bersama dengan penyiaran televisyen.



BAHAGIAN 60 : AKTIVITI PEMPROGRAMAN DAN PENYIARAN
Kumpulan 601 : Penyiaran radio

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
6010⁽¹⁾		Penyiaran radio	
	60100	Penyiaran radio	64202p, 92131

- (1) **Termasuk:**
- (a) penyiaran isyarat audio melalui studio penyiaran radio dan fasiliti untuk menyiar program pendengaran radio kepada umum, kepada ahli gabungan atau kepada pelanggan
 - (b) aktiviti rangkaian radio, cth. mengumpul dan menyiar program pendengaran radio kepada ahli gabungan atau pelanggan melalui siaran ke udara, kabel atau satelit
 - (c) aktiviti penyiaran radio di Internet (stesen radio Internet)
 - (d) penyiaran data bersama dengan penyiaran radio

Tidak termasuk: produksi rakaman rancangan radio, lihat kelas 5920

BAHAGIAN 60 : AKTIVITI PEMPROGRAMAN DAN PENYIARAN**Kumpulan 602 : Aktiviti pemrograman dan penyiaran televisyen**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
6020⁽¹⁾		Aktiviti pemrograman dan penyiaran televisyen	
	60200	Aktiviti pemrograman dan penyiaran televisyen	64202p, 92132p

- (1) **Termasuk:**
- (a) mewujudkan saluran program televisyen yang lengkap daripada komponen program yang dibeli (cth. wayang, dokumentari, dll.), komponen program yang diterbitkan sendiri (cth. berita tempatan, laporan secara langsung) atau kombinasinya
 - (b) pemrograman saluran video atas permintaan
 - (c) penyiaran data bersama dengan penyiaran televisyen
 - (d) penyiaran TV Internet
- Tidak termasuk:**
- (a) produksi yang berunsurkan program televisyen (cth. wayang, dokumentari, iklan), lihat kelas 59110
 - (b) mengumpul dan mengedar pakej saluran melalui kabel atau satelit kepada penonton, lihat bahagian 61



BAHAGIAN 61 TELEKOMUNIKASI

Bahagian ini termasuk aktiviti menyediakan perkhidmatan telekomunikasi dan aktiviti yang berkaitan, seperti transmisi suara, data, teks, bunyi dan video. Kemudahan transmisi ini mungkin berasaskan satu teknologi atau kombinasi bagi teknologi tersebut. Lazimnya aktiviti yang diklasifikasikan dalam bahagian ini adalah transmisi kandungan tanpa melibatkan penciptaannya. Pecahan di dalam bahagian ini adalah bergantung kepada jenis infrastruktur yang beroperasi.

Dalam kes penyiaran signal televisyen, ia mungkin termasuk saluran pemrograman yang lengkap (rujuk bahagian 60) di dalam pakej yang diprogramkan untuk edaran.

KUMPULAN 611 Aktiviti komunikasi berwayar

Kumpulan ini termasuk aktiviti pengoperasian, penyelenggaraan dan penyediaan akses kemudahan kepada penyiaran suara, data, teks, bunyi dan video dengan menggunakan infrastruktur telekomunikasi berwayar. Kemudahan penyiaran aktiviti ini, boleh berasaskan kepada satu teknologi atau kombinasi bagi teknologi tersebut.

Lebih khusus lagi aktiviti ini termasuk: 1) kemudahan operasi dan penyelenggaraan pertukaran serta penyiaran untuk menyediakan komunikasi tempat ke tempat melalui *landlines*, gelombang mikro atau kombinasi *landlines and satellite linkups* 2) operasi sistem pengedaran kabel (cth. pengedaran data dan isyarat televisyen) dan 3) membekalkan telegraf dan komunikasi tanpa suara yang lain dengan menggunakan kemudahan sendiri.

Pembelian kapasiti akses dan rangkaian daripada pemilik dan operator rangkaian dan menyediakan perkhidmatan telekomunikasi untuk perniagaan dan isi rumah juga diliputi di sini.

Kumpulan ini juga termasuk penyediaan akses internet oleh operator infrastruktur berwayar.

KUMPULAN 612 Aktiviti telekomunikasi tanpa wayar

Kumpulan ini termasuk aktiviti mengendalikan, menyelenggara atau menyediakan akses kemudahan kepada penyiaran suara, data, teks, bunyi dan video dengan menggunakan infrastruktur telekomunikasi tanpa wayar. Kemudahan yang disediakan sehala melalui gelombang dan berkemungkinan berasaskan kepada satu atau kombinasi teknologi. Turut diliputi ialah aktiviti menyelenggara dan mengendalikan kelui, selular dan rangkaian telekomunikasi tanpa wayar lain.

Pembelian kapasiti akses dan rangkaian daripada pemilik dan operator rangkaian dan menyediakan perkhidmatan telekomunikasi untuk perniagaan dan isi rumah turut diliputi.

Kumpulan ini juga termasuk menyediakan akses internet oleh operator infrastruktur tanpa wayar.

KUMPULAN 613 Aktiviti telekomunikasi satelit

Kumpulan ini termasuk aktiviti mengendalikan, menyelenggara atau menyediakan akses untuk kemudahan bagi transmisi suara, data, teks, bunyi, dan video dengan menggunakan infrastruktur telekomunikasi satelit.

Kumpulan ini juga terlibat dengan penghantaran visual, bunyi atau teks program yang diterima dari rangkaian kabel, stesen televisyen tempatan atau rangkaian radio kepada pelanggan melalui sistem satelit terus ke rumah (unit yang dikelaskan di sini tidak termasuk bahan asal program)

Kumpulan ini termasuk akses internet melalui operator infrastruktur satelit.

KUMPULAN 619

Aktiviti telekomunikasi lain

Kumpulan ini termasuk penyediaan aplikasi telekomunikasi khusus seperti operasi mengesan melalui satelit, komunikasi *telemetry* dan stesen radar, operasi stesen terminal satelit dan kemudahan yang digabungkan secara operasinya dengan satu atau lebih sistem komunikasi daratan yang bersekutu dan berupaya menghantar dan menerima telekomunikasi dari sistem satelit, penyediaan akses internet melalui rangkaian di antara pelanggan dan ISP yang bukan dimiliki atau dikawal oleh ISP seperti *dial-up internet access*, dll, penyediaan kemudahan telefon dan akses internet di tempat awam, penyediaan perkhidmatan telekomunikasi melalui sambungan telekom VOIP (*Voice Over Internet Protocol*) sedia ada dan penjualan semula telekomunikasi (cth. membeli dan menjual semula tanpa penyediaan perkhidmatan tambahan).

BAHAGIAN 61 : TELEKOMUNIKASI
Kumpulan 611 : Aktiviti telekomunikasi berwayar

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
6110⁽¹⁾		Aktiviti telekomunikasi berwayar	
	61101	Perkhidmatan aktiviti telekomunikasi berwayar	64201p, 64203p
	61102	Pembekal akses internet oleh operator infrastruktur berwayar	64201p, 64203p

- (1) **Termasuk:**
- (a) mengendali, menyelenggara atau menyediakan akses kepada kemudahan transmisi suara, data, teks, bunyi dan video menggunakan infrastruktur telekomunikasi berwayar, termasuk mengendali dan menyelenggara kemudahan transmisi dan pertukaran, untuk menyediakan komunikasi tempat ke tempat melalui talian darat, gelombang mikro atau kombinasi di antara talian darat dan rantaian satelit; mengendalikan sistem kabel pengedaran (cth. pengedaran data dan isyarat televisyen); menyediakan telegraf dan komunikasi bukan vokal lain menggunakan kemudahan sendiri
 - (b) pembelian kapasiti akses dan rangkaian daripada pemilik dan operator rangkaian dan menyediakan perkhidmatan telekomunikasi untuk pemiagaan dan isi rumah
 - (c) penyediaan akses internet oleh operator infrastruktur berwayar

Tidak termasuk: penjualan semula telekomunikasi, lihat 61903

BAHAGIAN 61 : TELEKOMUNIKASI**Kumpulan 612 : Aktiviti telekomunikasi tanpa wayar**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
6120⁽¹⁾		Aktiviti telekomunikasi tanpa wayar	
	61201	Perkhidmatan telekomunikasi tanpa wayar	64201p, 64203p, 64204
	61202	Pembekal akses Internet oleh operator infrastruktur tanpa wayar	64201p, 64203p

- (1) **Termasuk:**
- (a) mengendali, menyelenggara atau menyediakan akses untuk kemudahan bagi transmisi suara, data, teks, bunyi, dan video dengan menggunakan infrastruktur telekomunikasi tanpa wayar
 - (b) menyelenggara dan mengendali alat kelui seperti selular dan rangkaian telekomunikasi tanpa wayar lain
 - (c) pembelian kapasiti akses dan rangkaian daripada pemilik dan operator rangkaian dan menyedia perkhidmatan telekomunikasi tanpa wayar (kecuali satelit) untuk perniagaan dan isi rumah
 - (d) penyediaan akses internet oleh operator infrastruktur tanpa wayar

Tidak termasuk: penjualan semula telekomunikasi, lihat 61903



BAHAGIAN 61 : TELEKOMUNIKASI
Kumpulan 613 : Aktiviti telekomunikasi satelit

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
6130⁽¹⁾		Aktiviti telekomunikasi satelit	
	61300	Perkhidmatan telekomunikasi satelit	64203p, 64209p

- (1) **Termasuk:**
- (a) mengendali, menyelenggara atau menyediakan akses untuk kemudahan bagi transmisi suara, data, teks, bunyi, dan video dengan menggunakan infrastruktur telekomunikasi satelit
 - (b) penghantaran visual, bunyi atau teks program yang diterima dari rangkaian kabel, stesen televisyen tempatan atau rangkaian radio kepada pelanggan melalui sistem satelit terus ke rumah (unit yang dikelaskan di sini tidak termasuk bahan asal program)
 - (c) penyediaan akses internet oleh operator infrastruktur satelit
- Tidak termasuk:** penjualan semula telekomunikasi, lihat 61903

BAHAGIAN 61 : TELEKOMUNIKASI
Kumpulan 619 : Aktiviti telekomunikasi lain

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
6190⁽¹⁾		Aktiviti telekomunikasi lain	
	61901	Penyediaan akses internet melalui rangkaian di antara pelanggan dan ISP yang bukan dimiliki atau dikawal oleh ISP	64203p
	61902	Penyediaan perkhidmatan telekomunikasi melalui sambungan telekom sedia ada	64209p
	61903	Penjualan semula telekomunikasi	64209p
	61904	Penyediaan perkhidmatan telekomunikasi melalui sambungan telekom VOIP (<i>Voice Over Internet Protocol</i>) sedia ada	64203p
	61905	Penyediaan aplikasi telekomunikasi yang khusus ⁽²⁾	64209p
	61909	Aktiviti telekomunikasi lain t.t.t.l.	64209p

- (1) **Termasuk:**
- (a) operasi stesen terminal satelit dan kemudahan yang digabungkan secara operasinya dengan satu atau lebih sistem komunikasi daratan yang bersekutu dan berupaya menghantar dan menerima telekomunikasi dari sistem satelit
 - (b) penyediaan akses internet melalui rangkaian di antara pelanggan dan ISP yang bukan dimiliki atau dikawal oleh ISP (cth. *dial-up internet access*, dll)
 - (c) penyediaan kemudahan telefon dan akses internet di tempat awam
 - (d) penjualan semula telekomunikasi (cth. membeli dan menjual semula tanpa penyediaan perkhidmatan tambahan)
- Tidak termasuk:** penyediaan akses internet oleh operator infrastruktur telekomunikasi, lihat 6110, 6120, 6130
- Termasuk:** operasi mengesan melalui satelit, komunikasi *telemetry* dan stesen radar



BAHAGIAN 62 PENGATURCARAAN KOMPUTER, PERUNDINGAN DAN AKTIVITI YANG BERKAITAN

Bahagian ini termasuk aktiviti penyediaan kepakaran di dalam bidang teknologi maklumat seperti penulisan, pengubahsuaian, percubaan dan perisian sokongan bagi memenuhi kehendak pelanggan tertentu; merancang dan mereka bentuk sistem komputer dengan mengintegrasikan teknologi perkakasan, perisian komputer dan komunikasi, pengurusan di lapangan dan operasi sistem komputer pelanggan dan/atau kemudahan memproses data; menyediakan infrastruktur untuk *hosting* atau perkhidmatan prosesan data, dan aktiviti perkhidmatan profesional dan teknikal yang berkaitan dengan komputer.

KUMPULAN 620 Pengaturcaraan komputer, perundingan dan aktiviti berkaitan

Kumpulan ini termasuk aktiviti penyediaan kepakaran di dalam bidang teknologi maklumat seperti penulisan, pengubahsuaian, percubaan dan perisian sokongan bagi memenuhi kehendak pelanggan tertentu; merancang dan mereka bentuk sistem komputer dengan mengintegrasikan teknologi perkakasan, perisian komputer dan komunikasi, pengurusan di lapangan dan operasi sistem komputer pelanggan dan/atau kemudahan memproses data; menyediakan infrastruktur untuk *hosting* atau perkhidmatan prosesan data, dan aktiviti perkhidmatan profesional dan teknikal yang berkaitan dengan komputer.

BAHAGIAN 62 : PENGATURCARAAN KOMPUTER, PERUNDINGAN DAN AKTIVITI YANG BERKAITAN
Kumpulan 620 : Pengaturcaraan komputer, perundingan dan aktiviti yang berkaitan

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
6201 ⁽¹⁾		Aktiviti pengaturcaraan komputer	
	62010	Aktiviti pengaturcaraan komputer ⁽²⁾	72200p
6202 ⁽³⁾		Aktiviti perundingan komputer dan pengurusan kemudahan komputer	
	62021	Perundingan komputer ⁽⁴⁾	72200p

- (1) **Termasuk:**
- (a) mereka bentuk struktur dan kandungan dan/atau menulis kod komputer yang berkaitan untuk menghasil dan melaksanakan sistem perisian (termasuk kemaskini dan pindaan), aplikasi perisian (termasuk kemaskini dan pindaan), pangkalan data dan laman web
 - (b) tempahan perisian (cth. menyusun dan mengubahsuai perisian sedia ada supaya berfungsi mengikut persekitaran sistem maklumat pelanggan)
- Tidak termasuk:**
- (a) penerbitan pakej perisian, lihat 5820
 - (b) merancang dan mereka bentuk sistem komputer dengan mengintegrasikan teknologi perkakasan, perisian komputer dan komunikasi walaupun penyediaan perisian merupakan sebahagian daripada aktiviti utama, lihat 62021
- (2) **Termasuk:**
- (a) aktiviti menulis, mengubah, menguji dan menyokong perisian untuk memenuhi keperluan pelanggan tertentu (tempahan pengaturcaraan komputer)
 - (b) produksi perisian tidak berkaitan dengan penerbitan
 - (c) penulisan perisian bagi konsol permainan video
 - (d) mereka bentuk dan mengatutrcara laman web
- (3) **Tidak termasuk:**
- (a) jualan berasingan bagi perkakasan dan perisian komputer, lihat 46510, 4741
 - (b) instalasi berasingan untuk kerangka utama dan komputer seumpamanya, lihat 33200
 - (c) instalasi berasingan (*setting-up*) komputer peribadi, lihat 62099
 - (d) instalasi perisian yang berasingan, lihat 62099
- (4) **Termasuk:**
- (a) merancang dan mereka bentuk sistem komputer dengan mengintegrasikan teknologi perkakasan, perisian komputer dan komunikasi
 - (b) mereka bentuk atau perundingan perisian sebagai sebahagian daripada penyelesaian sistem komputer yang lengkap kepada pengguna

BAHAGIAN 62 : PENGATURCARAAN KOMPUTER, PERUNDINGAN DAN AKTIVITI YANG BERKAITAN

Kumpulan 620 : Pengaturcaraan komputer, perundingan dan aktiviti berkaitan

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
6209 ⁽²⁾	62022	Aktiviti pengurusan kemudahan komputer ⁽¹⁾	72100
		Aktiviti perkhidmatan teknologi maklumat dan komputer lain	
	62091	Sistem keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)	72900p
	62099	Aktiviti perkhidmatan teknologi maklumat lain t.t.t.l. ⁽³⁾	72900p

- (1) **Termasuk:** penyediaan pengurusan di lapangan dan operasi sistem komputer pelanggan dan/atau kemudahan memproses data, serta perkhidmatan sokongan berkaitan
- (2) **Tidak termasuk:**
- (a) instalasi kerangka utama dan komputer seumpamanya, lihat 33200
 - (b) pengaturcaraan komputer, lihat 62010
 - (c) perundingan komputer, lihat 62021
 - (d) pengurusan kemudahan komputer, lihat 62022
 - (e) prosesan data dan *hosting*, lihat 6311
- (3) **Termasuk:**
- (a) pemulihan kerosakan komputer
 - (b) instalasi komputer peribadi
 - (c) instalasi perisian

BAHAGIAN 63 AKTIVITI PERKHIDMATAN MAKLUMAT

Bahagian ini termasuk aktiviti carian web portal, prosesan data dan *hosting*, serta aktiviti lain pembekalan maklumat.

KUMPULAN 631 Aktiviti prosesan data, *hosting* dan aktiviti lain yang berkaitan; web portal

Kumpulan ini termasuk penyediaan infrastruktur untuk *hosting*, perkhidmatan prosesan data dan aktiviti lain yang berkaitan, serta menyediakan kemudahan carian dan portal lain untuk internet.

KUMPULAN 639 Aktiviti perkhidmatan maklumat lain

Kumpulan ini termasuk aktiviti agensi berita dan semua aktiviti perkhidmatan maklumat lain.

BAHAGIAN 63 : AKTIVITI PERKHIDMATAN MAKLUMAT**Kumpulan 631 : Aktiviti prosesan data, *hosting* dan yang berkaitan; web portal**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
6311		Aktiviti prosesan data, <i>hosting</i> dan yang berkaitan;	
	63111	Aktiviti penyediaan infrastruktur untuk <i>hosting</i> , perkhidmatan prosesan data dan aktiviti yang berkaitan ⁽¹⁾	72300p, 72400p
	63112	Aktiviti prosesan data ⁽²⁾	72300p, 72400p
6312		Web portal	
	63120	Web portal	64203p

- (1) **Termasuk:** web *hosting*, perkhidmatan *streaming* atau aplikasi *hosting*, membekalkan perkhidmatan aplikasi, kemudahan kerangka utama *general time-share* kepada pelanggan
- (2) **Termasuk:** prosesan yang lengkap dan laporan yang khusus dari data yang dibekalkan oleh pelanggan atau penyediaan data prosesan secara automatik dan perkhidmatan kemasukan data
- (3) **Termasuk:** operasi laman web yang menggunakan enjin carian untuk menghasil dan mengekalkan pangkalan data alamat internet dan kandungan yang meluas dalam format yang mudah dicari. Operasi laman web lain yang sentiasa dikemaskini, bertindak sebagai portal bagi internet seperti laman media

BAHAGIAN 63 : AKTIVITI PERKHIDMATAN MAKLUMAT**Kumpulan 639 : Aktiviti perkhidmatan maklumat lain**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
6391⁽¹⁾		Aktiviti agensi berita	
	63910	Aktiviti agensi dan sindiket berita	92201, 92209p
6399⁽²⁾		Aktiviti perkhidmatan maklumat lain t.t.t.l.	
	63990	Aktiviti perkhidmatan maklumat lain t.t.t.l.	74991p, 74999p

- (1) **Termasuk:** aktiviti agensi dan sindiket berita yang menyediakan berita, gambar dan maklumat media (cth. bernama)
- Tidak termasuk:**
- (a) aktiviti jurugambar wartawan bebas, lihat 74200
 - (b) aktiviti wartawan bebas, lihat 90005
 - (c) aktiviti perpustakaan dan arkib, lihat 9101
- (2) **Termasuk:**
- (a) perkhidmatan maklumat berasaskan telefon
 - (b) perkhidmatan carian maklumat secara kontrak atau yuran
 - (c) perkhidmatan keratan berita dan akhbar, dll.
- Tidak termasuk:** aktiviti pusat panggilan, lihat 82200



K



AKTIVITI KEWANGAN DAN INSURANS/TAKAFUL

- 64 Aktiviti perkhidmatan kewangan, kecuali insurans/takaful dan tabungan pencen**
- 65 Insurans/takaful, insurans/takaful semula dan tabungan pencen, kecuali keselamatan sosial berwajib**
- 66 Aktiviti sokongan kepada perkhidmatan kewangan dan aktiviti insurans/takaful**



K

BAHAGIAN K : AKTIVITI KEWANGAN DAN INSURANS/TAKAFUL

PERINGKAT	MSIC 2008 Ver. 1.0
BAHAGIAN	3
KUMPULAN	10
KELAS	18
PERKARA	64

Seksyen ini termasuk aktiviti perkhidmatan kewangan meliputi insurans, insurans semula, takaful, takaful semula dan aktiviti tabungan pencen, dan aktiviti sokongan kepada perkhidmatan kewangan.

Seksyen ini juga termasuk aktiviti pemegangan aset, seperti aktiviti syarikat pemegang dan aktiviti amanah, tabungan dan entiti kewangan seumpamanya.

**BAHAGIAN 64 AKTIVITI PERKHIDMATAN KEWANGAN, KECUALI INSURANS/TAKAFUL
DAN TABUNGAN PENCEN**

Bahagian ini termasuk aktiviti pemerolehan dan pengagihan semula tabung selain daripada untuk insurans/takaful atau tabungan pencen atau keselamatan sosial berwajib.

KUMPULAN 641 Perantaraan kewangan

Kumpulan ini termasuk perolehan tabung dalam bentuk deposit boleh pindah, contoh tabung yang telah ditetapkan dalam bentuk wang, dan diperoleh atas dasar harian dan di mana selain daripada urusan perbankan pusat, diperoleh daripada sumber bukan kewangan.

KUMPULAN 642 Aktiviti syarikat pemegang

Kumpulan ini termasuk aktiviti syarikat pemegang, iaitu unit yang memegang aset (memiliki tahap pengawalan ekuiti) kumpulan koperasi anak syarikat dan yang mana aktiviti utamanya memiliki kumpulan itu. Syarikat pemegang dalam kumpulan ini tidak menyediakan perkhidmatan lain kepada perniagaan yang mana ekuitinya dipegang, iaitu ia tidak mentadbir atau mengurus unit lain.

**KUMPULAN 643 Amanah, tabung dan entiti kewangan
seumpamanya**

Kumpulan ini termasuk entiti sah yang disusun untuk mengumpulkan sekuriti atau aset kewangan lain, tanpa menguruskan, bagi pihak pemegang saham atau benefisiari. Portfolio tersebut diperincikan untuk mencapai ciri-ciri pelaburan tertentu, seperti kepelbagaian, risiko, kadar pulangan, dan ketidaktentuan harga. Entiti ini mendapat faedah, dividen, dan pendapatan harta lain, tetapi sedikit atau tiada pekerjaan dan tiada pendapatan daripada jualan perkhidmatan.

**KUMPULAN 649 Aktiviti perkhidmatan kewangan lain, kecuali
insurans/takaful dan aktiviti tabungan pencen**

Kumpulan ini termasuk aktiviti perkhidmatan kewangan selain daripada yang diuruskan oleh institusi kewangan.

K

BAHAGIAN 64 : AKTIVITI PERKHIDMATAN KEWANGAN, KECUALI
INSURANS/TAKAFUL DAN TABUNGAN PENCEN
Kumpulan 641 : Perantaraan kewangan

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
6411		Perbankan pusat	
	64110	Perbankan pusat	65110
6419⁽¹⁾		Perantaraan kewangan lain	
	64191	Bank Perdagangan	65191p
	64192	Bank Islam	65191p
	64193	Bank Luar Pesisir Pantai ⁽²⁾	65192
	64194	Bank Pelaburan	65193
	64195	Institusi Pembangunan Kewangan (dengan fungsi pengambilan deposit) ⁽³⁾	65196, 65197
	64199	Perantaraan kewangan lain (dengan fungsi pengambilan deposit) t.t.t.l.	65194, 65195, 65199p, 67199p

- (1) **Tidak termasuk:** (a) institusi bukan deposit yang memberikan kredit bagi tujuan pembelian rumah, lihat 6492
 (b) aktiviti pemprosesan transaksi dan pembayaran kad kredit, lihat 6619
- (2) **Termasuk:** Bank Islam Luar Pesisir Pantai
- (3) **"Institusi Pembangunan Kewangan"** bermakna institusi yang mempunyai aktiviti, sama ada bagi tujuan keuntungan atau sebaliknya, dengan atau tanpa apa-apa tabungan kerajaan, dengan tujuan mempromosikan pembangunan dalam perindustrian, pertanian, komersil atau sektor ekonomi lain, termasuk peruntukan modal atau kemudahan kredit lain; dan bagi tujuan definisi ini, "pembangunan" termasuk permulaan perindustrian, pertanian, komersil baru atau usahasama ekonomi atau pengembangan atau penambahbaikan usahasama sedia ada.

"Institusi Pembangunan Kewangan dengan Fungsi Pengambilan Deposit" bermakna institusi pembangunan kewangan yang terutamanya terbabit dalam perantaraan kewangan dan isu tanggungan tersebut adalah termasuk dalam definisi nasional kepada "wang secara meluas". Tanggungan yang termasuk dalam wang secara meluas adalah terutamanya item deposit seperti deposit boleh pindah, simpanan deposit: terma deposit, dan sijil deposit.

"Institusi Pembangunan Kewangan Tanpa Fungsi Pengambilan Deposit" ialah institusi pembangunan kewangan lain yang tidak terkelas seperti di atas.

**BAHAGIAN 64 : AKTIVITI PERKHIDMATAN KEWANGAN, KECUALI
INSURANS/TAKAFUL DAN TABUNGAN PENCEN**

Kumpulan 642 : Aktiviti syarikat pemegang

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
6420 ⁽¹⁾		Aktiviti syarikat pemegang	
	64200	Aktiviti syarikat pemegang	65991p

- (1) **Termasuk:** aktiviti syarikat pemegang, iaitu unit yang memegang aset (memiliki tahap pengawalan ekuiti) kumpulan koperasi anak syarikat dan yang mana aktiviti utamanya memiliki kumpulan itu. Syarikat pemegang dalam kelas ini tidak menyediakan perkhidmatan lain kepada perniagaan yang mana ekuitinya dipegang, iaitu ia tidak mentadbir atau mengurus unit lain

Tidak termasuk: pengurusan aktif syarikat dan enterprise, perancangan strategik dan keputusan yang dibuat oleh syarikat, lihat 70100, 7020

BAHAGIAN 64 : AKTIVITI PERKHIDMATAN KEWANGAN, KECUALI
INSURANS/TAKAFUL DAN TABUNGAN PENCEN
Kumpulan 643 : Entiti amanah, tabung dan kewangan seumpamanya

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
6430 ⁽¹⁾		Entiti amanah, tabung dan kewangan seumpamanya	
	64301	Syarikat modal usahasama ⁽²⁾	65992p, 65994p
	64302	Unit tabung amanah tidak termasuk REITs	65994p
	64303	Harta unit amanah (REITs)	65994p
	64304	Pengurusan akaun amanah lain	k.b.
	64309	Entiti amanah, tabung dan kewangan seumpamanya t.t.t.l.	k.b.

- (1) **Tidak termasuk:**
- (a) tabung dan amanah yang memperoleh pendapatan daripada jualan barang dan perkhidmatan, lihat kelas MSIC dengan merujuk kepada aktiviti utamanya
 - (b) aktiviti syarikat pemegang, lihat 64200
 - (c) tabungan pencen, lihat 65301
 - (d) pengurusan tabung, lihat 6630
- (2) **Termasuk:** dana modal usahasama

BAHAGIAN 64 : AKTIVITI PERKHIDMATAN KEWANGAN, KECUALI INSURANS/TAKAFUL DAN TABUNGAN PENCEN

Kumpulan 649 : Aktiviti perkhidmatan kewangan lain, kecuali insurans/takaful dan aktiviti tabungan pencen

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
6491⁽¹⁾		Pajakan kewangan	
	64910	Aktiviti pajakan kewangan ⁽²⁾	65910
6492⁽³⁾		Pemberian kredit lain	
	64921	Institusi pembangunan kewangan (tanpa fungsi pengambilan deposit) ⁽⁴⁾	65929p
	64922	Perkhidmatan kad kredit	65922
	64923	Aktiviti peminjaman wang berlesen	k.b.
	64924	Kedai pajak gadai dan tukang pajak termasuk Ar-Rahnu	52403, 65929p
	64925	Koperasi dengan fungsi kredit	65191p
	64929	Pemberian kredit lain t.t.t.l.	65929p

- K**
- (1) **Tidak termasuk:** pajakan operasi, lihat bahagian 77, merujuk kepada jenis barang yang dipajak
 - (2) **Termasuk:** pajakan di mana terma tersebut hampir meliputi jangkaan hayat aset dan pemajak memerlukan dengan banyak keseluruhan faedah penggunaannya dan mengambil semua risiko yang berkaitan dengan pemilikannya
 - (3) **Tidak termasuk:**
 - (a) pemberian kredit bagi tujuan pembelian rumah oleh institusi khusus yang juga mengambildeposit, lihat 6419
 - (b) pajakan operasi, lihat bahagian 77, merujuk kepada jenis barang yang dipajak
 - (4) **"Institusi Pembangunan Kewangan Tanpa Fungsi Pengambilan Deposit"** adalah Institusi pembangunan kewangan lain yang tidak terkelas dalam **"Institusi Pembangunan Kewangan Dengan Fungsi Pengambilan Deposit"**

BAHAGIAN 64 : AKTIVITI PERKHIDMATAN KEWANGAN, KECUALI INSURANS/TAKAFUL DAN TABUNGAN PENCEN
Kumpulan 649 : Aktiviti perkhidmatan kewangan lain, kecuali insurans/takaful dan aktiviti tabungan pencen

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
6499⁽¹⁾		Aktiviti perkhidmatan kewangan lain, kecuali insurans/takaful dan aktiviti tabungan pencen, t.t.t.l.	
	64991	Syarikat pemfaktoran	65921
	64992	Wakil pejabat bank asing	k.b.
	64993	Syarikat nomini	65993p
	64999	Aktiviti perkhidmatan kewangan lain, kecuali insurans/takaful dan tabungan pencen, t.t.t.l.	65199p

- (1) **Tidak termasuk:**
- (a) pajakan kewangan, lihat 64910
 - (b) perdagangan sekuriti bagi pihak orang lain, lihat 66121
 - (c) perdagangan, pajakan dan penyewaan hartanah, lihat bahagian 68
 - (d) pengumpulan bil pembelian tanpa hutang, lihat 82910
 - (e) aktiviti pemberian geran oleh organisasi ahli, lihat 94990

BAHAGIAN 65 INSURANS/TAKAFUL, INSURANS /TAKAFUL SEMULA DAN TABUNGAN PENCEN, KECUALI KESELAMATAN SOSIAL BERWAJIB

Bahagian ini termasuk anuiti menaja jamin dan sijil insurans polisi/takaful dan melaburkan premium/sumbangan untuk membina portfolio aset kewangan bagi tujuan tuntutan masa hadapan. Termasuk juga adalah peruntukan insurans/takaful langsung dan insurans/takaful semula.

KUMPULAN 651 Insurans/Takaful

Kumpulan ini termasuk insurans hayat/takaful keluarga dan insurans semula hayat/takaful semula keluarga dengan atau tanpa elemen simpanan yang kukuh dan insurans bukan-hayat /takaful bukan keluarga lain.

KUMPULAN 652 Insurans/Takaful Semula

Kumpulan ini termasuk aktiviti pengadaian semua atau sebahagian risiko yang berkait dengan insurans polisi/takaful sijil sedia ada yang pada asalnya ditaja jamin oleh pembawa insurans/takaful lain.

KUMPULAN 653 Tabungan pencen dan tabungan hemat

Kumpulan ini termasuk entiti sah (spt. tabung, pelan dan/atau program) diatur untuk menyediakan faedah pendapatan persaraan khusus untuk pekerja penganjur atau ahli. Ini termasuk pelan pencen dengan faedah tertentu, serta pelan individu di mana faedah ditakrifkan melalui sumbangan ahli.

**BAHAGIAN 65 : INSURANS/TAKAFUL, INSURANS/TAKAFUL SEMULA DAN
TABUNGAN PENCEN, KECUALI KESELAMATAN SOSIAL BERWAJIB**
Kumpulan 651 : Insurans/Takaful

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
6511		Insurans/Takaful	
	65111	Insurans Hayat	66010p
	65112	Takaful keluarga	66010p
6512		Insurans am	
	65121	Insurans am	66031p, 66032p, 66033p, 66034p, 66035p
	65122	Takaful am	66031p, 66032p, 66033p, 66034p, 66035p
	65123	Insurans komposit	k.b.
	65124	Insurans luar pesisir pantai	k.b.
	65125	Takaful luar pesisir pantai ⁽¹⁾	k.b.

(1) **Termasuk:** Operator Takaful Antarabangsa

K

**BAHAGIAN 65 : INSURANS/TAKAFUL, INSURANS/TAKAFUL SEMULA DAN
TABUNGAN PENCEN, KECUALI KESELAMATAN SOSIAL BERWAJIB**
Kumpulan 652 : Insurans/Takaful Semula

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
6520		Insurans/Takaful Semula	
	65201	Insurans semula hayat	66010p
	65202	Takaful semula keluarga	66010p
	65203	Insurans semula am	66031p
	65204	Takaful semula am	66031p, 66032p, 66033p, 66034p, 66035p
	65205	Takaful semula komposit	66039p
	65206	Insurans semula luar pesisir pantai	66039p
	65207	Takaful semula luar pesisir pantai	66039p

**BAHAGIAN 65 : INSURANS/TAKAFUL, INSURANS/TAKAFUL SEMULA DAN
TABUNGAN PENCEN, KECUALI KESELAMATAN SOSIAL BERWAJIB**
Kumpulan 653 : Tabungan pencen dan hemat

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
6530⁽¹⁾		Tabungan pencen dan hemat	
	65301	Tabungan pencen ⁽²⁾	66022p
	65302	Tabungan hemat	66021

- (1) **Termasuk:** (a) pelan faedah pekerja
 (b) tabung dan pelan pencen
 (c) pelan persaraan
 (d) keselamatan sosial tidak berwajib
- Tidak termasuk:** (a) pengurusan tabung pencen, lihat 6630
 (b) skim keselamatan sosial berwajib, lihat 84300
- (2) **Termasuk:** anuiti swasta

**BAHAGIAN 66 AKTIVITI SOKONGAN KEPADA PERKHIDMATAN KEWANGAN DAN
AKTIVITI INSURANS/TAKAFUL**

Bahagian ini termasuk peruntukan perkhidmatan yang terlibat atau hampir serupa dengan aktiviti perkhidmatan kewangan, tetapi bukan yang menyediakan perkhidmatan kewangan. Pecahan utama bahagian ini ialah merujuk kepada jenis transaksi kewangan atau tabungan yang disediakan.

**KUMPULAN 661 Aktiviti sokongan kepada aktiviti perkhidmatan
kewangan, kecuali insurans/takaful dan tabungan
pencen**

Kumpulan ini termasuk pembekalan tempat pasaran fizikal atau elektronik bagi tujuan memudahkan belian dan jualan stok, tawaran stok, bon atau kontrak komoditi.

**KUMPULAN 662 Aktiviti sokongan kepada insurans/takaful dan
tabungan pencen**

Kumpulan ini termasuk bertindak sebagai ejen (spt. broker) dalam jualan anuiti dan polisi insurans/takaful atau menyediakan faedah pekerja lain dan insurans/takaful dan perkhidmatan persaraan yang berkaitan seperti penyesuaian tuntutan dan pentadbiran pihak ketiga.

KUMPULAN 663 Aktiviti pengurusan tabung

Kumpulan ini termasuk portfolio dan aktiviti pengurusan tabung berasaskan bayaran atau kontrak, untuk individu, perniagaan dan lain-lain.

BAHAGIAN 66 : AKTIVITI SOKONGAN KEPADA PERKHIDMATAN KEWANGAN DAN AKTIVITI INSURANS/TAKAFUL

Kumpulan 661 : Aktiviti sokongan kepada aktiviti perkhidmatan kewangan, kecuali insurans/takaful dan tabungan pencen

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
6611		Pentadbiran pasaran kewangan	
	66111	Bursa saham	67110p
	66112	Bursa untuk kontrak komoditi	67110p
	66113	Bursa sekuriti	67110p
	66114	Bursa kontrak komoditi masa hadapan	67110p
	66119	Pentadbiran pasaran kewangan t.t.t.l.	67110p
6612⁽¹⁾		Pembrokeran sekuriti dan kontrak komoditi	
	66121	Broker stok, saham dan bon	67121
	66122	Broker dan peniaga komoditi	67122
	66123	Peniaga jongkong emas	67123
	66124	Broker dan peniaga tukaran wang asing (Bureaux de change)	67191
	66125	Perkhidmatan pengurup wang	67199p
	66129	Broker dan peniaga kewangan dan komoditi masa hadapan lain	67129
6619⁽²⁾		Aktiviti sokongan kepada aktiviti perkhidmatan kewangan lain	
	66191	Perkhidmatan penasihat pelaburan	67199p
	66192	Perkhidmatan perundingan kewangan	67192
	66199	Aktiviti sokongan kepada kewangan t.t.t.l.	67199p

- (1) **Tidak termasuk:** (a) perdagangan dalam pasaran untuk akaun sendiri, lihat 6499
(b) pengurusan portfolio, berasaskan bayaran atau kontrak, lihat 6630
- (2) **Tidak termasuk:** (a) aktiviti ejen insurans dan broker, lihat 6622
(b) pengurusan tabung, lihat 6630

BAHAGIAN 66 : AKTIVITI SOKONGAN KEPADA PERKHIDMATAN KEWANGAN DAN AKTIVITI INSURANS/TAKAFUL

Kumpulan 662 : Aktiviti sokongan kepada insurans/takaful dan tabungan pencen

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
6621⁽¹⁾		Penilaian risiko dan kerosakan	
	66211	Perkhidmatan penyesuaian insurans	67202p
	66212	Perkhidmatan penyesuaian takaful	67202p
6622		Aktiviti ejen dan broker insurans/takaful	
	66221	Ejen insurans	67201p
- (1) **Tidak termasuk:** aktiviti teater persendirian atau agen atau agensi artistik, lihat 74909
- (2) **Termasuk:**
- (a) menyenaraikan kekosongan pekerjaan dan merujuk atau menempatkan permohonan untuk pekerjaan, yang mana individu yang dirujuk atau ditempatkan bukanlah pekerja kepada agensi pekerjaan
 - (b) aktiviti mencari personel, rujukan pemilihan dan penempatan, termasuk pemilihan dan penempatan eksekutif
 - (c) aktiviti agensi pemilihan dan ujibakat
 - (d) aktiviti agensi pencarian pekerjaan secara *on-line*

BAHAGIAN 78 : AKTIVITI PEKERJAAN**Kumpulan 782 : Aktiviti agensi pekerjaan sementara**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
7820		Aktiviti agensi pekerjaan sementara	
	78200	Aktiviti agensi pekerjaan sementara ⁽¹⁾	74910p

- (1) **Termasuk:** membekal pekerja kepada pemiagaan pelanggan bagi jangka masa terhad sebagai gantian atau tambahan kepada tenaga kerja secara sementara, yang mana individu yang dibekalkan adalah pekerja dari unit khidmat bantuan sementara, tetapi tidak menyelia pekerja mereka secara langsung di tempat pelanggan

BAHAGIAN 78 : AKTIVITI PEKERJAAN**Kumpulan 783 : Penyediaan sumber manusia lain**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
7830 ⁽¹⁾		Penyediaan sumber manusia lain	
	78300	Penyediaan sumber manusia kepada perniagaan pelanggan	74910p
(1)	Tidak termasuk:	(a) menyedia sumber manusia berserta penyeliaan atau menjalankan (perniagaan, lihat kelas dalam aktiviti ekonomi berkaitan (b) menyedia sumber manusia bagi mengganti atau menambah tenaga kerja secara sementara kepada pelanggan, lihat 78200	

BAHAGIAN 79 AGENSI PENGEMBARAAN, OPERATOR PELANCONGAN, KHIDMAT PENEMPAHAN DAN AKTIVITI BERKAITAN

Bahagian ini termasuk aktiviti menjual perkhidmatan pengembaraan, pelancongan, pengangkutan dan penginapan kepada umum dan pelanggan komersil serta aktiviti mengatur dan merancang pelancongan yang dijual melalui agensi pengembaraan atau secara terus oleh agen seperti operator pelancongan, serta perkhidmatan yang berkaitan dengan pelancongan termasuk perkhidmatan penempahan. Termasuk juga ialah aktiviti pemandu pelancong dan promosi pelancongan.

KUMPULAN 791 Aktiviti agensi pengembaraan dan operator pelancongan

Kumpulan ini termasuk aktiviti agensi terutamanya dalam menjual perkhidmatan pengembaraan, pelancongan, pengangkutan dan penginapan kepada umum atau pelanggan komersil serta aktiviti mengatur dan merancang pelancongan yang dijual melalui agensi pengembaraan atau secara terus oleh agen seperti agen pelancongan.

KUMPULAN 799 Aktiviti khidmat penempahan lain dan aktiviti berkaitan

Kumpulan ini termasuk penyediaan perkhidmatan penempahan lain yang berkaitan dengan pengembaraan seperti penempahan pengangkutan, hotel, restoran, kereta sewa, hiburan dan sukan, dll; penyediaan perkhidmatan pertukaran kongsi masa, aktiviti menjual tiket teater, sukan dan acara hiburan lain; penyediaan perkhidmatan bantuan pelancong seperti penyediaan maklumat pelancongan kepada pelancong dan aktiviti pemandu pelancong; aktiviti promosi pelancongan.

BAHAGIAN 79 : AGENSI PENGEMBARAAN, OPERATOR PELANCONGAN, KHIDMAT PENEMPAHAN DAN AKTIVITI BERKAITAN

Kumpulan 791 : Aktiviti agensi pengembaraan dan operator pelancongan

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
7911		Aktiviti agensi pengembaraan	
	79110	Aktiviti agensi pengembaraan ⁽¹⁾	63041p
7912		Aktiviti operator pelancongan	
	79120	Aktiviti operator pelancongan ⁽²⁾	63041p

- (1) **Termasuk:** aktiviti agensi yang terlibat dalam menjual perkhidmatan pengembaraan, pelancongan, pengangkutan dan penginapan atas dasar jualan borong atau runcit kepada umum dan pelanggan komersil
- (2) **Termasuk:** aktiviti mengatur dan merancang pakej pelancongan yang dijual melalui agensi pengembaraan atau secara terus oleh operator pelancongan; termasuk juga aktiviti oleh pemandu pelancong

BAHAGIAN 79 : AGENSI PENGEMBARAAN, OPERATOR PELANCONGAN, KHIDMAT PENEMPAHAN DAN AKTIVITI BERKAITAN

Kumpulan 799 : Khidmat penempahan lain dan aktiviti berkaitan

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
7990⁽¹⁾		Khidmat penempahan dan aktiviti berkaitan	
	79900	Khidmat penempahan dan aktiviti berkaitan ⁽²⁾	63042, 63049p, 75137p, 92149p, 92199p, 92419p
(1)	Tidak termasuk:	(a) aktiviti agensi pengembaraan lihat 79110 dan operator pelancongan, lihat 79120 (b) mengelola dan mengurus acara seperti mesyuarat, konvensyen dan persidangan, lihat 8230	
(2)	Termasuk:	(a) aktiviti promosi dan pemasaran perkhidmatan konvensyen dan pelancongan melalui penyediaan maklumat dan bantuan kepada organisasi untuk mencari tempat penginapan (b) pusat konvensyen dan tempat hiburan (c) perkhidmatan pertukaran kongsi masa kondominium (d) aktiviti agensi penjualan tiket (e) perkhidmatan penempahan lain yang berkaitan dengan pelancongan (f) perkhidmatan penempahan teksi/limosin (g) promosi pelancongan (h) penjualan tiket untuk acara teater, hiburan dan sukan	

BAHAGIAN 80 AKTIVITI KESELAMATAN DAN PENYIASATAN

Bahagian ini termasuk perkhidmatan berkaitan keselamatan seperti: perkhidmatan detektif dan penyiasatan, perkhidmatan pengawal dan rondaan, mengambil dan menghantar duit, resit atau barang berharga dengan kakitangan dan kelengkapan untuk melindungi semasa perjalanan; operasi sistem penggera keselamatan elektronik, seperti penggera kecurian dan kebakaran, di mana aktiviti ini tertumpu kepada sistem pengawasan kawalan jauh, tetapi selalunya melibatkan khidmat jualan, pemasangan dan pembaikan. Jika komponen dibekalkan secara berasingan, ia tidak termasuk di dalam bahagian ini dan diklasifikasikan di dalam jualan runcit, pembinaan, dll.

KUMPULAN 801 Aktiviti keselamatan persendirian

Kumpulan ini termasuk agensi yang menyediakan satu atau lebih aktiviti seperti: aktiviti kawalan dan rondaan, mengambil dan menghantar duit, resit atau barangan berharga dengan kakitangan dan kelengkapan untuk melindungi semasa perjalanan.

KUMPULAN 802 Aktiviti perkhidmatan sistem keselamatan

Kumpulan ini termasuk pengawasan dan pengawasan kawalan jauh sistem penggera keselamatan elektronik, seperti penggera kecurian dan kebakaran, termasuk juga penyelenggaraan dan pemasangan, pembaikan, pembinaan semula dan penyelarasan alat kunci mekanikal atau elektronik, peti simpanan dan peti keselamatan.

Unit yang menjalankan aktiviti ini mungkin juga terlibat dalam penjualan sistem keselamatan, sistem kunci mekanikal atau elektronik, peti simpanan dan peti keselamatan.

KUMPULAN 803 Aktiviti penyiasatan

Kumpulan ini termasuk perkhidmatan penyiasatan dan detektif, dan aktiviti kesemua penyiasat persendirian, bebas untuk kesemua jenis pelanggan atau tujuan penyiasatan.

BAHAGIAN 80 : AKTIVITI KESELAMATAN DAN PENYIASATAN
Kumpulan 801 : Aktiviti keselamatan persendirian

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8010 ⁽¹⁾		Aktiviti keselamatan persendirian	
	80100	Aktiviti keselamatan persendirian ⁽²⁾	74920p

- (1) **Tidak termasuk:** aktiviti keselamatan dan ketenteraman awam, lihat 8423
- (2) **Termasuk:** agensi yang menyediakan satu atau lebih aktiviti seperti: aktiviti kawalan dan rondaan, mengambil dan menghantar duit, resit atau barangan berharga dengan kakitangan dan kelengkapan untuk melindungi semasa perjalanan (cth perkhidmatan kereta berperisai, perkhidmatan pengawal peribadi, perkhidmatan poligraf, perkhidmatan cap jari dan perkhidmatan pengawal keselamatan)

BAHAGIAN 80 : AKTIVITI KESELAMATAN DAN PENYIASATAN**Kumpulan 802 : Aktiviti perkhidmatan sistem keselamatan**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8020⁽¹⁾		Aktiviti perkhidmatan sistem keselamatan	
	80200	Aktiviti perkhidmatan sistem keselamatan ⁽²⁾	74920p
(1)	Tidak termasuk:	(a) pemasangan sistem keselamatan, lihat 43216 (b) penjualan sistem keselamatan, alat kunci mekanikal atau elektronik, peti simpanan dan peti keselamatan, tanpa pengawasan, pemasangan dan penyelenggaraan, lihat 47597 (c) perunding keselamatan, lihat 74903 (d) aktiviti keselamatan dan ketenteraman awam, lihat 8423 (e) perkhidmatan penyediaan kunci pendua, lihat 95299	
(2)	Termasuk:	(a) aktiviti penjualan, pengawasan atau pengawasan kawalan jauh oleh sistem penggera keselamatan (cth: penggera kecurian dan kebakaran), termasuk penyelenggaraan (b) aktiviti penjualan, pemasangan, pembaikan, pembinaan semula dan penyelarasan alat kunci mekanikal atau elektronik, peti simpanan dan peti keselamatan	

BAHAGIAN 80 : AKTIVITI KESELAMATAN DAN PENYIASATAN**Kumpulan 803 : Aktiviti penyiasatan**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8030		Aktiviti penyiasatan	
	80300	Aktiviti detektif dan penyiasatan ⁽¹⁾	74920p

- (1) **Termasuk:** aktiviti penyiasatan persendirian, bebas untuk semua jenis pelanggan atau tujuan penyiasatan

BAHAGIAN 81 **AKTIVITI PERKHIDMATAN BANGUNAN DAN LANDSKAP**

Bahagian ini termasuk penyediaan beberapa perkhidmatan sokongan awam seperti penyediaan sokongan gabungan pelbagai kemudahan pelanggan, pembersihan luaran dan dalaman semua jenis bangunan, pembersihan mesin industri, pembersihan keretapi, bas, kapal terbang, dll, pembersihan tangki lori dan kapal, aktiviti disinfeksi dan penghapusan untuk bangunan, kapal, keretapi, dll, pembersihan botol, menyapu jalan, pengalihan salji dan ais, penyediaan perkhidmatan penjagaan dan penyelenggaraan landskap dan penyediaan perkhidmatan yang berkaitan dengan perancangan merekabentuk lanskap dan/atau pembinaan (cth pemasangan) laluan penjalan kaki, dinding penghadang, dek kapal, pagar, kolam dan struktur yang seumpamanya.

KUMPULAN 811 Aktiviti sokongan gabungan pelbagai kemudahan

Kumpulan ini termasuk penyediaan aktiviti sokongan gabungan pelbagai kemudahan di dalam kemudahan pelanggan seperti pembersihan dalaman, penyelenggaraan, pelupusan sampah, kawalan dan keselamatan, pergerakan mel, penyambut tetamu, dobi dan perkhidmatan berkaitan sebagai sokongan operasi dalam kemudahan.

Unit ini dikelaskan hanya menyediakan pekerja operasi untuk menjalankan aktiviti sokongan tetapi tidak terlibat dengan/atau bertanggungjawab terhadap perniagaan atau aktiviti utama pelanggan.

KUMPULAN 812 Aktiviti pembersihan

Kumpulan ini termasuk aktiviti pembersihan dalaman semua jenis bangunan, pembersihan luaran bangunan, aktiviti pembersihan khusus untuk bangunan atau aktiviti pembersihan khusus lain, pembersihan mesin industri, pembersihan tangki lori dan kapal, aktiviti disinfeksi dan penghapusan untuk bangunan dan mesin industri, pembersihan botol, menyapu jalan, pengalihan salji dan ais.

Kumpulan ini tidak termasuk kawalan haiwan perosak untuk pertanian (pertanian), pembersihan menggunakan stim, *sand blasting* dan aktiviti seumpamanya untuk kawasan luar bangunan (pembinaan), pencucian permaidani dan ambal, pencucian langsir dan tabir (aktiviti perkhidmatan lain) dan pembersihan bangunan yang baru siap dibina (Pembinaan).

KUMPULAN 813 Aktiviti perkhidmatan penjagaan dan penyelenggaraan landskap

Kumpulan ini termasuk penanaman, penjagaan dan penyelenggaraan taman di kawasan perumahan awam dan persendirian, bangunan awam dan separuh awam (sekolah, hospital, bangunan pentadbiran, gereja), kawasan majlis perbandaran (taman, kawasan hijau, tanah perkuburan dsb.), lebuh raya (jalan, landasan keretapi dan landasan trem, terusan, pelabuhan) dan bangunan komersil dan industri; penghijauan untuk bangunan (taman di atas bumbung, hadapan dan dalam bangunan), lapangan sukan (cth: padang bola, padang golf, dsb), taman permainan, laman untuk berjemur dan taman rekreasi lain, kawasan air (takungan, kolam, kolam renang, longkang, anak sungai, sistem perparitan loji) dan tumbuhan untuk perlindungan terhadap bunyi, angin, hakisan, penglihatan dan silau dan penyelenggaraan tanah agar berkeadaan baik untuk ekologi.

BAHAGIAN 81 : AKTIVITI PERKHIDMATAN BANGUNAN DAN LANSKAP
Kumpulan 811 : Aktiviti sokongan gabungan pelbagai kemudahan

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8110 ⁽¹⁾		Aktiviti sokongan gabungan pelbagai kemudahan	
	81100	Aktiviti sokongan gabungan pelbagai kemudahan ⁽²⁾	70200p, 75140p

- (1) **Tidak termasuk:**
- (a) peruntukan kepada hanya satu perkhidmatan sokongan (cth. perkhidmatan pembersihan dalaman am) atau penyediaan fungsi tunggal (cth. pemanasan), lihat kelas yang bersesuaian dengan perkhidmatan yang disediakan
 - (b) penyediaan pekerja operasi dan pengurusan untuk melaksanakan sepenuhnya operasi sesebuah pertubuhan pelanggan (cth. hotel, restoran, lombong atau hospital), lihat pengelasan unit operasi
 - (c) penyediaan pengurusan dan operasi di tapak untuk kemudahan system komputer dan/atau pemprosesan data pelanggan, lihat 6202
 - (d) operasi baik pulih kemudahan berdasarkan kontrak atau yuran, lihat 84239
- (2) **Termasuk:**
- (a) penyediaan aktiviti sokongan gabungan pelbagai kemudahan di dalam kemudahan pelanggan (cth. pembersihan dalaman, penyelenggaraan, pelupusan sampah, kawalan dan keselamatan, pergerakan mel, penyambut tetamu, dobi) dan perkhidmatan berkaitan sebagai sokongan operasi di dalam kemudahan tetapi tidak terlibat dengan/atau bertanggungjawab terhadap perniagaan atau aktiviti utama pelanggan, pengurusan kemudahan, seperti markas tentera, penjara dan kemudahan lain (kecuali pengurusan kemudahan komputer)
 - (b) operasi bangunan dimiliki atau didiami oleh kerajaan

BAHAGIAN 81 : AKTIVITI PERKHIDMATAN BANGUNAN DAN LANSKAP
Kumpulan 812 : Aktiviti pembersihan

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8121⁽¹⁾		Pembersihan am bangunan	
	81210	Pembersihan am bangunan	74931p
8129⁽²⁾		Aktiviti pembersihan bangunan dan perindustrian lain	
	81291	Pembersihan semua jenis bangunan	74931p
	81292	Perkhidmatan pembersihan dan penyelenggaraan kolam renang	74931p
	81293	Pembersihan mesin perindustrian	n.c.
	81294	Pembersihan keretapi, bas dan kapal terbang	50202p
	81295	Perkhidmatan pembersihan kawalan haiwan perosak yang tiada kaitan dengan pertanian	n.c.
	81296	Aktiviti disinfeksi dan penghapusan	74932
	81297	Pembersihan kapal tangki	n.c.
	81299	Aktiviti pembersihan bangunan dan perindustrian t.t.t.l. ⁽³⁾	74931p, 90002p

- (1) **Tidak termasuk:** perkhidmatan pembersihan dalaman yang khusus (cth: pembersihan serombong dan pembersihan tempat perdiangan, relau, pembakar, dandang, saluran pengaliran udara dan unit ekzos), lihat 8129
- (2) **Tidak termasuk:** (a) kawalan haiwan perosak pertanian, lihat 01610
 (b) pembersihan pembentungan dan longkang, lihat 37000
 (c) pembersihan kenderaan, membasuh kereta, lihat 45203
- (3) **Termasuk:** menyapu dan menyiram air di jalan awam

BAHAGIAN 81 : AKTIVITI PERKHIDMATAN BANGUNAN DAN LANDSKAP**Kumpulan 813 : Aktiviti perkhidmatan penjagaan dan penyelenggaraan landskap**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8130 ⁽¹⁾		Aktiviti perkhidmatan penjagaan dan penyelenggaraan landskap	
	81300	Aktiviti perkhidmatan penjagaan dan penyelenggaraan landskap ⁽²⁾	01400p
(1)	Tidak termasuk:	(a) pengeluaran komersil dan penanaman untuk pengeluaran tanaman dan pokok secara komersil, lihat bahagian 01, 02 (b) tapak semaian (kecuali tapak semaian pokok hutan), lihat 01304 (c) penyelenggaraan tanah agar berkeadaan baik untuk tujuan pertanian, lihat 01610 (d) aktiviti pembinaan untuk tujuan landskap, lihat seksyen F (e) aktiviti merekabentuk dan arkitek landskap, lihat 7110 (f) operasi taman botani, lihat 91031	
(2)	Termasuk:	(a) penanaman, penjagaan dan penyelenggaraan taman di kawasan perumahan awam dan persendirian, bangunan awam dan separuh awam (sekolah, hospital, bangunan pentadbiran dsb), kawasan majlis perbandaran (taman, kawasan hijau, tanah perkuburan dsb.), lebuh raya (jalan, landasan keretapi dan landasan trem, terusan, pelabuhan) dan bangunan komersil dan industri (b) penghijauan untuk bangunan (taman di atas bumbung, hadapan dan dalam bangunan) (c) penghijauan untuk lapangan sukan (cth: padang bola, padang golf, dsb), taman permainan, laman untuk berjemur dan taman rekreasi lain (d) penghijauan kawasan air (takungan, kolam, kolam renang, longkang, anak sungai, sistem perparitan loji) (e) tumbuhan untuk perlindungan terhadap bunyi, angin, hakisan, penglihatan dan silau dan penyelenggaraan tanah agar berkeadaan baik untuk pertanian dan ekologi (f) aktiviti perkhidmatan rekabentuk dan pembinaan sampingan	

BAHAGIAN 82 AKTIVITI PENGURUSAN PEJABAT, SOKONGAN PEJABAT DAN SOKONGAN PERNIAGAAN LAIN

Bahagian ini termasuk penyediaan perkhidmatan pengurusan pejabat seharian, dan rutin fungsi sokongan perniagaan yang berterusan untuk pihak lain, berdasarkan kontrak atau yuran.

Bahagian ini juga termasuk semua aktiviti perkhidmatan sokongan kebiasaannya disediakan untuk perniagaan yang tidak terkelas di tempat lain.

Unit yang diklasifikasikan di bahagian ini tidak menyediakan pekerja operasi untuk menjalankan keseluruhan operasi perniagaan.

KUMPULAN 821 Aktiviti pengurusan dan sokongan pejabat

Kumpulan ini termasuk penyediaan pelbagai perkhidmatan pengurusan pejabat seharian, seperti perancang kewangan, penyimpanan bil dan rekod, pengagihan pekerja dan fizikal dan logistik untuk pihak lain berdasarkan kontrak atau yuran.

Kumpulan ini juga termasuk aktiviti sokongan yang dilakukan bagi pihak lain berdasarkan kontrak atau yuran, di mana secara tradisi rutin fungsi sokongan bagi perniagaan dan organisasi ini dilakukan sendiri.

Unit yang diklasifikasikan di kumpulan ini tidak menyediakan pekerja operasi untuk menjalankan keseluruhan operasi perniagaan. Unit yang melibatkan hanya satu aktiviti khusus, diklasifikasi mengikut aktiviti berkenaan.

KUMPULAN 822 Aktiviti pusat panggilan

Kumpulan ini termasuk aktiviti pusat panggilan setempat, menjawab panggilan pelanggan menggunakan operator, pengagihan panggilan automatik, integrasi telefon berkomputer, sistem jawapan suara berinteraktif, atau kaedah yang seumpamanya dalam menerima pesanan, menyediakan maklumat produk, melayan permintaan bantuan pelanggan atau mencatatkan aduan pelanggan dan pusat panggilan luar kawasan menggunakan kaedah yang seumpamanya untuk menjual atau memasarkan produk kepada pelanggan yang berpotensi, melaksanakan kajian pasaran atau tinjauan pendapat umum dan aktiviti yang seumpamanya.

KUMPULAN 823 Pengurusan konvensyen dan pameran perdagangan

Kumpulan ini termasuk mengurus, mempromosi dan/atau mengendalikan acara seperti pameran perniagaan dan perdagangan, konvensyen, persidangan dan mesyuarat, sama ada atau tidak melibatkan pengurusan dan penyediaan pegawai untuk mengendalikan kemudahan di mana acara itu berlangsung.

KUMPULAN 829 Aktiviti perkhidmatan sokongan perniagaan t.t.t.l.

Kumpulan ini meliputi aktiviti agensi kutipan, biro kredit dan semua aktiviti sokongan khusus biasanya disediakan untuk perniagaan yang tidak terkelas di tempat lain.

BAHAGIAN 82 : AKTIVITI PENGURUSAN PEJABAT, SOKONGAN PEJABAT DAN SOKONGAN PERNIAGAAN LAIN

Kumpulan 821 : Aktiviti pengurusan dan sokongan pejabat

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8211 ⁽¹⁾		Gabungan aktiviti perkhidmatan pengurusan pejabat	
	82110	Gabungan aktiviti perkhidmatan pengurusan pejabat ⁽²⁾	74999p
(1)	Tidak termasuk:	(a) penyediaan pekerja operasi untuk melaksanakan sepenuhnya operasi sesebuah perniagaan, lihat kelas bagi perniagaan/aktiviti yang dijalankan (b) penyediaan hanya untuk menjalankan satu aktiviti khusus sahaja, lihat kelas bagi aktiviti khusus berkenaan	
(2)	Termasuk:	penyediaan gabungan perkhidmatan pengurusan pejabat seharian, seperti penyambut tetamu, perancang kewangan, penyimpanan bil dan rekod, pengagihan pekerja dan pengedaran mel dan logistik untuk pihak lain berdasarkan kontrak atau yuran	

BAHAGIAN 82 : AKTIVITI PENGURUSAN PEJABAT, SOKONGAN PEJABAT DAN SOKONGAN PERNIAGAAN LAIN

Kumpulan 821 : Aktiviti pengurusan dan sokongan pejabat

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8219 ⁽¹⁾		Aktiviti fotokopi, penyediaan dokumen dan lain-lain aktiviti sokongan pejabat khusus	
	82191	Penyediaan dokumen, penyuntingan dan/atau membaca pruf	74999p
	82192	Menaip, <i>word processing</i> atau <i>desktop publishing</i> ⁽²⁾	74999p
	82193	Perkhidmatan sokongan kesetiausahaan	74999p
	82194	Transkripsi dokumen dan perkhidmatan kesetiausahaan lain	74999p
	82195	Penyediaan penyewaan peti surat dan perkhidmatan mel lain	64110p, 74992p
	82196	Fotokopi, pendua, bluprint ⁽³⁾	74994
	82199	Aktiviti fotokopi, penyediaan dokumen dan lain-lain aktiviti sokongan pejabat khusus t.t.t.l.	74999p

- (1) **Tidak termasuk:**
- (a) pencetakan dokumen (pencetakan ofset, cepat, dll.), lihat 18110
 - (b) pengiklanan secara mel, lihat 73100
 - (c) perkhidmatan jurutrengkas khusus seperti laporan mahkamah, lihat 82990
 - (d) perkhidmatan trengkas awam, lihat 82990
- (2) **Termasuk:** penulisan surat atau *resume*, usul, tugas dan laboran
- (3) **Termasuk:** perkhidmatan fotokopi dokumen tanpa menyediakan perkhidmatan mencetak seperti pencetakan ofset, cepat, digital dan pracetak

BAHAGIAN 82 : AKTIVITI PENGURUSAN PEJABAT, SOKONGAN PEJABAT DAN SOKONGAN PERNIAGAAN LAIN

Kumpulan 822 : Aktiviti pusat panggilan

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8220		Aktiviti pusat panggilan	
	82200	Aktiviti pusat panggilan ⁽¹⁾	74991p

- (1) **Termasuk:**
- (a) aktiviti pusat panggilan setempat, menjawab panggilan pelanggan menggunakan operator, pengagihan panggilan automatik, integrasi telefon berkomputer, sistem jawapan suara berinteraktif, atau kaedah yang seumpamanya dalam menerima pesanan, menyediakan maklumat produk, melayan permintaan bantuan pelanggan atau mencatatkan aduan pelanggan
 - (b) aktiviti pusat panggilan luar kawasan menggunakan kaedah yang seumpamanya untuk menjual atau memasarkan produk kepada pelanggan yang berpotensi, melaksanakan kajian pasaran atau tinjauan pendapat umum dan aktiviti yang seumpamanya

BAHAGIAN 82 : AKTIVITI PENGURUSAN PEJABAT, SOKONGAN PEJABAT DAN SOKONGAN PERNIAGAAN LAIN

kUMPULAN 823 : Pengurusan konvensyen dan pameran perdagangan

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8230		Pengurusan konvensyen dan pameran perdagangan	
	82301	Mengurus, mempromosi dan/atau mengendalikan acara ⁽¹⁾	74993, 74999p
	82302	Mesyuarat , insentif, konvensyen, pameran (MICE)	74999p

(1) **Termasuk:** penganjur pameran peniagaan dan perdagangan

BAHAGIAN 82 : AKTIVITI PENGURUSAN PEJABAT, SOKONGAN PEJABAT DAN SOKONGAN PERNIAGAAN LAIN
Kumpulan 829 : Aktiviti perkhidmatan sokongan perniagaan t.t.t.l.

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8291		Aktiviti agensi kutipan dan biro kredit	
	82910	Aktiviti agensi kutipan dan biro kredit ⁽¹⁾	74992p
8292⁽²⁾		Aktiviti pembungkusan	
	82920	Aktiviti pembungkusan berdasarkan kontrak atau yuran sama ada melibatkan proses automatik atau tidak	74950
8299⁽³⁾		Aktiviti perkhidmatan sokongan perniagaan t.t.t.l.	
	82990	Aktiviti perkhidmatan sokongan perniagaan t.t.t.l.	74999p

- (1) **Termasuk:** (a) kutipan bayaran tuntutan dan kiriman bagi pihak pelanggan (cth. perkhidmatan kutipan bil atau hutang)
 (b) penyusunan maklumat, seperti sejarah kredit dan pekerjaan individu serta sejarah kredit perniagaan dan menyediakan maklumat kepada institusi kewangan, peniaga runcit dan mereka yang perlu menilai kebolehpercayaan berhubung individu dan perniagaan
- (2) **Termasuk:** pembungkusan daging dan farmaseutikal
- Tidak termasuk:** (a) pembuatan minuman ringan dan pengeluaran air mineral, lihat 1104
 (b) aktiviti pembungkusan sampingan untuk pengangkutan, lihat 52299
- (3) **Termasuk:** (a) penyediaan laporan setiap patah perkataan dan secara trengkas untuk prosiding perundangan secara langsung dan siaran mesyuarat dan persidangan secara langsung melalui televisyen
 (b) perkhidmatan pengekodan bar dan pencetakan kod bar
 (c) perkhidmatan organisasi pengumpulan dana berdasarkan kontrak atau yuran
 (d) penyisihan mel
 (e) perkhidmatan pemilikan semula
 (f) perkhidmatan kutipan syiling di parkir bermeter
 (g) aktiviti pelelong bebas
 (h) pengurusan program loyalti
 (i) *runner* – menyediakan perkhidmatan atau menjalankan kerja yang diarah untuk perniagaan seperti menghantar surat/bil/bayaran, dll.
- Tidak Termasuk:** (a) menyediakan perkhidmatan transkripsi dokumen, lihat 82194
 (b) menyediakan perkhidmatan rakaman filem atau pita atau sari kata, lihat 59120

O

**PENTADBIRAN AWAM DAN
PERTAHANAN; AKTIVITI
KESELAMATAN SOSIAL
WAJIB**

**84 Pentadbiran awam dan pertahanan;
keselamatan sosial wajib**

O

**SEKSYEN O : PENTADBIRAN AWAM DAN PERTAHANAN; AKTIVITI KESELAMATAN
SOSIAL WAJIB**

PERINGKAT	MSIC 2008 Ver. 1.0
BAHAGIAN	1
KUMPULAN	3
KELAS	7
PERKARA	28

Seksyen ini termasuk aktiviti biasa kerajaan, kebiasannya dijalankan oleh pentadbiran awam. Ini termasuk enakmen dan tafsiran kehakiman bagi undang-undang dan menurut peraturannya, dan juga program pentadbiran yang berasaskan kepada undang-undang, aktiviti perundangan, percukaian, pertahanan negara, keselamatan dan ketenteraman awam, perkhidmatan imigresen, hal ehwal luar negeri dan pentadbiran program kerajaan. Seksyen ini termasuk juga aktiviti keselamatan sosial wajib. Status perundangan atau institusi bukanlah menjadi faktor penentu untuk sesuatu aktiviti termasuk dalam seksyen ini, selain daripada aktiviti yang dinyatakan sebelumnya. Ini bermaksud aktiviti tersebut telah dikelaskan di mana-mana dalam MSIC, walaupun dijalankan oleh entiti awam. Sebagai contoh, pentadbiran bagi sistem persekolahan (cth. peraturan, pendaftaran, kurikulum) termasuk di bawah seksyen ini, tetapi tidak termasuk bagi mengajar (lihat seksyen P) dan penjara atau hospital tentera yang dikelaskan sebagai kesihatan (lihat seksyen Q). Begitu juga terdapat beberapa aktiviti yang diterangkan dalam seksyen ini dijalankan oleh unit bukan kerajaan.

BAHAGIAN 84 PENTADBIRAN AWAM DAN PERTAHANAN; KESELAMATAN SOSIAL WAJIB

Bahagian ini termasuk pentadbiran Negeri dan polisi ekonomi dan sosial bagi komuniti, penyediaan perkhidmatan kepada komuniti secara keseluruhannya dan aktiviti keselamatan sosial wajib.

KUMPULAN 841 Pentadbiran Negeri dan polisi ekonomi dan sosial bagi komuniti

Kumpulan ini termasuk pentadbiran am (cth. eksekutif, perundangan, pentadbiran kewangan, dll. di semua peringkat kerajaan) dan pengawasan dalam bidang kehidupan sosial dan ekonomi.

KUMPULAN 842 Penyediaan perkhidmatan kepada komuniti secara keseluruhannya

Kumpulan ini termasuk hal ehwal luar negeri, pertahanan dan aktiviti keselamatan dan ketenteraman awam.

KUMPULAN 843 Aktiviti keselamatan sosial wajib

Kumpulan ini termasuk tabungan dan pentadbiran program keselamatan sosial yang disediakan oleh kerajaan seperti insurans bagi sakit, kemalangan dan pengangguran, pencen persaraan dan program yang meliputi kehilangan pendapatan disebabkan oleh bersalin, hilang upaya sementara, balu, dll.

BAHAGIAN 84 : PENTADBIRAN DAN PERTAHANAN AWAM; KESELAMATAN SOSIAL WAJIB**Kumpulan 841 : Pentadbiran negeri dan polisi ekonomi dan sosial bagi komuniti**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8411⁽¹⁾		Aktiviti perkhidmatan awam am	
	84111	Aktiviti perkhidmatan awam am (keseluruhan)	75110
	84112	Aktiviti perkhidmatan sampingan untuk kerajaan secara keseluruhannya	75140

- (1) **Termasuk:**
- (a) eksekutif dan pentadbiran perundangan pusat, wilayah dan badan tempatan
 - (b) pentadbiran dan pengawasan hal ehwal fiskal
 - (c) pelaksanaan bajet dan pengurusan tabung awam dan hutang awam
 - (d) pentadbiran keseluruhan (sivil) polisi Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dan tabung bersekutu
 - (e) pentadbiran dan operasi keseluruhan perancangan ekonomi dan sosial dan perkhidmatan statistik di pelbagai peringkat kerajaan
- Tidak termasuk:**
- (a) operasi bangunan yang dimiliki atau didiami oleh kerajaan, lihat 68109, 68209
 - (b) pentadbiran polisi Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan individu dan tabung bersekutu, lihat 84129
 - (c) pentadbiran polisi Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) bertujuan untuk mempertingkatkan prestasi dan daya saing ekonomi, lihat 84139
 - (d) pentadbiran polisi Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) berkaitan pertahanan dan tabung bersekutu, lihat 84220
 - (e) operasi arkib kerajaan, lihat 9101

BAHAGIAN 84 : PENTADBIRAN DAN PERTAHANAN AWAM; KESELAMATAN SOSIAL WAJIB**Kumpulan 841 : Pentadbiran negeri dan polisi ekonomi dan sosial bagi komuniti**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8412 ⁽¹⁾		Peraturan aktiviti yang menyediakan penjagaan kesihatan, pendidikan, perkhidmatan kebudayaan dan perkhidmatan sosial lain, tidak termasuk keselamatan sosial	
	84121	Perkhidmatan pentadbiran pendidikan	75121
	84122	Perkhidmatan pentadbiran penjagaan kesihatan	75122
	84123	Perkhidmatan pentadbiran perumahan dan kerajaan tempatan	75123
	84124	Perkhidmatan pentadbiran rekreasi, kebudayaan, kesenian dan sukan	75124
	84125	Perkhidmatan pentadbiran hal ehwal agama	75125
	84126	Perkhidmatan pentadbiran kebajikan	75129p
	84129	Perkhidmatan hal ehwal komuniti dan sosial lain ⁽²⁾	75129p

- (1) **Tidak termasuk:**
- (a) aktiviti kumbahan, pembuangan sampah dan pemulihan, lihat bahagian 37, 38, 39
 - (b) aktiviti keselamatan sosial wajib, lihat 84300
 - (c) aktiviti pendidikan, lihat bahagian 85
 - (d) aktiviti kemanusiaan berkaitan kesihatan, lihat bahagian 86
 - (e) aktiviti perpustakaan dan arkib (yang dioperasikan oleh swasta, awam atau kerajaan), lihat 9101
 - (f) operasi muzium dan institusi kebudayaan lain, lihat 9102
 - (g) aktiviti sukan atau rekreasi lain, lihat bahagian 93
- (2) **Termasuk:**
- (a) pentadbiran polisi R&D yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan peribadi dan tabung bersekutu
 - (b) pentadbiran polisi R&D yang bertujuan untuk mempertingkatkan prestasi dan daya saing ekonomi

BAHAGIAN 84 : PENTADBIRAN DAN PERTAHANAN AWAM; KESELAMATAN SOSIAL WAJIB

Kumpulan 841 : Pentadbiran negeri dan polisi ekonomi dan sosial bagi komuniti

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8413 ⁽¹⁾		Peraturan dan sumbangan ke arah kecekapan operasi perniagaan	
	84131	Hal ehwal perdagangan domestik dan antarabangsa	75131
	84132	Hal ehwal pertanian dan pembangunan luar bandar	75132
	84133	Hal ehwal perusahaan utama ⁽²⁾	75133
	84134	Hal ehwal kerja awam	75134
	84135	Hal ehwal pengangkutan	75135
	84136	Hal ehwal tenaga, telekomunikasi dan pos	75136
	84137	Hal ehwal pelancongan	75137p
	84138	Hal ehwal sumber manusia	75138
	84139	Peraturan dan sumbangan lain ke arah kecekapan operasi perniagaan t.t.t.l.	75139

(1) **Tidak termasuk:** aktiviti pembangunan penyelidikan dan eksperimen, lihat bahagian 72

(2) **Termasuk:** hal ehwal perlombongan dan sumber mineral, seperti eksploitasi penemuan, pemuliharaan, pemasaran dan aspek lain pengeluaran mineral

BAHAGIAN 84 : PENTADBIRAN DAN PERTAHANAN AWAM; KESELAMATAN SOSIAL WAJIB**Kumpulan 842 : Penyediaan perkhidmatan untuk komuniti secara keseluruhannya**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8421		Hal ehwal luar negeri	
	84210	Hal ehwal luar negeri ⁽¹⁾	75210
8422 ⁽²⁾		Aktiviti pertahanan	
	84220	Perkhidmatan ketenteraan dan pertahanan awam	75220

- (1) **Termasuk:**
- (a) pentadbiran dan operasi bagi kementerian hal ehwal luar negeri dan diplomatik dan misi konsul yang bertempat di luar negeri atau di pejabat organisasi antarabangsa
 - (b) pentadbiran, operasi dan perkhidmatan sokongan maklumat dan kebudayaan bertujuan untuk penyebaran melangkaui sempadan nasional
 - (c) bantuan kepada negara asing, sama ada atau tidak melalui organisasi antarabangsa
 - (d) peruntukan bantuan ketenteraan kepada negara asing
 - (e) pengurusan perdagangan luar negeri, kewangan antarabangsa dan hal ehwal teknikal luar negeri
- Tidak termasuk:** perkhidmatan bencana antarabangsa atau konflik pelarian, lihat 88909
- (2) **Termasuk:**
- (a) pentadbiran, pengawasan dan operasi hal ehwal pertahanan ketenteraan dan pasukan pertahanan darat, laut, udara dan angkasa
 - (b) pentadbiran, operasi dan sokongan pasukan pertahanan awam
 - (c) sokongan bagi menyediakan rancangan kontingensi dan mengadakan latihan yang melibatkan institusi orang awam dan penduduk
 - (d) pentadbiran polisi berkaitan pertahanan R&D dan tabung berkaitan
- Tidak termasuk:**
- (a) aktiviti penyelidikan dan eksperimen pembangunan, lihat bahagian 72
 - (b) peruntukan bantuan ketenteraan kepada negara asing, lihat 84210
 - (c) aktiviti tribunal ketenteraan, lihat 84235
 - (d) peruntukan bekalan untuk kegunaan kecemasan domestik sekiranya berlaku bencana pada masa aman, lihat 84239
 - (e) aktiviti pendidikan sekolah tentera, kolej dan akademi, lihat 8530
 - (f) aktiviti hospital tentera, lihat 86101

BAHAGIAN 84 : PENTADBIRAN DAN PERTAHANAN AWAM; KESELAMATAN SOSIAL WAJIB

Kumpulan 842 : Penyediaan perkhidmatan untuk komuniti secara keseluruhannya

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8423 ⁽¹⁾		Aktiviti keselamatan dan ketenteraman awam	
	84231	Perkhidmatan polis	75231p
	84232	Perkhidmatan penjara	75232
	84233	Perkhidmatan imigresen	75233
	84234	Perkhidmatan pendaftaran negara	75234
	84235	Perkhidmatan badan kehakiman dan perundangan ⁽²⁾	75235

- (1) **Termasuk**
- (a) pentadbiran dan operasi pasukan polis biasa dan tambahan yang disokong oleh pihak berkuasa awam dan di pelabuhan, sempadan, pantai dan pasukan polis khas lain
 - (b) pemadaman dan pencegahan kebakaran
 - (c) pentadbiran dan operasi mahkamah undang-undang sivil dan jenayah, tribunal ketenteraan dan sistem kehakiman termasuk mahkamah syariah
 - (d) memberi keputusan dan penafsiran undang-undang
 - (e) timbang tara tindakan sivil
 - (f) pentadbiran penjara dan peruntukan perkhidmatan pembedaan, termasuk perkhidmatan pemulihan
 - (g) peruntukan bekalan untuk kegunaan kecemasan domestik sekiranya berlaku bencana pada masa aman
- Tidak termasuk:**
- (a) nasihat dan perwakilan dalam kes sivil, jenayah dan kes lain lihat 69100
 - (b) operasi makmal polis, lihat 71200
 - (c) pentadbiran dan operasi angkatan tentera, lihat 84220
 - (d) aktiviti sekolah penjara, lihat bahagian 85
 - (e) aktiviti hospital penjara, lihat 86101
- (2) **Termasuk:** aktiviti tribunal tentera

BAHAGIAN 84 : PENTADBIRAN DAN PERTAHANAN AWAM; KESELAMATAN SOSIAL WAJIB**Kumpulan 842 : Penyediaan perkhidmatan untuk komuniti secara keseluruhannya**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
	84236	Pemadaman dan pencegahan kebakaran ⁽¹⁾	75236
	84239	Perkhidmatan berkaitan hal ehwal ketenteraman dan keselamatan awam lain ⁽²⁾	75239

- (1) **Tidak termasuk:**
- (a) perkhidmatan pemadaman dan pencegahan kebakaran di lapangan terbang yang di sediakan oleh unit bukan khusus, lihat 52234
 - (b) perkhidmatan perlindungan dan pemadaman kebakaran hutan, lihat 02401
 - (c) pemadaman kebakaran lapangan minyak dan gas, lihat 09102
- (2) **Termasuk:** peruntukan bekalan untuk kegunaan kecemasan domestik sekiranya berlaku bencana pada masa aman

BAHAGIAN 84 : PENTADBIRAN DAN PERTAHANAN AWAM; KESELAMATAN SOSIAL WAJIB**Kumpulan 843 : Aktiviti keselamatan sosial wajib**


KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8430⁽¹⁾		Aktiviti keselamatan sosial wajib	
	84300	Aktiviti keselamatan sosial wajib cth. SOCSO	75300

- (1) **Tidak termasuk:**
- (a) keselamatan sosial tidak wajib, lihat 6530
 - (b) peruntukan perkhidmatan kebajikan lihat 8810 dan kerja sosial (tanpa penginapan) lihat 8890

P

 **PENDIDIKAN**

85 Pendidikan


P

SEKSYEN P : PENDIDIKAN

PERINGKAT	MSIC 2008 Ver. 1.0
BAHAGIAN	1
KUMPULAN	5
KELAS	8
PERKARA	21

Seksyen ini termasuk pendidikan pada mana-mana peringkat atau untuk mana-mana profesion, secara lisan atau penulisan dan juga melalui siaran radio dan televisyen atau saluran komunikasi lain yang bersamaan dengannya. Ia termasuk sistem persekolahan biasa pelbagai peringkat yang dilaksanakan oleh institusi yang berlainan dan juga pendidikan dewasa, program literasi dll. Ia juga termasuk sekolah ketenteraan dan akademik, sekolah penjara dll. di peringkat masing-masing. Seksyen ini juga termasuk pendidikan awam dan pendidikan swasta. Untuk setiap peringkat pendidikan awal, kelas-kelas termasuk pendidikan khas untuk pelajar-pelajar kurang upaya secara fizikal dan mental. Huraian daripada kategori bagi seksyen ini berdasarkan kepada peringkat pendidikan yang ditawarkan sebagaimana yang telah didefinisikan mengikut peringkat ISCED 1997. Aktiviti bagi institusi pendidikan yang menyediakan pendidikan pada ISCED peringkat 0 dan 1 diklasifikasikan dalam kumpulan 851, manakala ISCED peringkat 2 dan 3 dalam kumpulan 852 dan ISCED peringkat 4, 5 dan 6 dalam kumpulan 853.

Seksyen ini juga termasuk pengajaran peringkat awal mengenai aktiviti sukan dan rekreasi seperti *bridge* atau golf dan aktiviti pendidikan sokongan.

BAHAGIAN 85 PENDIDIKAN

Bahagian ini termasuk pra-pendidikan dan pendidikan rendah, pendidikan menengah, pendidikan tinggi, pendidikan lain dan perkhidmatan pendidikan sokongan.

KUMPULAN 851 Pendidikan pra-sekolah dan pendidikan rendah

Kumpulan ini termasuk peruntukan kepada pengajaran pendidikan rendah yang telah dirancang untuk diperkenalkan kepada kanak-kanak kecil dalam persekitaran jenis sekolah dan pengajaran yang memberi pelajar pendidikan asas dalam membaca, menulis dan mengira serta pemahaman asas kepada lain-lain subjek seperti sejarah, geografi, sains semulajadi, sains sosial, seni lukis dan muzik. Secara amnya, pendidikan tersebut disediakan untuk kanak-kanak, walau bagaimanapun peruntukan program literasi di dalam lingkungan atau di luar sistem persekolahan, di mana kandungan programnya adalah bersamaan dengan pendidikan rendah tetapi lebih bertujuan kepada mereka yang dianggap terlalu tua untuk memasuki persekolahan awal. Ini juga termasuk peruntukan program pada peringkat yang sesuai untuk kanak-kanak yang memerlukan pendidikan khas. Pendidikan boleh disediakan di dalam bilik darjah atau melalui radio, siaran televisyen, internet, surat-menyurat atau di rumah.

KUMPULAN 852 Pendidikan menengah

Kumpulan ini termasuk peruntukan pendidikan menengah am dan pendidikan menengah teknik dan vokasional.

KUMPULAN 853 Pendidikan tinggi

Kumpulan ini termasuk peruntukan peringkat menengah tinggi bukan tertiar dan pendidikan tertiar termasuk pemberian diploma, sarjana muda dan pasca siswazah. Syarat kemasukan sekurang-kurangnya sijil menengah atas atau pusat latihan umum yang setaraf dengannya. Pendidikan boleh disediakan di dalam bilik darjah atau melalui radio, siaran televisyen, internet atau surat-menyurat.

KUMPULAN 854 Pendidikan lain

Kumpulan ini termasuk pendidikan am lanjutan dan pendidikan vokasional lanjutan dan latihan untuk mana-mana profesion. Pengajaran boleh secara lisan atau penulisan dan boleh dijalankan sama ada di dalam kelas atau melalui radio, televisyen, internet, surat-menyurat atau saluran komunikasi lain. Kumpulan ini juga termasuk peruntukan pengajaran dalam aktiviti sukan berkumpulan atau individu, pengajaran bahasa asing, seni lukis, drama atau muzik atau pengajaran lain atau latihan khas lain yang tidak sama dengan pendidikan dalam kumpulan 851 – 853.

KUMPULAN 855 Perkhidmatan sokongan pendidikan

Kumpulan ini termasuk peruntukan perkhidmatan bukan pengajaran yang menyokong proses atau sistem pendidikan seperti perundingan pendidikan, perkhidmatan bimbingan kaunseling pendidikan, perkhidmatan ujian penilaian pendidikan, perkhidmatan ujian pendidikan dan pertubuhan program pertukaran pelajar.

BAHAGIAN 85 : PENDIDIKAN**Kumpulan 851 : Pendidikan pra-sekolah dan pendidikan rendah**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8510⁽¹⁾		Pendidikan pra-sekolah dan pendidikan rendah	
	85101	Pendidikan pra-sekolah (Awam) ⁽²⁾	80101p
	85102	Pendidikan pra-sekolah (Swasta) ⁽²⁾	80101p
	85103	Pendidikan rendah (Awam)	80102p
	85104	Pendidikan rendah (Swasta)	80102p
(1)	Termasuk:	(a) pendidikan sekolah khas untuk pelajar kurang upaya pada peringkat ini (b) program literasi dewasa di dalam lingkungan atau di luar sistem persekolahan, di mana kandungan programnya adalah bersamaan dengan pendidikan rendah tetapi lebih bertujuan kepada mereka yang dianggap terlalu tua untuk memasuki persekolahan awal	
	Tidak termasuk:	(a) pendidikan dewasa sebagaimana telah didefinisikan di dalam kumpulan 854 (b) aktiviti penjagaan harian kanak-kanak, lihat 88902	
(2)	Termasuk:	taman asuhan kanak-kanak berserta tadika	
	Tidak termasuk:	taman asuhan kanak-kanak sahaja, lihat 88902	

BAHAGIAN 85 : PENDIDIKAN
Kumpulan 852 : Pendidikan menengah

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8521⁽¹⁾		Pendidikan menengah am	
	85211	Pendidikan menengah am (Awam) ⁽²⁾	80210p
	85212	Pendidikan menengah am (Swasta) ⁽²⁾	80210p
8522⁽³⁾		Pendidikan menengah teknik dan vokasional	
	85221	Pendidikan menengah teknik dan vokasional di bawah tahap pendidikan tinggi (Awam) ⁽⁴⁾	80220p
	85222	Pendidikan menengah teknik dan vokasional di bawah tahap pendidikan tinggi (Swasta) ⁽⁴⁾	80220p

- (1) **Tidak termasuk:** pendidikan dewasa sebagaimana telah didefinisikan dalam kumpulan 854
- (2) **Termasuk:**
- (a) sekolah sukan
 - (b) sekolah seni
 - (c) sekolah agama
 - (d) pendidikan khas pada peringkat menengah
- (3) **Tidak termasuk:**
- (a) pendidikan teknik dan vokasional pada peringkat lepasan menengah dan universiti, lihat 8530
 - (b) pendidikan dewasa sebagaimana telah didefinisikan dalam kumpulan 854
 - (c) pengajaran persembahan seni untuk rekreasi, hobi dan tujuan pembangunan diri, lihat 8542
 - (d) sekolah memandu kenderaan tidak bermaksud untuk pekerjaan pemanduan, lihat 85492
 - (e) latihan pekerjaan membentuk sebahagian aktiviti kerja sosial tanpa penginapan, lihat 8810, 8890
- (4) **Termasuk:**
- (a) pendidikan teknik dan vokasional
 - (b) pengajaran untuk pemandu pelancong
 - (c) pengajaran untuk tukang masak, pengusaha hotel dan pengusaha restoran
 - (d) pendidikan khas untuk pelajar kurang upaya pada peringkat ini
 - (e) latihan memperbaiki komputer
 - (f) kosmetologi dan sekolah tukang gunting

BAHAGIAN 85 : PENDIDIKAN
Kumpulan 853 : Pendidikan tinggi

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8530⁽¹⁾		Pendidikan tinggi	
	85301	Pendidikan kolej dan universiti (Awam) ⁽²⁾	80301
	85302	Pendidikan kolej dan universiti (Swasta) ⁽³⁾	80302, 80303

- (1) **Termasuk:** (a) pendidikan teknik dan vokasional pada peringkat lepasan menengah dan universiti
 (b) aktiviti pendidikan sekolah, kolej dan akademi ketenteraan
- Tidak termasuk:** pendidikan dewasa sebagaimana telah didefinisikan dalam kumpulan 854
- (2) **Termasuk:** kolej komuniti dan politeknik
- (3) **Termasuk:** (a) institut perdagangan dan teknikal lain
 (b) sekolah kejururawatan

BAHAGIAN 85 : PENDIDIKAN
Kumpulan 854 : Pendidikan lain

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8541⁽¹⁾		Pendidikan sukan dan rekreasi	
	85411	Pengajaran sukan ⁽²⁾	80909p, 92419p
	85412	Pengajaran seni mempertahankan diri	80909p
	85419	Pendidikan sukan dan rekreasi lain yang t.t.t.l. ⁽³⁾	80909p, 92499p
8542		Pendidikan kebudayaan	
	85421	Sekolah muzik dan tarian ⁽⁴⁾	80902
	85429	Pendidikan kebudayaan lain yang t.t.t.l. ⁽⁵⁾	80909p

(1) **Termasuk:** perkhemahan dan sekolah yang menawarkan pengajaran dalam kesukanan, kem pengajaran sukan bermalam dan harian

Tidak termasuk: pendidikan kebudayaan, lihat 8542

- (2) **Termasuk:**
- (a) besbol
 - (b) bola keranjang
 - (c) kriket
 - (d) bola sepak
 - (e) badminton
- (3) **Termasuk:**
- (a) kem, pengajaran sukan
 - (b) pengajaran pasukan sorak
 - (c) pengajaran gimnastik
 - (d) pengajaran, akademi atau sekolah menunggang
 - (e) pengajaran renang
 - (f) pengajar, guru, jurulatih sukan profesional
 - (g) pengajaran permainan kad (cth. bridge)
 - (h) pengajaran yoga

(4) **Termasuk:** guru piano dan pengajaran muzik lain

- (5) **Termasuk:**
- (a) pengajaran seni
 - (b) sekolah drama (kecuali akademik)
 - (c) sekolah seni halus (kecuali akademik)
 - (d) sekolah seni persembahan (kecuali akademik)
 - (e) sekolah fotografi (kecuali perdagangan)
 - (f) rekreasi atau tujuan pembangunan diri

BAHAGIAN 85 : PENDIDIKAN
Kumpulan 854 : Pendidikan lain

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8549⁽¹⁾		Pendidikan lain yang t.t.t.l.	
	85491	Pusat tuisyen	80909p
	85492	Sekolah memandu	80901
	85493	Pengajaran agama	80909p
	85494	Latihan komputer	80909p
	85499	Pendidikan lain t.t.t.l. ⁽²⁾	80909p

- (1) **Tidak termasuk:**
- (a) program literasi dewasa, lihat 8510
 - (b) pendidikan menengah am, lihat 8521
 - (c) pendidikan tinggi, lihat 8530
 - (d) pendidikan kebudayaan, lihat 8542
- Termasuk:**
- (a) latihan anggota penyelamat
 - (b) pendidikan membuat pakaian dan sulaman
 - (c) kelas peragaan
 - (d) pengajaran kemahiran bahasa dan perbualan, bacaan pantas dan juga latihan pengucapan awam

BAHAGIAN 85 : PENDIDIKAN**Kumpulan 855 : Perkhidmatan sokongan pendidikan**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8550		Perkhidmatan sokongan pendidikan	
	85500	Perkhidmatan sokongan pendidikan untuk peruntukan kepada perkhidmatan bukan pengajaran ⁽¹⁾	80909p

- (1) **Termasuk:**
- (a) perundingan pendidikan
 - (b) perkhidmatan bimbingan kaunseling pendidikan
 - (c) perkhidmatan ujian penilaian pendidikan
 - (d) perkhidmatan ujian pendidikan
 - (e) pertubuhan program pertukaran pelajar
- Tidak termasuk:**
- (a) pembangunan kajian dan penyelidikan ke atas sains sosial, lihat 72201
 - (b) pembangunan kajian dan penyelidikan ke atas kemanusiaan, lihat 72202

Q

**AKTIVITI KESIHATAN
KEMANUSIAAN DAN KERJA
SOSIAL**

- 86 Aktiviti kesihatan kemanusiaan
- 87 Aktiviti rumah penjagaan
- 88 Aktiviti kerja sosial tanpa penginapan

Q

SEKSYEN Q: AKTIVITI KESIHATAN KEMANUSIAAN DAN KERJA SOSIAL

PERINGKAT	MSIC 2008 Ver. 1.0
BAHAGIAN	3
KUMPULAN	9
KELAS	9
PERKARA	26

Seksyen ini termasuk peruntukan bagi aktiviti kesihatan dan kerja sosial. Termasuk pelbagai jenis aktiviti bermula daripada penjagaan kesihatan yang disediakan oleh profesional perubatan terlatih di hospital dan kemudahan lain sehinggalah kepada aktiviti rumah penjagaan dan aktiviti penjagaan kesihatan kepada kerja sosial tanpa penglibatan profesional dalam penjagaan kesihatan.

BAHAGIAN 86 AKTIVITI KESIHATAN KEMANUSIAAN

Bahagian ini termasuk aktiviti jangka pendek atau jangka panjang bagi hospital am atau perubatan khas, pembedahan, psikiatrik dan penyalahgunaan bahan kimia, *sanatoria*, *preventoria*, rumah penjagaan perubatan, rumah sakit jiwa, institusi hospital mental, pusat pemulihan, rumah sakit kusta dan institusi kesihatan kemanusiaan lain yang mempunyai kemudahan penginapan dan terlibat dalam menyediakan rawatan diagnostik dan perubatan kepada pesakit dalam pelbagai keadaan perubatan. Termasuk juga perundingan dan rawatan perubatan dalam bidang perubatan am dan khas oleh pengamal perubatan am dan pakar perubatan dan pembedahan. Termasuk aktiviti amalan pergigian am atau jenis khas dan aktiviti ortodontik. Sebagai tambahan, bahagian ini termasuk kesihatan kemanusiaan yang tidak dilaksanakan oleh hospital atau oleh doktor perubatan tetapi oleh pengamal paramedik yang bertauliah untuk merawat pesakit.

KUMPULAN 861 Aktiviti hospital

Kumpulan ini termasuk aktiviti jangka pendek atau jangka panjang bagi hospital, seperti aktiviti perubatan, diagnostik dan rawatan di hospital am (cth. hospital komuniti dan daerah, hospital organisasi tanpa untung, hospital universiti, hospital pangkalan tentera dan penjara) dan hospital khas (cth. hospital kesihatan mental dan penyalahgunaan bahan kimia, hospital untuk penyakit berjangkit, hospital bersalin dan sanatorium khas).

Aktiviti ini ditujukan khusus/terutamanya kepada pesakit dalam dan dijalankan di bawah pengawasan/penyeliaan terus (*direct supervision*) oleh doktor perubatan dan termasuk perkhidmatan kakitangan perubatan dan paramedik, kemudahan makmal dan teknikal, termasuk perkhidmatan radiologi, anesthesiologi, bilik kecemasan, peruntukan bilik pembedahan, perkhidmatan farmasi, perkhidmatan makanan dan hospital lain dan perkhidmatan pusat perancangan keluarga yang menyediakan rawatan bagi pemandulan dan pengguguran kandungan berserta penginapan.

KUMPULAN 862 Aktiviti amalan perubatan dan pergigian

Kumpulan ini termasuk perundingan dan rawatan perubatan dalam bidang perubatan am dan khas oleh pengamal am dan pakar perubatan dan pembedahan, aktiviti amalan pergigian am atau jenis khas cth. pergigian, endodontik, pergigian kanak-kanak; patologi lisan, aktiviti ortodontik dan pusat perancangan keluarga yang menyediakan rawatan bagi pemandulan dan pengguguran kandungan tanpa penginapan.

Aktiviti ini boleh dijalankan di klinik persendirian, klinik kumpulan dan klinik pesakit luar di hospital, dan di klinik yang disediakan kepada firma, sekolah, rumah orang tua, pertubuhan buruh dan pertubuhan persaudaraan dan juga di rumah pesakit.

Kumpulan ini juga termasuk aktiviti pergigian dalam bilik pembedahan dan perkhidmatan perundingan persendirian kepada pesakit dalam.

KUMPULAN 869 Aktiviti kesihatan kemanusiaan lain

Kumpulan ini termasuk aktiviti untuk kesihatan kemanusiaan yang tidak dilaksanakan oleh hospital atau oleh doktor perubatan atau pergigian seperti jururawat, bidan, ahli fisioterapi atau pengamal paramedik lain dalam bidang optometri, hidroterapi, urutan perubatan, terapi pekerjaan, terapi pertuturan, kiropodi, homeopati, kiropraktik, akupunktur, dll.

Aktiviti ini boleh dijalankan di klinik kesihatan seperti yang disediakan kepada firma, sekolah, rumah orang tua, pertubuhan buruh dan pertubuhan persaudaraan dan juga dalam kemudahan kesihatan penjagaan selain daripada hospital dan juga dalam bilik perundingan sendiri, rumah pesakit atau di tempat lain. Aktiviti ini tidak melibatkan rawatan perubatan.

Kumpulan ini termasuk aktiviti personel paramedik pergigian seperti ahli terapi pergigian, jururawat sekolah pergigian dan kebersihan pergigian, yang bekerja jauh daripada, tetapi diselia secara berkala oleh doktor gigi, aktiviti makmal perubatan seperti makmal x-ray dan pusat pengimejan diagnostik lain, dan makmal analisis darah, aktiviti bank darah, bank sperma, bank pemindahan organ dll, dan pengangkutan ambulan untuk pesakit oleh apa-apa jenis pengangkutan lain termasuk kapal terbang. Perkhidmatan ini banyak disediakan semasa kecemasan perubatan.

BAHAGIAN 86 : AKTIVITI KESIHATAN KEMANUSIAAN
Kumpulan 861 : Aktiviti hospital

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8610⁽¹⁾		Aktiviti hospital dan rumah bersalin	
	86101	Aktiviti hospital	85110p
	86102	Perkhidmatan rumah bersalin (luar hospital)	85110p

(1) **Termasuk:** aktiviti hospital penjara

Tidak termasuk:

- (a) ujian dan pemeriksaan makmal bagi semua jenis barang dan produk kecuali perubatan, lihat 71200
- (b) aktiviti veterinar, lihat 75000
- (c) aktiviti kesihatan untuk anggota tentera di lapangan, lihat 84220
- (d) aktiviti amalan pergigian am atau jenis khas cth. pergigian, endodontik, pergigian kanak-kanak; patologi lisan, aktiviti ortodontik lihat 86203
- (e) perkhidmatan perundingan persendirian kepada pesakit dalam, lihat 8620
- (f) ujian makmal perubatan, lihat 86902 dan aktiviti pengangkutan ambulan, lihat 86906

BAHAGIAN 86 : AKTIVITI KESIHATAN KEMANUSIAAN
Kumpulan 861 : Aktiviti amalan perubatan dan pergigian

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8620⁽¹⁾		Aktiviti amalan perubatan dan pergigian	
	86201	Perkhidmatan perubatan am	85121p
	86202	Perkhidmatan perubatan khas	85121p
	86203	Perkhidmatan berkaitan gigi ⁽²⁾	85122

- (1) **Termasuk:** perundingan dan rawatan dalam bidang perubatan am dan pakar oleh pengamal perubatan am dan pakar perubatan dan pembedahan
- Tidak termasuk:**
- (a) pengeluaran gigi palsu, dentur dan alat-alat tiruan oleh makmal pergigian, lihat 32500
 - (b) aktiviti hospital pesakit dalam, lihat 8610
 - (c) aktiviti paramedik seperti bidan, jururawat dan ahli fisioterapi, lihat 8690
- (2) **Termasuk:** aktiviti amalan pergigian am atau jenis khas cth. pergigian, endodontik

BAHAGIAN 86 : AKTIVITI KESIHATAN KEMANUSIAAN
Kumpulan 869 : Aktiviti kesihatan kemanusiaan lain

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8690⁽¹⁾		Aktiviti kesihatan kemanusiaan lain	
	86901	Pusat dialisis	85110p
	86902	Makmal perubatan ⁽²⁾	85121p
	86903	Perkhidmatan fisioterapi dan terapi pekerjaan	85192
	86904	Perkhidmatan akupunktur	85199p
	86905	Perkhidmatan ahli herba dan homeopati	85193
	86906	Perkhidmatan ambulan	85194
	86909	Perkhidmatan kesihatan kemanusiaan lain t.t.t.l. ⁽³⁾	85121p

- (1) **Tidak termasuk:**
- (a) penghasilan gigi palsu, dentur dan peralatan prostetik oleh makmal pergigian, lihat 32500
 - (b) perpindahan pesakit tanpa peralatan penyelamat dan kakitangan perubatan, lihat bahagian 49, 50, 51
 - (c) ujian makmal bukan perubatan, lihat 71200
 - (d) pengujian terhadap kebersihan makanan, lihat 71200
 - (e) aktiviti hospital, lihat 86101
 - (f) aktiviti perubatan dan amalan pergigian, lihat 8620
 - (g) kemudahan penjagaan, lihat 8710
- (2) **Termasuk:** makmal x-ray dan pusat diagnostik imej lain, makmal analisis darah, makmal patologi
- (3) **Termasuk:** aktiviti untuk kesihatan kemanusiaan oleh jururawat, bidan, *krioterapi*, urutan tradisional, ayurveda dan perubatan alternatif lain atau ahli paramedik lain.

BAHAGIAN 87 AKTIVITI RUMAH PENJAGAAN

Bahagian ini termasuk rumah penjagaan meliputi kemudahan perawatan, penyeliaan atau penjagaan lain seperti yang diperlukan oleh penghuni. Kemudahan-kemudahan adalah bahagian yang penting dalam proses perkhidmatan dan penjagaan yang disediakan adalah gabungan daripada perkhidmatan kesihatan dan sosial di mana perkhidmatan kesihatan merupakan sebahagian besar daripada perkhidmatan penjagaan.

KUMPULAN 871 Kemudahan rumah perawatan

Kumpulan ini termasuk aktiviti rumah untuk orang tua dengan perawatan, rumah pemulihan, rumah rehat dengan perawatan, kemudahan perawatan dan rumah penjagaan.

KUMPULAN 872 Aktiviti rumah penjagaan untuk orang terencat akal, kesihatan mental dan penyalahgunaan bahan kimia

Kumpulan ini termasuk rumah penjagaan (tetapi bukan penjagaan hospital berlesen) kepada orang yang terencat akal, pesakit mental atau masalah penyalahgunaan bahan kimia. Kemudahan termasuk bilik, penginapan dan makanan, penyeliaan perlindungan dan kaunseling dan penjagaan kesihatan. Ia juga termasuk rumah penjagaan dan rawatan untuk pesakit yang mengalami kesihatan mental dan penyalahgunaan bahan kimia.

KUMPULAN 873 Aktiviti rumah penjagaan untuk orang tua dan orang kurang upaya

Kumpulan ini termasuk tempat tinggal dan perkhidmatan penjagaan persendirian untuk orang tua dan orang kurang upaya yang tidak berupaya untuk menjaga diri mereka sepenuhnya dan/atau tidak berhasrat untuk tinggal bersendirian. Penjagaan kebiasaannya termasuk bilik, penginapan dan makanan, penyeliaan dan bantuan dalam kehidupan seharian seperti perkhidmatan pembersihan. Dalam setengah perkara, unit ini memberi penjaga/pengasuh berpengalaman/mahir untuk kemudahan penghuni/penduduk di lokasi secara berasingan.

KUMPULAN 879 Aktiviti rumah penjagaan lain

Kumpulan ini termasuk tempat tinggal dan perkhidmatan penjagaan persendirian untuk orang yang tidak berupaya untuk menjaga diri mereka sepenuhnya dan/atau tidak berhasrat untuk tinggal bersendirian kecuali orang tua dan orang kurang upaya.

Kumpulan ini termasuk aktiviti yang disediakan secara berjadual yang bertujuan memberi bantuan perkhidmatan sosial kepada kanak-kanak dan golongan istimewa, di mana rawatan perubatan atau pendidikan bukan merupakan elemen yang penting seperti rumah anak yatim, asrama dan rumah penginapan kanak-kanak, rumah perlindungan sementara dan institusi yang menjaga ibu yang tidak berkahwin dan anak-anak mereka. Aktiviti ini mungkin dijalankan oleh pihak awam atau organisasi swasta.

Kumpulan ini juga termasuk aktiviti rumah perlindungan bagi mereka yang mempunyai masalah sosial atau peribadi, rumah perlindungan untuk delinkuen (budak jahat) dan pesalah dan kem disiplin.

BAHAGIAN 87 : AKTIVITI RUMAH PENJAGAAN**Kumpulan 871 : Kemudahan rumah penjagaan**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8710⁽¹⁾		Kemudahan rumah penjagaan	
	87101	Rumah untuk orang tua dengan perawatan	85191p, 85312p
	87102	Rumah penjagaan	85191p
	87103	Paliatif atau hospis	85199p
(1)	Tidak termasuk:	(a) perkhidmatan di rumah yang disediakan oleh penjaga kesihatan profesional, lihat bahagian 86 (b) rumah untuk orang tua tanpa atau dengan perkhidmatan penjagaan yang minima, lihat 87300 (c) aktiviti kerja sosial dengan tempat tinggal seperti rumah anak yatim, asrama dan rumah penginapan kanak-kanak, rumah perlindungan sementara, lihat 8790	

BAHAGIAN 87 : AKTIVITI RUMAH PENJAGAAN

Kumpulan 872 : Aktiviti rumah penjagaan untuk orang terencat akal, kesihatan mental dan penyalahgunaan bahan kimia

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8720 ⁽¹⁾		Rumah penjagaan untuk orang terencat akal, kesihatan mental dan penyalahgunaan bahan kimia	
	87201	Pusat pemulihan dadah	85316
	87209	Aktiviti rumah penjagaan lain untuk orang terencat akal t.t.t.l.	85319p
(1)	Tidak termasuk:	aktiviti kerja social dengan penginapan, seperti rumah perlindungan sementara, lihat 8790	

BAHAGIAN 87 : AKTIVITI RUMAH PENJAGAAN**Kumpulan 873 : Aktiviti rumah penjagaan untuk orang tua dan orang kurang upaya**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8730 ⁽¹⁾		Aktiviti rumah penjagaan untuk orang tua dan orang kurang upaya	
	87300	Aktiviti rumah penjagaan untuk orang tua dan orang kurang upaya	85312p
(1)	Tidak termasuk:	(a) rumah orang tua dengan perawatan, lihat 87101 (b) aktiviti kerja sosial dengan penginapan, di mana rawatan perubatan atau penginapan bukan elemen yang penting, lihat 8790	

BAHAGIAN 87 : AKTIVITI RUMAH PENJAGAAN**Kumpulan 879 : Aktiviti rumah penjagaan lain**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8790 ⁽¹⁾		Aktiviti rumah penjagaan lain (aktiviti ini mungkin dijalankan oleh pejabat kerajaan atau organisasi swasta)	
	87901	Rumah anak yatim	85311p
	87902	Perkhidmatan rumah kebajikan	85311p, 85315, 85319p
	87909	Aktiviti rumah penjagaan lain t.t.t.l.	85313, 85314, 85319p

- (1) **Termasuk:** aktiviti kerja sosial dengan penginapan, di mana rawatan perubatan atau penginapan bukan elemen yang penting:
- (a) operasi untuk perlindungan wanita
 - (b) perkhidmatan rumah juvenil
 - (c) operasi untuk rumah orang cacat
- Tidak termasuk:**
- (a) pembiayaan dan pentadbiran bagi program keselamatan sosial yang wajib, lihat 84300
 - (b) kemudahan perawatan, lihat 8710
 - (c) aktiviti rumah penjagaan untuk orang terencat akal, kesihatan mental dan penyalahgunaan bahan kimia, lihat 8720
 - (d) aktiviti rumah penjagaan untuk orang tua dan orang kurang upaya, lihat 87300
 - (e) aktiviti pengambilan anak angkat, lihat 88909
 - (f) aktiviti perlindungan jangka pendek untuk mangsa bencana, lihat 88909

BAHAGIAN 88 AKTIVITI KERJA SOSIAL TANPA PENGINAPAN

Bahagian ini termasuk pelbagai perkhidmatan bantuan sosial secara langsung kepada pelanggan. Aktiviti di dalam bahagian ini tidak termasuk perkhidmatan penginapan, kecuali untuk sementara waktu.

KUMPULAN 881 Aktiviti kerja sosial tanpa penginapan untuk orang tua dan orang kurang upaya

Kumpulan ini termasuk perkhidmatan sosial, kaunseling, kebajikan, rujukan dan seumpamanya yang ditujukan kepada orang tua dan orang kurang upaya di rumah atau di tempat lain yang dijalankan oleh organisasi awam atau swasta, organisasi tanpa bantuan nasional atau tempatan dan oleh pakar perkhidmatan kaunseling seperti melawat orang tua dan orang kurang upaya, aktiviti penjagaan harian untuk orang tua atau untuk orang dewasa yang cacat dan aktiviti rehabilitasi vokasional dan habilitasi untuk orang kurang upaya dengan syarat komponen pendidikan adalah terhad.

KUMPULAN 889 Aktiviti kerja sosial lain tanpa penginapan t.t.t.l.

Kumpulan ini termasuk perkhidmatan sosial, kaunseling, kebajikan, perlindungan, rujukan dan seumpamanya yang diberikan kepada individu dan keluarga di rumah atau di tempat lain yang dijalankan oleh organisasi awam atau swasta, organisasi bantuan bencana dan organisasi tanpa bantuan kebangsaan atau tempatan, dan juga pakar perkhidmatan kaunseling; seperti aktiviti kebajikan dan bimbingan untuk kanak-kanak dan remaja, aktiviti pengambilan anak angkat, aktiviti pencegahan penderaan kanak-kanak dan lain-lain, kaunseling bajet isi rumah, bimbingan perkahwinan dan kekeluargaan, perkhidmatan kaunseling kredit dan hutang, aktiviti komuniti dan kejiranan, aktiviti untuk mangsa bencana alam, pelarian, imigran dll; termasuk tempat perlindungan sementara atau lanjutan, aktiviti rehabilitasi vokasional dan habilitasi untuk penganggur dengan syarat komponen pendidikan adalah terhad, penentuan kelayakan berkait dengan bantuan kebajikan, tambahan sewa atau setem makanan, aktiviti penjagaan harian kanak-kanak; termasuk kanak-kanak cacat, kemudahan harian bagi mereka yang tiada tempat perlindungan dan kumpulan lain yang tidak berkeupayaan dan aktiviti amal seperti kutipan derma atau aktiviti sokongan lain untuk tujuan kerja sosial.

BAHAGIAN 88 : AKTIVITI KERJA SOSIAL TANPA PENGINAPAN

Kumpulan 881 : Aktiviti kerja sosial tanpa penginapan untuk orang tua dan orang kurang upaya

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8810⁽¹⁾		Aktiviti kerja sosial tanpa penginapan untuk orang tua dan orang kurang upaya yang dijalankan oleh pejabat kerajaan atau organisasi swasta	
	88101	Aktiviti penjagaan harian untuk orang tua atau orang dewasa yang cacat	85329p
	88109	Aktiviti kerja sosial lain tanpa penginapan untuk orang tua dan orang kurang upaya	85329p

- (1) **Tidak termasuk:**
- (a) pembiayaan dan pentadbiran bagi program keselamatan sosial yang wajib, lihat 84300
 - (b) aktiviti seumpama seperti yang dinyatakan dalam kelas ini, tetapi termasuk penginapan, lihat 87300
 - (c) aktiviti penjagaan harian bagi kanak-kanak cacat, lihat 88902

BAHAGIAN 88 : AKTIVITI KERJA SOSIAL TANPA PENGINAPAN
Kumpulan 889 : Aktiviti kerja sosial lain tanpa penginapan t.t.t.l.

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
8890 ⁽¹⁾		Aktiviti kerja sosial lain tanpa penginapan t.t.t.l.	
	88901	Perkhidmatan kaunseling ⁽²⁾	85321
	88902	Aktiviti penjagaan harian kanak-kanak ⁽³⁾	85325
	88909	Aktiviti kerja sosial lain tanpa penginapan t.t.t.l. ⁽⁴⁾	85322, 85324, 85329p, 91993p, 91999p

- (1) **Tidak termasuk:**
- (a) pembiayaan dan pentadbiran bagi program keselamatan sosial yang wajib, lihat 84300
 - (b) aktiviti seumpama seperti yang dinyatakan dalam kelas ini, tetapi termasuk penginapan, lihat 8790
- (2) **Termasuk:** kaunseling kredit dan hutang pengguna
- (3) **Termasuk:**
- (a) pusat penjagaan sahaja
 - (b) untuk kanak-kanak cacat
- (4) **Termasuk:**
- (a) perkhidmatan bencana antarabangsa atau konflik pelarian termasuk aktiviti untuk mangsa bencana, pelarian, imigran, termasuk perlindungan sementara atau berlanjutan untuk mereka
 - (b) aktiviti pengambilan anak angkat, aktiviti untuk pencegahan penderaan kanak-kanak dan lain-lain
 - (c) operasi persatuan penagih alkohol yang namanya tidak diketahui
 - (d) perkhidmatan kebajikan sukarela untuk pembahagian kutipan derma bagi tujuan kebajikan
 - (e) perkhidmatan yang disediakan oleh persatuan belia
 - (f) perkhidmatan lain yang disediakan oleh anggota pertubuhan t.t.t.l.

R

KESENIAN, HIBURAN DAN REKREASI

- 90 Aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif
- 91 Aktiviti perpustakaan, arkib, muzium dan kebudayaan lain
- 92 Aktiviti perjudian dan pertaruhan
- 93 Aktiviti sukan dan aktiviti hiburan dan  rekreasi

R

SEKSYEN R : KESENIAN, HIBURAN DAN REKREASI

PERINGKAT	MSIC 2008 Ver. 1.0
BAHAGIAN	4
KUMPULAN	5
KELAS	10
PERKARA	38

Seksyen ini termasuk pelbagai aktiviti bagi memenuhi minat orang awam dalam aktiviti kebudayaan, hiburan dan rekreasi meliputi persembahan secara langsung, operasi muzium, perjudian, sukan dan aktiviti rekreasi.

BAHAGIAN 90 AKTIVITI KESENIAN, HIBURAN DAN KREATIF

Bahagian ini termasuk operasi kemudahan dan penyediaan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan kebudayaan dan hiburan pelanggan. Ini termasuk produksi dan promosi, serta penglibatan dalam persembahan secara langsung, pameran atau pertunjukan untuk tontonan umum; penyediaan kemahiran artistik, kreatif atau teknikal untuk produksi produk artistik dan persembahan secara langsung.

KUMPULAN 900 Aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif

Kumpulan ini termasuk produksi persembahan teater secara langsung, konsert dan opera atau produksi tarian dan lain-lain produksi pentas seperti aktiviti secara berkumpulan, sarkas atau syarikat, orkestra atau pancaragam, serta aktiviti artis perseorangan seperti penulis, pelakon, pengarah, penerbit, ahli muzik, pensyarah atau penceramah, pereka pentas, dll. Operasi dewan konsert dan teater serta peralatan seni lain, aktiviti pemahat, pelukis, kartunis, pengukir, penggores dll., aktiviti penulis perseorangan, untuk semua jenis penulisan termasuk fiksi, teknikal, dll., termasuk juga aktiviti jurnalis bebas dan kerja pemeliharaan dan penyimpanan karya seni seperti lukisan dll.

Kumpulan ini termasuk juga aktiviti penerbit atau pengusaha acara persembahan seni secara langsung, dengan atau tanpa kemudahan.

BAHAGIAN 90 : AKTIVITI KESENIAN, HIBURAN DAN KREATIF**Kumpulan 900 : Aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
9000⁽¹⁾		Aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif	
	90001	Perkhidmatan penerbit teater, penyanyi kumpulan pancaragam dan hiburan orkestra ⁽²⁾	92141p, 92191
	90002	Operasi dewan konsert dan teater serta kemudahan kesenian lain ⁽³⁾	74993p, 92149p, 92493

- (1) **Tidak termasuk:**
- (a) penyimpanan kaca tingkap, lihat 23109
 - (b) pembuatan arca, selain daripada artistik asli, lihat 23960
 - (c) pembaikan organ dan alatan muzik bersejarah lain, lihat 33190
 - (d) pemuliharaan tapak dan bangunan bersejarah, lihat 41009
 - (e) produksi wayang gambar dan video, lihat 59110, 59120
 - (f) operasi panggung wayang, lihat 59140
 - (g) aktiviti teater persendirian atau agen atau agensi artistik, lihat 74909
 - (h) aktiviti pemilihan pelakon, lihat 78100
 - (i) aktiviti agensi tiket, lihat 79900
 - (j) operasi semua jenis muzium, lihat 91022
 - (k) aktiviti sukan dan hiburan dan rekreasi, lihat bahagian 93
 - (l) pembaikan perabot (kecuali jenis muzium), lihat 95240
- (2) **Termasuk:** artis perseorangan dan sarkas
- (3) **Termasuk:** aktiviti berkaitan cth. pengendalian hiasan latar dan tirai latar, kelengkapan lampu dan bunyi, agensi tiket, konsert dan dewan teater dan kemudahan lain dan rekaan hiasan latar dan lampu
- Tidak termasuk:**
- (a) penyewaan ruang teater dll., lihat 68102
 - (b) aktiviti agensi dan pemilihan pelakon, lihat 78100
 - (c) aktiviti pemilihan pelakon (wayang gambar, televisyen atau produksi teater, studio rakaman), lihat 78100

BAHAGIAN 90 : AKTIVITI KESENIAN, HIBURAN DAN KREATIF**Kumpulan 900 : Aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
90003		Aktiviti pemahat, pelukis, kartunis, pengukir, penggores	92142p
90004		Aktiviti penulis perseorangan, untuk semua subjek ⁽¹⁾	92142p
90005		Aktiviti jurnalis bebas	92142p, 92209p
90006		Pembaikan hasil kesenian seperti lukisan	92149p, 92199p
90007		Aktiviti penerbit atau pengusaha seni persembahan secara langsung, dengan atau tanpa kemudahan	92141p
90009		Aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif t.t.t.l.	92141p, 92142p, 92149p

- (1) **Termasuk:**
- (a) penulisan fiksiyen, penulisan teknikal, dll.
 - (b) aktiviti penulis buku saintifik dan teknikal
 - (c) aktiviti penulis perseorangan

BAHAGIAN 91 AKTIVITI PERPUSTAKAAN, ARKIB, MUZIUM DAN KEBUDAYAAN LAIN

Bahagian ini termasuk aktiviti perpustakaan dan arkib; operasi semua jenis muzium, taman botani dan zoologi; aktiviti operasi tapak bersejarah dan rizab semula jadi. Ini termasuk pemeliharaan dan pameran objek, tapak dan tanda semula jadi bersejarah, bagi tujuan kebudayaan atau pendidikan (cth. tapak warisan dunia, dll.).

Bahagian ini tidak termasuk aktiviti sukan dan taman hiburan dan rekreasi, seperti operasi pantai dan taman rekreasi (lihat bahagian 93).

KUMPULAN 910 Aktiviti perpustakaan, arkib, muzium dan kebudayaan lain

Kumpulan ini termasuk aktiviti perpustakaan, arkib, aktiviti muzium dan operasi tapak dan bangunan bersejarah; taman botani dan zoologi serta aktiviti rizab semula jadi.

BAHAGIAN 91 : AKTIVITI PERPUSTAKAAN, ARKIB, MUZIUM DAN KEBUDAYAAN LAIN**Kumpulan 910 : Aktiviti perpustakaan, arkib, muzium dan kebudayaan lain**

KELAS PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
9101⁽¹⁾	Aktiviti perpustakaan dan arkib	
91011	Aktiviti dokumentasi dan maklumat bagi semua jenis perpustakaan	92310p, 75140p
91012	Penyimpanan foto perpustakaan dan perkhidmatan	92310p
9102⁽²⁾	Aktiviti muzium dan operasi tapak dan bangunan bersejarah	
91021	Operasi semua jenis muzium ⁽³⁾	92320p
91022	Operasi tapak dan bangunan bersejarah ⁽⁴⁾	92320p
9103⁽⁵⁾	Aktiviti taman botani dan zoologi dan rizab semula jadi	
91031	Operasi taman botani dan zoologi	92330p
91032	Operasi rizab semula jadi, termasuk pemeliharaan hidupan liar	92330p

- (1) **Termasuk:** aktiviti perpustakaan dan arkib (diusahakan oleh swasta, awam, atau kerajaan)
- (2) **Tidak termasuk:** (a) pengubahsuaian dan pemuliharaan tapak dan bangunan bersejarah, lihat seksyen F
(b) pembaikan hasil seni dan koleksi objek muzium, lihat 90006
(c) aktiviti perpustakaan dan arkib, lihat 9101
- (3) **Termasuk:** cth. operasi semua jenis muzium seperti muzium kesenian, muzium barang kemas, perabot, kostum, seramik, barangan perak dll., muzium sejarah semula jadi dan sains, muzium teknologi, muzium bersejarah termasuk muzium tentera dan rumah bersejarah dan semua muzium khusus yang lain
- (4) **Termasuk:** pemeliharaan tapak dan bangunan bersejarah
- (5) **Tidak termasuk:** (a) perkhidmatan lanskap dan berkebun, lihat 81300
(b) operasi sukan memancing dan kawasan pemburuan, lihat 93199

BAHAGIAN 92 AKTIVITI PERJUDIAN DAN PERTARUHAN

Bahagian ini termasuk operasi kemudahan perjudian seperti kasino, dewan bingo dan terminal permainan video dan perkhidmatan perjudian, seperti loteri dan pertaruhan *off-track*.

KUMPULAN 920 Aktiviti perjudian dan pertaruhan

Kumpulan ini termasuk operasi tempahan dan pertaruhan lain, pertaruhan *off-track*, operasi kasino, termasuk "*floating casino*"; penjualan tiket loteri, operasi (eksploitasi) mesin judi slot syiling dan operasi perjudian laman web.

BAHAGIAN 92 : AKTIVITI PERJUDIAN DAN PERTARUHAN**Kumpulan 920 : Aktiviti perjudian dan pertaruhan**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
9200⁽¹⁾		Aktiviti perjudian dan pertaruhan	
	92000	Aktiviti perjudian dan pertaruhan	92495
(1)	Termasuk:	(a) tempahan dan operasi pertaruhan lain (b) pertaruhan <i>off-track</i> (c) operasi kasino, termasuk " <i>floating casinos</i> " (d) penjualan tiket loteri (e) operasi (eksploitasi) mesin perjudian slot syiling (f) operasi perjudian di laman web	
	Tidak termasuk:	operasi (eksploitasi) permainan slot syiling, lihat 93299	

BAHAGIAN 93 AKTIVITI SUKAN DAN AKTIVITI HIBURAN DAN REKREASI

Bahagian ini termasuk penyediaan aktiviti rekreasi, hiburan dan sukan (kecuali aktiviti muzium, pemeliharaan tapak bersejarah, aktiviti taman botani dan zoologi dan rizab semula jadi; dan aktiviti perjudian dan pertaruhan).

Bahagian ini tidak termasuk kesenian drama, muzik dan kesenian lain dan hiburan seperti produksi persembahan teater secara langsung, konsert dan opera atau tarian dan lain-lain produksi pentas, lihat bahagian 90.

KUMPULAN 931 Aktiviti sukan

Kumpulan ini termasuk operasi kemudahan sukan; aktiviti sukan berkumpulan atau kelab terutamanya yang mengambil bahagian dalam acara sukan secara langsung bagi penonton yang membayar; ahli sukan bebas yang terlibat dalam acara sukan atau perlumbaan secara langsung bagi penonton yang membayar; pemilik peserta perlumbaan seperti kereta, anjing, kuda, dll. terutamanya melibatkan mereka dalam acara perlumbaan atau acara sukan penonton lain; jurulatih sukan yang menyediakan khidmat khusus untuk menyokong peserta dalam acara atau pertandingan sukan; pengusaha arena dan stadium; aktiviti lain bagi penganjuran, promosi atau mengurus sukan, t.t.t.l.

KUMPULAN 932 Aktiviti hiburan dan rekreasi lain

Kumpulan ini termasuk aktiviti bagi berbagai unit yang mengendalikan kemudahan atau menyediakan perkhidmatan untuk memenuhi pelbagai minat rekreasi pelanggan tetap meliputi operasi pelbagai tarikan, seperti *mechanical rides*, *water rides*, permainan, persembahan, pameran tema dan kawasan perkemahan.

BAHAGIAN 93 : AKTIVITI SUKAN DAN AKTIVITI HIBURAN DAN REKREASI**Kumpulan 931 : Aktiviti sukan**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
9311 ⁽¹⁾		Operasi bagi kemudahan acara sukan dalam dan luar bangunan	
	93111	Bola sepak, hoki, kriket, besbol, badminton, futsal, <i>paintball</i>	92419p
	93112	Litar perlumbaan untuk kenderaan bermotor ⁽²⁾	92419p
	93113	Kelab equestrian	92413
	93114	Stadium dan kolam renang, arena luncur ais	92419p
	93115	Padang stadium dan balapan	92419p
	93116	Padang golf	92411
	93117	Pusat boling	92419p
	93118	Pusat kesihatan	92419p
	93119	Penganjuran dan operasi acara sukan dalam dan luar bangunan untuk profesional atau amatir oleh organisasi dengan kemudahan sukan sendiri ⁽³⁾	92415, 92419p

- (1) **Tidak termasuk:** (a) sewaan alatan sukan dan rekreasi, lihat 7721
(b) aktiviti taman dan pantai, lihat 93291
- (2) **Termasuk:** padang lumba untuk anjing, kuda
- (3) **Termasuk:** (a) menyelaras dan menyediakan pekerja untuk menggunakan peralatan tersebut
(b) pusat snuker

BAHAGIAN 93 : AKTIVITI SUKAN DAN AKTIVITI HIBURAN DAN REKREASI**Kumpulan 931 : Aktiviti sukan**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
9312⁽¹⁾		Aktiviti kelab sukan	
	93120	Operasi kelab sukan seperti kelab bola sepak, kelab boling, kelab renang	92412
9319⁽²⁾		Aktiviti sukan lain	
	93191	Aktiviti penganjur atau promosi acara sukan, dengan atau tanpa kemudahan	92414p
	93192	Aktiviti liga sukan dan badan yang mengawal	92419p
	93193	Aktiviti berkaitan dengan promosi acara sukan	92414p
	93199	Aktiviti sukan lain t.t.t.l. ⁽³⁾	92419p
(1)	Tidak termasuk:	(a) peraturan sukan oleh guru persendirian, jurulatih, lihat 85419 (b) operasi kemudahan sukan, lihat 9311 (c) penganjuran dan operasi acara sukan dalam dan luar bangunan untuk profesional atau amatir oleh organisasi dengan kemudahan sukan sendiri, lihat 93119	
(2)	Tidak termasuk:	(a) pembiakan kuda lumba, lihat 01420 (b) sewaan kelengkapan sukan, lihat 7721 (c) aktiviti sukan dan permainan sekolah, lihat 8541 (d) aktiviti pengajar, guru dan jurulatih sukan, lihat 85419 (e) penganjuran dan operasi acara sukan dalam dan luar bangunan untuk profesional atau amatir oleh organisasi dengan/tanpa kemudahan sukan sendiri, lihat 93119, 93120 (f) aktiviti taman dan pantai, lihat 93291	
(3)	Termasuk:	(a) aktiviti atas akaun sendiri ahli sukan dan atlet, pengadil, juri, penjaga masa,dll. (b) aktiviti kandang kuda lumba, rumah anjing dan garaj (c) operasi sukan memancing dan kawasan pemburuan (d) aktiviti sokongan untuk sukan atau rekreasi pemburuan dan memancing	

BAHAGIAN 93 : AKTIVITI SUKAN DAN AKTIVITI HIBURAN DAN REKREASI**Kumpulan 932 : Aktiviti hiburan dan rekreasi lain**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
9321		Aktiviti taman hiburan dan taman tema	
	93210	Aktiviti taman hiburan dan taman tema ⁽¹⁾	92494p
9329 ⁽²⁾		Aktiviti hiburan dan rekreasi lain t.t.t.l.	
	93291	Aktiviti taman rekreasi dan pantai ⁽³⁾	92494p
	93292	Operasi kemudahan pengangkutan rekreasi ⁽⁴⁾	92499p
	93293	Sewaan peralatan riadah sebagai kelengkapan untuk kemudahan rekreasi	92499p
	93294	Operasi pesta dan pertunjukan rekreasi semula jadi	92499p
	93295	Operasi kelab malam dan lantai tari	92192

- (1) **Termasuk:** operasi *mechanical rides*, *water rides*, permainan, persembahan, pameran tema dan kawasan perkelahan
- (2) **Tidak termasuk:**
- (a) *cruise* memancing (laut dan pesisir pantai), lihat 50113, *cruise* memancing (laut dalam), lihat 50212
 - (b) penyediaan ruang dan kemudahan untuk persinggahan sementara oleh pelawat di taman rekreasi dan hutan dan tapak perkhemahan, lihat 55200
 - (c) aktiviti penyediaan minuman di kelab malam, lihat 56301
 - (d) pakir treler, tapak perkhemahan, kem rekreasi, kem memburu dan memancing, kawasan perkhemahan dan tapak perkhemahan, lihat 55200
 - (e) sewaan kelengkapan riadah secara berasingan, lihat 7721
 - (f) operasi (eksploitasi) mesin judi slot syiling, lihat 92000
 - (g) aktiviti taman hiburan dan taman tema, lihat 93210
- (3) **Termasuk:** sewaan kelengkapan seperti bilik mandi, loker, kerusi, dsb.
- (4) **Termasuk:** operasi marina

BAHAGIAN 93 : AKTIVITI SUKAN DAN AKTIVITI HIBURAN DAN REKREASI**Kumpulan 932 : Aktiviti hiburan dan rekreasi lain**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
93296		Aktiviti penganjur atau pengusaha persembahan secara langsung selain daripada acara kesenian atau sukan, dengan atau tanpa kemudahan	92499p
93297		Kafe siber/pusat internet	92419p, 92499p
93299		Aktiviti hiburan dan rekreasi lain t.t.t.l. ⁽¹⁾	92499p

(1) **Termasuk:** operasi (eksploitasi) mesin permainan slot syiling

S

● AKTIVITI PERKHIDMATAN LAIN

- 94 Aktiviti keahlian organisasi
- 95 Pembaikan komputer dan barangan persendirian dan isi rumah
- 96 Aktiviti perkhidmatan persendirian lain

S

SEKSYEN S : AKTIVITI PERKHIDMATAN LAIN

PERINGKAT	MSIC 2008 Ver. 1.0
BAHAGIAN	3
KUMPULAN	6
KELAS	17
PERKARA	49

Seksyen ini (sebagai kategori selebihnya) termasuk aktiviti keahlian organisasi, memperbaiki komputer dan barangan persendirian dan isi rumah dan pelbagai aktiviti perkhidmatan persendirian yang tidak diliputi dalam mana-mana klasifikasi MSIC.

BAHAGIAN 94 AKTIVITI KEAHLIAN ORGANISASI

Bahagian ini termasuk aktiviti organisasi yang mewakili kepentingan kumpulan tertentu atau mempromosi idea kepada masyarakat umum. Organisasi berkenaan selalunya mempunyai kumpulan ahli tersendiri tetapi aktivitinya boleh melibatkan dan memberi manfaat kepada bukan ahli. Pecahan utama bahagian ini ditentukan oleh tujuan khidmat organisasi berkenaan, iaitu kepentingan majikan, pekerja sendiri dan komuniti tertentu (kumpulan 941), kepentingan pekerja (kumpulan 942) atau mempromosikan keagamaan, politik, kebudayaan, pendidikan atau idea rekreasi dan aktiviti (kumpulan 949).

KUMPULAN 941 Aktiviti organisasi keahlian perniagaan, majikan dan profesional

Kumpulan ini termasuk aktiviti bagi unit yang mempromosikan kepentingan ahli organisasi perniagaan dan pekerja. Dalam kes keahlian organisasi profesional, ia juga termasuk aktiviti mempromosikan kepentingan profesional ahli-ahli yang berkaitan dengan kerjaya mereka.

KUMPULAN 942 Aktiviti kesatuan buruh

Kumpulan ini termasuk mempromosikan kepentingan kesatuan buruh dan pekerja, aktiviti persatuan di mana ahli adalah pekerja yang berminat dalam memberi pandangan berkaitan gaji dan situasi pekerjaan, dan langkah diambil melalui organisasi dan aktiviti kesatuan kilang, kesatuan membentuk gabungan cawangan organisasi buruh, membentuk gabungan kesatuan berasaskan perdagangan, kawasan dan struktur organisasi atau kriteria lain.

KUMPULAN 949 Aktiviti keahlian organisasi lain

Kumpulan ini termasuk aktiviti bagi unit (kecuali organisasi perniagaan dan majikan, organisasi profesional, kesatuan buruh) yang mempromosikan kepentingan ahli.

BAHAGIAN 94 : AKTIVITI KEAHLIAN ORGANISASI**Kumpulan 941 : Aktiviti organisasi keahlian perniagaan, majikan dan profesional**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
9411⁽¹⁾		Aktiviti keahlian organisasi perniagaan dan majikan	
	94110	Aktiviti keahlian organisasi perniagaan dan majikan	91110
9412⁽²⁾		Aktiviti keahlian organisasi profesional	
	94120	Aktiviti keahlian organisasi profesional	91120
(1)	Tidak termasuk:	aktiviti kesatuan buruh, lihat 94200	
(2)	Tidak termasuk:	pendidikan disediakan oleh organisasi berkenaan, lihat bahagian 85	

BAHAGIAN 94 : AKTIVITI KEAHLIAN ORGANISASI**Kumpulan 942 : Aktiviti kesatuan buruh**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
9420⁽¹⁾		Aktiviti kesatuan buruh	
	94200	Aktiviti kesatuan buruh	91200

- (1) **Tidak termasuk:** pendidikan disediakan oleh organisasi berkenaan, lihat bahagian 85

BAHAGIAN 94 : AKTIVITI KEAHLIAN ORGANISASI**Kumpulan 949 : Aktiviti keahlian organisasi lain**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
9491⁽¹⁾		Aktiviti organisasi keagamaan	
	94910	Aktiviti organisasi keagamaan	91910
9492		Aktiviti organisasi politik	
	94920	Aktiviti organisasi politik	91920
9499⁽²⁾		Aktiviti keahlian organisasi lain t.t.t.l.	
	94990	Aktiviti keahlian organisasi lain t.t.t.l. ⁽³⁾	01500p, 65994p, 91991, 91992, 91993p, 91999p

- (1) **Tidak termasuk:**
- (a) pendidikan disediakan oleh organisasi berkenaan, lihat bahagian 85
 - (b) aktiviti kesihatan oleh organisasi berkenaan, lihat bahagian 86
 - (c) aktiviti kerja sosial oleh organisasi berkenaan, lihat bahagian 87, 88
- (2) **Tidak termasuk:**
- (a) aktiviti kumpulan atau organisasi kesenian professional, lihat 9000
 - (b) aktiviti kelab sukan, lihat 93120
 - (c) aktiviti persatuan profesional, lihat 94120
- (3) **Termasuk:**
- (a) persatuan pengguna, persatuan automobil, persatuan belia, kelab membaca, kelab warga emas, dll.
 - (b) aktiviti perkhidmatan yang mempromosikan pemburuan dan menjerat secara komersil
 - (c) aktiviti pemberian geran oleh keahlian organisasi

BAHAGIAN 95 PEMBAIKAN KOMPUTER DAN BARANGAN PERSENDIRIAN DAN ISI RUMAH

Bahagian ini termasuk pembaikan dan penyelenggaraan peralatan komputer seperti desktop, komputer riba, komputer terminal, peranti penyimpanan dan pencetak. Termasuk pembaikan peralatan komunikasi seperti mesin faks, radio dua hala dan barangan elektronik pengguna seperti radio dan TV, peralatan rumah dan halaman seperti mesin rumput dan *blowers*, kelengkapan kasut dan barangan kulit, perabut dan kelengkapan rumah, pakaian dan aksesori pakaian, barangan sukan, peralatan muzik, barangan hobi dan barangan persendirian dan isi rumah lain.

Tidak termasuk daripada bahagian ini adalah pembaikan peralatan perubatan dan pengimejan diagnostik, peralatan menyukat dan mengukur, peralatan makmal, peralatan radar dan sonar, lihat 3313.

KUMPULAN 951 Pembaikan komputer dan peralatan komunikasi

Kumpulan ini termasuk pembaikan dan penyelenggaraan peralatan komputer dan komunikasi.

KUMPULAN 952 Pembaikan barangan persendirian dan isi rumah

Kumpulan ini termasuk pembaikan dan penyelenggaraan barangan persendirian dan isi rumah.

BAHAGIAN 95 : PEMBAIKAN KOMPUTER DAN BARANGAN PERSENDIRIAN DAN ISI RUMAH**Kumpulan 951 : Pembaikan komputer dan peralatan komunikasi**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
9511 ⁽¹⁾		Pembaikan komputer dan peralatan sampingan	
	95111	Pembaikan peralatan elektronik ⁽²⁾	72500p
	95112	Pembaikan dan penyelenggaraan terminal komputer ⁽³⁾	72500p
	95113	Pembaikan dan penyelenggaraan <i>hand-held computers</i> (PDA's)	72500p
9512		Pembaikan dan penyelenggaraan peralatan komunikasi	
	95121	Pembaikan dan penyelenggaraan telefon tanpa wayar	52602p
	95122	Pembaikan dan penyelenggaraan telefon selular	52602p
	95123	Pembaikan dan penyelenggaraan peralatan <i>carrier modems</i>	52602p
	95124	Pembaikan dan penyelenggaraan mesin faks	52602p
	95125	Pembaikan dan penyelenggaraan peralatan transmisi komunikasi ⁽⁴⁾	52602p
	95126	Pembaikan dan penyelenggaraan radio dua hala	52602p
	95127	Pembaikan dan penyelenggaraan TV komersial dan kamera video	32200p

- (1) **Tidak termasuk:** pembaikan dan penyelenggaraan peralatan *carrier modems*, lihat 95125
- (2) **Termasuk:** pembaikan komputer dan mesin mengira dan peralatan tambahan seperti desktop, komputer riba, peranti cekera magnetik, pencetak, skrin, papan kekunci, tetikus, alat penggerak dan *trackball accessories*, modem dalaman dan luaran komputer, terminal komputer, server komputer, alat pengimbas, termasuk pengimbas kod bar, pembaca kad pintar, *virtual reality helmets* dan projektor komputer, dll.
- (3) **Termasuk:** pembaikan dan penyelenggaraan terminal komputer seperti mesin wang automatik (ATM's); *point-of-sale (POS) terminals*, tidak beroperasi secara mekanikal
- (4) **Termasuk:** pembaikan dan penyelenggaraan *routers, bridges, modems*

BAHAGIAN 95 : PEMBAIKAN KOMPUTER DAN BARANGAN PERSENDIRIAN DAN ISI RUMAH**Kumpulan 952 : Pembaikan barangan persendirian dan isi rumah**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
9521		Pembaikan peralatan elektronik pengguna	
	95211	Pembaikan dan penyelenggaraan TV dan penerima radio	52602p
	95212	Pembaikan dan penyelenggaraan VCR/DVD/VCD	52602p
	95213	Pembaikan dan penyelenggaraan pemain CD	52602p
	95214	Pembaikan dan penyelenggaraan kamera video bagi isi rumah	32300p, 52602p
9522⁽¹⁾		Pembaikan kelengkapan isi rumah dan peralatan rumah dan halaman	
	95221	Pembaikan dan penyenggaraan kelengkapan isi rumah ⁽²⁾	52602p
	95222	Pembaikan dan penyenggaraan peralatan rumah dan halaman ⁽³⁾	

- (1) **Tidak termasuk:** (a) pembaikan *hand held power tools*, lihat 33120
(b) pembaikan sistem utama pendingin udara, lihat 43225
- (2) **Termasuk:** (a) pembaikan dan penyenggaraan peti sejuk
(b) pembaikan dan penyenggaraan dapur
(c) pembaikan dan penyenggaraan mesin basuh
(d) pembaikan dan penyenggaraan pengering pakaian
(e) pembaikan dan penyenggaraan pendingin udara bilik, dll.
- (3) **Termasuk:** (a) pembaikan dan penyenggaraan mesin pemotong rumput
(b) pembaikan dan penyenggaraan mata pisau
(c) pembaikan dan penyenggaraan *leaf-blowers*
(d) pembaikan dan penyenggaraan perapian

BAHAGIAN 95 : PEMBAIKAN KOMPUTER DAN BARANGAN PERSENDIRIAN DAN ISI RUMAH**KUMPULAN 952 : Pembaikan barangan persendirian dan isi rumah**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
9523		Pembaikan kelengkapan kasut dan barangan kulit	
	95230	Pembaikan kelengkapan kasut dan barangan kulit ⁽¹⁾	52601
9524		Pembaikan perabut dan kelengkapan rumah	
	95240	Pembaikan perabut dan kelengkapan rumah ⁽²⁾	36101p, 36102p, 36109p, 52609p
9529 ⁽³⁾		Pembaikan barangan persendirian dan isi rumah, t.t.t.l.	
	95291	Pembaikan basikal	52604
	95292	Pembaikan dan pemindaan pakaian	52609p
	95293	Pembaikan dan pemindaan barangan kemas	52603p
	95294	Pembaikan jam tangan, jam dan kelengkapanya	52603p
	95295	Pembaikan barangan sukan ⁽⁴⁾	52609
	95296	Pembaikan peralatan muzikal	52354p
	95299	Pembaikan barangan persendirian dan isi rumah t.t.t.l. ⁽⁵⁾	52609p

- (1) **Termasuk:** membaiki kelengkapan kasut dan barangan kulit seperti but, kasut, memasang tumit kasut, beg dan seumpamanya
- (2) **Termasuk:** (a) *reupholstering* perabut dan rumah
(b) kemasan semula perabut dan kelengkapan rumah
(c) membaiki dan memperbaharui perabut dan kelengkapan rumah
(d) membaiki dan memperbaharui perabut pejabat
(e) pemasangan perabut pasang siap
- (3) **Tidak termasuk:** (a) industri mengukir/membentuk logam, lihat 25920
(b) membaiki peralatan *hand- held power*, lihat 33120
(c) membaiki senapang sukan dan rekreasi, lihat 33120
(d) membaiki jam masa, penanda masa/tarikh, pengunci masa dan peranti perakam masa yang seumpamanya, lihat 33131
- (4) **Tidak termasuk:** membaiki senapang sukan, lihat 33120
- (5) **Termasuk:** (a) penyediaan perkhidmatan duplikasi kunci
(b) pembaik pulih buku
(c) pembaikan peralatan muzikal
(d) pembaikan barangan mainan dan yang berkaitan

BAHAGIAN 96 AKTIVITI PERKHIDMATAN PERSENDIRIAN LAIN

Bahagian ini termasuk semua aktiviti perkhidmatan yang tidak dinyatakan di mana-mana klasifikasi. Terutamanya termasuk jenis-jenis perkhidmatan seperti basuhan dan cucian kering tekstil dan produk berbulu, dandanan rambut dan penjagaan kecantikan lain, pengebumian dan aktiviti yang berkaitan.

KUMPULAN 960 Aktiviti berkaitan perkhidmatan persendirian lain

Kumpulan ini termasuk basuhan dan cucian kering tekstil dan produk berbulu; dandanan rambut dan penjagaan kecantikan lain; pengebumian dan aktiviti yang berkaitan; aktiviti perkhidmatan persendirian lain t.t.t.l.

BAHAGIAN 96 : AKTIVITI PERKHIDMATAN PERSENDIRIAN LAIN**KUMPULAN 960 : Aktiviti perkhidmatan persendirian lain**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
9601⁽¹⁾		Basuhan dan cucian kering bagi tekstil dan produk berbulu	
	96011	Pencucian dan cucian kering, menggosok	93010p
	96012	Mensyampo karpet dan permaidani, serta pengeringan dan cucian langsir sama ada di premis pengguna atau sebaliknya	93010p
	96013	Penyediaan linen, baju seragam dan perkara berkaitan dengan cucian	93010p
	96014	Perkhidmatan pembekalan pengalas	93010p
9602⁽²⁾		Dandanan rambut dan penjagaan kecantikan lain	
	96020	Dandanan rambut dan penjagaan kecantikan lain	93021, 93022, 93023
9603⁽³⁾		Aktiviti berkaitan pengebumian manusia atau haiwan dan aktiviti yang berkaitan dengannya	
	96031	Penyediaan pengurusan mayat untuk pengebumian atau pembakaran dan perkhidmatan pengawetan mayat	93030p
	96032	Perkhidmatan penyediaan pengebumian atau pembakaran	93030p
	96033	Penyewaan ruang yang lengkap dalam bilik pengebumian	93030p
	96034	Penyewaan dan penjualan ruang kubur	93030p
	96035	Penyelenggaraan kubur dan makam	93030p

- (1) **Tidak termasuk:**
- (a) penyewaan pakaian selain daripada pakaian seragam kerja, walaupun pembersihan bagi pakaian ini menjadi pelengkap kepada sebahagian daripada aktiviti ini, lihat 7730
 - (b) pembaikan dan pemindaan pakaian, dll., seperti aktiviti yang tidak tertakluk kepada yang lain, lihat 95292
- (2) **Tidak termasuk:** pembuatan rambut palsu, lihat 32909
- (3) **Tidak termasuk:** aktiviti perkhidmatan pengebumian mengikut keagamaan, lihat 94910

BAHAGIAN 96 : AKTIVITI PERKHIDMATAN PERSENDIRIAN LAIN**Kumpulan 960 : Aktiviti perkhidmatan persendirian lain**

KELAS	PERKARA	KETERANGAN	MSIC 2000
9609⁽¹⁾		Aktiviti perkhidmatan lain t.t.t.l.	
	96091	Aktiviti sauna, mandian stim, salon mengurus	93092
	96092	Aktiviti astrologikal dan kerohanian	93099p
	96093	Aktiviti sosial seperti perkhidmatan pengiring, temuanji dan biro perkahwinan	93091, 93093
	96094	Perkhidmatan jagaan haiwan ⁽²⁾	93099p
	96095	Organisasi genealogikal	93099p
	96096	Pengilat kasut, porter, valet memakir kereta	93099p
	96097	Operasi konsensi bagi perkhidmatan mesin duit syiling untuk kegunaan persendirian ⁽³⁾	93099p
	96099	Aktiviti perkhidmatan lain t.t.t.l.	93099p

- (1) **Tidak termasuk:** (a) aktiviti veterinar, lihat 75000
(b) aktiviti pusat kesihatan, lihat 93118

- (2) **Termasuk:** penumpangan, perapian, mendudukkan dan melatih binatang peliharaan

- (3) **Termasuk:** (a) kios foto
(b) mesin penimbang berat badan
(c) operasi lokar bersyiling

T

**● AKTIVITI ISI RUMAH SEBAGAI MAJIKAN;
AKTIVITI MENGELUARKAN BARANGAN DAN PERKHIDMATAN YANG TIDAK DAPAT DIBEZAKAN OLEH ISI RUMAH UNTUK KEGUNAAN SENDIRI**

- 97 Aktiviti isi rumah sebagai majikan bagi personel domestik
- 98 Aktiviti mengeluarkan barangan dan perkhidmatan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah persendirian untuk kegunaan sendiri ●

T

**SEKSYEN T : AKTIVITI ISI RUMAH SEBAGAI MAJIKAN;
AKTIVITI MENGELUARKAN BARANGAN DAN PERKHIDMATAN YANG TIDAK DAPAT
 DIBEZAKAN OLEH ISI RUMAH UNTUK KEGUNAAN SENDIRI**

PERINGKAT	MSIC 2008 Ver. 1.0
BAHAGIAN	2
KUMPULAN	3
KELAS	3
PERKARA	3

Seksyen ini termasuk aktiviti isi rumah sebagai majikan bagi personel domestik dan aktiviti mengeluarkan barangan dan perkhidmatan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah untuk kegunaan sendiri.

BAHAGIAN 97 AKTIVITI ISI RUMAH SEBAGAI MAJIKAN BAGI PERSONEL DOMESTIK

Bahagian ini termasuk aktiviti isi rumah sebagai majikan personel domestik seperti pembantu rumah, tukang masak, pelayan, valet, ketua pembantu rumah, tukang cuci, tukang kebun, penjaga pintu, pembantu kandang kuda, pemandu, penjaga, pengasuh, penjaga budak, tutor, setiausaha dll.

Ia membolehkan personel domestik yang digajikan untuk menentukan aktiviti majikan mereka dalam bancian atau kajian, walaupun majikan itu adalah individu perseorangan. Produk yang dihasilkan melalui aktiviti ini digunakan oleh isi rumah yang bekerja.

Bahagian ini tidak termasuk peruntukan terhadap perkhidmatan seperti memasak, berkebun dll oleh pembekal perkhidmatan bebas (syarikat atau perseorangan), lihat kelas MSIC mengikut jenis perkhidmatan.

KUMPULAN 970 Aktiviti isi rumah sebagai majikan bagi personel domestik

Lihat bahagian 97.

BAHAGIAN 97 : AKTIVITI ISI RUMAH SEBAGAI MAJIKAN BAGI PERSONEL DOMESTIK
Kumpulan 970 : Aktiviti isi rumah sebagai majikan bagi personel domestik

KELAS	PERKARA	PENERANGAN	MSIC 2000
9700 ⁽¹⁾		Aktiviti isi rumah sebagai majikan bagi personel domestik	
	97000	Aktiviti isi rumah sebagai majikan bagi personel domestik ⁽²⁾	95000
(1)	Tidak termasuk:	(a) peruntukan perkhidmatan (cth. memasak, berkebun) oleh pembekal perkhidmatan bebas (syarikat atau perseorangan), lihat mengikut jenis perkhidmatan (b) aktiviti sokongan lain kebiasaannya disediakan untuk pemiagaan tidak terkelas di mana-mana seperti <i>runner</i> diklasifikasikan dalam kelas 82990 (c) perkhidmatan pemilikan semula diklasifikasikan dalam kelas 82990 (d) aktiviti fotografi diklasifikasikan dalam kelas 74200 (e) pengubahsuaian dan membaiki tempat tinggal dan lain-lain struktur diklasifikasikan dalam kelas 4100 pembinaan bangunan (f) membaiki barangan persendirian dan isi rumah diklasifikasikan dalam kelas 952	
(2)	Termasuk:	Aktiviti isi rumah sebagai majikan personel domestik (cth. pembantu rumah, tukang masak, pelayan, valet, ketua pembantu rumah, tukang cuci, tukang kebun, penjaga pintu, pembantu kandang kuda, pemandu, penjaga, pengasuh, penjaga budak, tutor, setiausaha, tukang bersih rumah, individu yang menyediakan perkhidmatan dalam pantang, pemotong rumput)	

BAHAGIAN 98 AKTIVITI MENGELUARKAN BARANGAN DAN PERKHIDMATAN YANG TIDAK DAPAT DIBEZAKAN OLEH ISI RUMAH PERSENDIRIAN UNTUK KEGUNAAN SENDIRI

Bahagian ini termasuk aktiviti pengeluaran barangan dan perkhidmatan sara hidup yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah.

Isi rumah seharusnya diklasifikasikan di sini hanya apabila ia mustahil untuk mengenalpasti aktiviti utama untuk aktiviti sara hidup isi rumah. Jika isi rumah terlibat dalam aktiviti pasaran, ia perlu diklasifikasikan mengikut aktiviti pasaran utama yang dijalankan.

KUMPULAN 981 Aktiviti mengeluarkan barangan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah persendirian untuk kegunaan sendiri

Kumpulan ini termasuk aktiviti pengeluaran barangan sara hidup yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah, boleh dikatakan, aktiviti isi rumah yang terlibat dalam pelbagai aktiviti yang mengeluarkan barangan untuk saraan sendiri. Aktiviti ini termasuk memburu dan mengumpul, perkebunan, menyediakan tempat perlindungan dan pakaian serta barang-barang lain yang dihasilkan oleh isi rumah untuk saraan sendiri. Untuk tujuan aplikasi, isi rumah yang terlibat dalam pengeluaran barangan yang dipasarkan, diklasifikasikan kepada industri pengeluaran barangan yang bersesuaian dengan MSIC. Bagi isi rumah terlibat terutamanya dalam aktiviti pengeluaran barangan sara hidup tertentu, mereka diklasifikasikan kepada industri pengeluaran barangan yang bersesuaian dengan MSIC.

KUMPULAN 982 Aktiviti menyediakan perkhidmatan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah persendirian untuk kegunaan sendiri

Kumpulan ini mengandungi aktiviti penyediaan perkhidmatan sara hidup yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah, aktiviti isi rumah yang terlibat dalam pelbagai aktiviti yang menyediakan perkhidmatan untuk saraan sendiri. Aktiviti ini termasuk memasak, mengajar, mengambil berat tentang ahli isi rumah dan perkhidmatan lain yang dihasilkan oleh isi rumah untuk saraannya. Untuk tujuan aplikasi, isi rumah yang terlibat dalam penghasilan beberapa barangan untuk tujuan saraan, diklasifikasikan sebagai aktiviti isi rumah bagi pengeluaran sara hidup yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah.

BAHAGIAN 98 : AKTIVITI MENGELUARKAN BARANGAN DAN PERKHIDMATAN YANG TIDAK DAPAT DIBEZAKAN OLEH ISI RUMAH PERSENDIRIAN UNTUK KEGUNAAN SENDIRI

Kumpulan 981 : Aktiviti mengeluarkan barangan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah persendirian untuk kegunaan sendiri

KELAS	PERKARA	PENERANGAN	MSIC 2000
9810 ⁽¹⁾		Aktiviti mengeluarkan barangan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah persendirian untuk kegunaan sendiri	
	98100	Aktiviti mengeluarkan barangan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah persendirian untuk kegunaan sendiri ⁽²⁾	k.b.

- (1) **Termasuk:**
- (a) jika isi rumah terlibat dalam pengeluaran barangan yang dipasarkan, mereka diklasifikasikan kepada industri pengeluaran barangan yang bersesuaian dengan MSIC
